

# K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2001	
<b><u>Jawatankuasa :</u></b>	
<b><u>Jadual -</u></b>	
Maksud B.46	(Halaman 12)
Maksud B.47	(Halaman 38)
<b>USUL-USUL:</b>	
– Anggaran Pembangunan 2001	
<b><u>Jawatankuasa :</u></b>	
Maksud P.46	(Halaman 12)
Maksud P.47	(Halaman 38)
– Usul Bagi Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat	
– Di Bawah Peraturan Mesyuarat 14(2)	(Halaman 11)
– Usul Meminda Jadual Dalam Rang Undang-Undang	
– Di Bawah Peraturan Mesyuarat 66(9)	(Halaman 38)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut )
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)

- Yang Berhormat Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- " Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- " Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- " Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- " Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- " Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- " Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- " Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- " Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- " Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- " Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- " Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- " Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- " Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- " Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- " Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- " Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- " Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- " Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- " Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- " Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- " Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- " Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- " Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- " Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- " Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- " Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- " Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- " Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- " Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- " Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- " Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)

- Yang Berhormat Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shanon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)

- Yang Berhormat Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Mashitah binti Kamaruddin  
Marzila binti Muslim  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd. Azmi bin Embong  
Sulaiman b in Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

DR.4.12.2000

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 4 Disember 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)

*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan pihak kementerian dalam menangani gejala penerbitan yang boleh merosakkan minda seperti majalah-majalah yang menjolok mata, akhbar-akhbar politik yang memutarbelitkan fakta dan buku-buku agama yang menyesatkan akidah.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil tindakan tegas bagi menyekat pagedaran bahan-bahan penerbitan yang berunsur negatif sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Sepang. Di antara tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil ialah;

- (i) mempertingkatkan kawalan di pintu-pintu masuk utama seperti di pelabuhan-pelabuhan, di lapangan terbang-lapangan terbang dan di pusat pemeriksaan surat-surat yang dihantar melalui jalan udara, laut dan darat bagi memastikan penerbitan-penerbitan yang tidak diingini tersebut dapat disekat daripada memasuki negara ini;
- (ii) menjalankan pemeriksaan secara mengejut ke atas syarikat-syarikat penerbit, pencetak, pengimport serta pengedar dan merampas penerbitan-penerbitan berkenaan sekiranya ditemui;
- (iii) melarang penerbitan lain-lain agama selain daripada agama Islam yang diterbit dan dicetak di dalam negara menggunakan istilah Islam 'Allah', 'solat', 'Kaabah' dan 'Baitullah' supaya ia tidak mengelirukan masyarakat Islam;
- (iv) mengadakan pertemuan dengan pihak-pihak yang telah dikenal pasti menerbit, mencetak dan mengedar bahan-bahan penerbitan negatif yang boleh mengelirukan masyarakat Islam, tujuannya ialah bagi menerangkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan;
- (v) merampas serta memusnahkan penerbitan yang boleh mengelirukan masyarakat Islam sekiranya ditemui;
- (vi) mengharamkan penerbitan yang berunsur negatif termasuk yang boleh merosakkan akidah Islam.

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan lanjut berhubung dengan pertimbangan yang dipakai oleh pihak kementerian dalam memastikan penerbitan-penerbitan yang bercanggah dengan garis panduan yang disebutkan tadi, melibatkan penerbitan akhbar-akhbar politik sebagaimana yang dimaksud dalam soalan asal tadi khususnya akhbar *Harakah* yang telah pun disekat pengeluaran kepada dua penerbitan dalam masa satu bulan. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, akhbar *Harakah* tidak disekat, hanya dikurangkan penerbitannya sahaja. Ini berdasarkan beberapa temu bual yang telah dijalankan untuk menentukan bahawa perkara-perkara yang tidak diingini atau yang boleh membangkitkan rasa kemarahan orang-orang lain bersabit dengan penulisan dalam akhbar ini. Walau

bagaimanapun, persetujuan telah dicapai bila tawaran kementerian untuk *Harakah* menerbitkan dua kali sebulan ini diberi dan sehingga ini saya percaya bahawa *Harakah* dapat mengedar kepada semua ahli-ahli yang ada di seluruh negara.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan. Soalan tambahan saya pada pagi ini iaitu adakah kementerian sedar bahawa ada satu surat khabar yang telah menyiar tulisan yang ditulis oleh penulis khusus ruangan agama dalam *Utusan Malaysia* pada 17 Oktober 1999 yang berkaitan dengan perkara hukum yang telah diputuskan oleh agama. Dia mempertikaikan hukuman agama tersebut iaitu agama Islam. Jadi, apa yang saya mahu tanya di sini apakah tindakan dan pemantauan yang dibuat oleh pihak kerajaan kepada penulis ini dan seterusnya apakah tindakan supaya tulisan-tulisan sedemikian rupa tidak timbul ataupun tidak disiarkan lagi pada tahun-tahun hadapan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berlaku kalau tak silap pendengaran saya penulisan pada 17 Oktober 1999, ya Yang Berhormat? Saya sendiri tidak mengikuti penulisan ini dan oleh kerana ianya khusus mengenai satu penulisan dalam akhbar *Utusan Malaysia*, saya pohon izin persetujuan Yang Berhormat untuk saya menjawab secara bertulis mengenai pandangan yang telah dibuat oleh jawatankuasa, dan badan pengelola penerbitan ini.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak apa Yang Berhormat, dia akan - saya pun tak berapa pasti 17 Oktober 1999 apa yang sebenar tajuk itu.

2. **Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan bagaimana kementerian benar-benar memantau harga tawaran ketika menganjurkan Karnival Beli-Belah yang mana setengah penjual didapati menipu pengguna.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa menjalankan pemeriksaan terhadap peniaga-peniaga yang mengambil bahagian dalam Karnival Beli-Belah yang menawarkan potongan harga ataupun jualan murah. Pemeriksaan-pemeriksaan ini yang dijalankan sebelum dan semasa jualan murah diadakan adalah untuk menentukan kesahihannya terutama dari aspek harga barangan yang didagangkan.

Kementerian menguatkuasakan Peraturan-peraturan Perihal Dagangan Harga Jualan Murah 1997 telah membuat pengesanan harga-harga yang ditawarkan semasa penganjuran sesuatu jualan murah. Perbandingan harga dijalankan di antara harga semasa dengan harga yang pernah ditawarkan terdahulu daripadanya iaitu berasaskan kepada harga bagi satu tempoh tidak kurang daripada 28 hari berturut-turut dalam tempoh masa enam bulan sebelum sesuatu jualan murah berkenaan bermula.

Dalam hubungan ini, adalah menjadi tanggungjawab peniaga-peniaga terbabit untuk menyelenggarakan satu rekod yang benar dan lengkap tentang harga pembekalan atau tawaran jualan murah selama satu tahun dari tarikh sesuatu jualan murah diadakan.

Bagi tahun ini sehingga 31 Oktober 2000 kementerian telah mengambil 61 tindakan kes terhadap peniaga-peniaga berhubung kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Perihal Dagangan Harga Jualan Murah 1997 dengan melibatkan penyitaan barang-barang bernilai kira-kira RM44,000. Bagi tempoh yang sama kementerian menerima sebanyak 14,084 notis untuk menganjurkan jualan murah di seluruh negara.

Berhubung dengan Karnival Beli-Belah atau jualan mega, setakat ini kementerian tidak menerima sebarang aduan daripada pengguna mengenai sebarang bentuk penipuan oleh peniaga. Sekian.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh saya sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi benar-benar memastikan bahawa hanya peniaga-peniaga ataupun penjual-penjual yang berdaftar untuk menyertai Karnival Beli-Belah ini sahaja yang layak untuk berbuat demikian. Kerana

memandangkan pada masa ini didapati masih banyak peniaga, penjual yang tidak berbuat demikian tetapi mereka ini tetap mengambil advantage, dengan izin, kepada Karnival Beli-Belah ini. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan perkara tersebut.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sepatutnya sebelum penjual atau peniaga akan mengadakan harga jualan murah, mereka mesti mohon permintaan daripada kementerian saya 14 hari sebelum jualan murah diadakan dan mereka juga perlu sebagaimana yang saya sebut tadi, menyelenggarakan rekod yang benar dan lengkap berkaitan harga barang-barang bagi tempoh enam bulan terdahulu yang ditawarkan di premis yang sama dan menentukan barang-barang yang dijual dengan harga jualan murah adalah tidak kurang daripada 70% dari kesemua barang yang dipamerkan untuk jualan di premis berkenaan, bukan dibandingkan dengan barang-barang yang sama dengan penjual lain. Menentukan harga yang ditawarkan dahulu i.e. the previous offered price, ini yang penting adalah harga yang paling rendah yang dijual selama 28 hari berterusan dalam jangka masa enam bulan sebelumnya. Harga paling rendah ini tidak termasuk harga jualan murah yang pernah ditawarkan dalam tempoh enam bulan tersebut; dan menentukan tempoh jualan murah tidak melebihi daripada 30 hari. Di samping itu juga, mereka mesti menawarkan barang-barang dengan mempunyai kualiti boleh didagang sesuai untuk tujuannya, diberi warranty atau jaminan dan stok barangan yang mencukupi. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita faham bahawa Karnival Beli-Belah ini diadakan di negara kita dalam usaha kita untuk menggalakkan perniagaan tempatan dan juga untuk menarik pelancong yang mana dalam Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai shopping paradise. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah komitmen kerajaan untuk kita menggalakkan supaya Karnival Beli-Belah ini dapat dilaksanakan dengan begitu berjayanya di seluruh negara. Saya difahamkan bahawa diberikan potongan 5% daripada cukai...

**Tuan Wong Kam Hoong:** Berapa peratus?

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Lima peratus, cukai kepada program tersebut. Apakah usaha-usaha kementerian supaya lebih ramai lagi peniaga mengambil bahagian kerana pada dua tahun yang lepas kita dapati bahawa Karnival Beli-Belah yang kita anjurkan ini tidak disertai sepenuhnya oleh peniaga-peniaga tempatan. Jadi, adakah potongan 5% ini memang benar-benar diberikan kepada mereka yang memohon untuk terlibat dengan Karnival Beli-Belah ini dan pembeli-pembeli dapat menikmati kekurangan sekurang-kurangnya lebih murah 5% daripada biasa.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Mungkin soalan ini yang bermaksud kepada Karnival Jualan Mega Malaysia. Sebab di samping harga jualan murah yang dianjurkan oleh kementerian saya iaitu empat kali setahun yang dipilih oleh peniaga-peniaga. Di samping itu, ada dua juga yang ditetapkan oleh kementerian saya. Karnival Jualan Mega Malaysia diadakan atas inisiatif Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan kerjasama kementerian saya, tujuannya semata-mata untuk menarik pelancong asing dan mempromosikan Malaysia sebagai syurga membeli-belah. Dengan kejayaan aktiviti ini, perniagaan dalam negeri juga meningkat. Kementerian saya membantu dari segi pengelolaan dan pengawalseliaan.

Memang benar barang-barang yang ditawarkan di Karnival Jualan Mega memang harganya lebih murah daripada yang kita dapat di masa biasa. Tawaran ini juga mesti memenuhi Peraturan-peraturan Harga Jualan Murah 1997. Sekian.

3. **Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin [Kuala Nerus]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa peratuskah kekosongan tempat di IPT tempatan dibanding dengan keperluan pelajar bagi tahun 2000 dan apakah langkah kerajaan untuk mengatasinya pada tahun-tahun akan datang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Pengerusi – maaf tersilap, saya ingat dalam Jawatankuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hm...tak mengapalah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Puasa sudah seminggu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Baru seminggu sudah nampak lain. *[Ketawa]* Teruskan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, bagi sesi akademik 2000/2001 tempat yang disediakan di IPTA bagi lepasan STPM dan setaraf ialah sebanyak 33,783 dan jumlah permohonan adalah sebanyak 40,968. Ini bermakna 82.5% daripada calon yang memohon berjaya memasuki IPTA. Manakala bagi lepasan SPM dan setaraf bilangan permohonan adalah sebanyak 124,310 dan tempat yang disediakan ialah sebanyak 41,291 atau 33.2% daripada jumlah permohonan.

Bagi mengatasi masalah kekurangan tempat di IPTA, segala macam usaha telah ditingkatkan di mana enrolmen pelajar di IPTA dijalankan. Antaranya ialah menambah bilangan tempat di IPTA yang baru ditubuhkan seperti Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Kolej Universiti Terengganu, saya ulangi Kolej Universiti Terengganu (KUT) dan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).

Di samping itu, kerajaan akan menubuhkan Kolej Universiti Teknikal Malaysia dan menaik taraf Institut Teknologi Tun Hussein Onn ke kolej universiti untuk memberi peluang yang lebih kepada pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi.

**Tuan M. Shukriman bin Shamsudin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Menyediakan tempat pendidikan ini di semua peringkat merupakan tanggungjawab penuh pihak kerajaan. Saya tidak pastilah sama ada jawapan yang diberikan itu telah memuaskan pihak kerajaan sendiri kerana dari segi peratus, terutamanya yang selepas SPM masih rendah.

Oleh kerana ekonomi kita sudah agak stabil, walaupun belum pulih seperti sedia kala, adakah pihak kerajaan berhasrat untuk menghantar semula pelajar-pelajar ke luar negara seperti yang pernah dilakukan pada masa dahulu, kerana saya berpandangan tidak seharusnya pihak kerajaan tidak memberi kebenaran kepada mana-mana pelajar yang hendak menyambung pelajaran atas apa-apa sebab sekali pun, sama ada kewangan mahupun kelulusan yang kurang layak. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Nerus. Sememangnya saya juga katakan bahawa tanggungjawab untuk penuntut-penuntut yang memohon itu adalah sememangnya tanggungjawab kerajaan. Kita tidak pernah lari daripada tanggungjawab kita, malah dari masa ke semasa, kalau kita lihat perkembangan awal universiti kita, bermula dengan sesebuah universiti, kemudian hari ini telah berapa belas universiti. Ini adalah usaha Kerajaan Barisan Nasional, bukan usaha pihak pembangkang. *[Tepuk]*

Dan juga kita dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kita telah memasuki empat buah universiti lagi yang mana universiti ini lebih menekankan kepada kolej universiti teknikal. Empat buah itu dua daripadanya adalah lebih kepada soal-soal teknikal yang mana kita mengambilnya daripada model Jerman yang mana diberi, hendak sebut pun susah, Tuan Yang di-Pertua, sebutannya bunyi 'Fahesyulet' di mana maksudnya ialah, dengan izin, 'hands on', di mana kita akan beri lebih peluang, lebih tempat lagi kepada mereka yang berkelulusan daripada Politeknik, IKM dan daripada kolej-kolej teknikal dan harapan kita ialah student ataupun pelajar ini dapat diserapkan ke empat buah universiti ini.

Inipun kita hendak tambah lagi, hendak meningkat lagi, dan kita jangan lupa, antara lain penekanan kita ialah kepada pendidikan yang berkualiti bukanlah seperti mana yang telah dibangkit di dalam Dewan yang mulia ini, sesiapa sahaja ada kelayakan minimum, kita terus beri tempat kerana hari ini kita harus pastikan juga kualitinya itu juga tidak terjejas.

Selain dari itu, harus kita ambil pertimbangan juga bahawa *ratio* yang harus kita kekalkan hari ini yang kita lakukan ialah 1:20, kita mengambil pertimbangan dari segi itu. Dan kedua, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan ekonomi kita sudah stabil. Inipun, kestabilan, ingin saya beritahu Yang Berhormat, sekiranya tidak ada gangguan daripada mana-mana pihak yang ke luar negara untuk berkempen terus menerus, ini akan juga menjejaskan kestabilan ekonomi kita yang akan menjejaskan segala macam pertumbuhan ekonomi.

Oleh yang demikian, saya tetap mengatakan bahawa kita cuba sedaya upaya sekarang untuk memperluaskan lagi IPTA ini di negara kita dan sekiranya ada bidang-bidang yang tidak terdapat di

negara kita barulah kita memikir untuk menghantar keluar pelajar-pelajar ini ke luar negara. Terima kasih.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen tentang sama ada Kementerian Pendidikan sentiasa ada perbincangan dengan Kementerian Sumber Manusia tentang keperluan latihan-latihan untuk generasi muda kita supaya kita dapat memastikan tempat-tempat belajar di IPTA atau IPTS yang mana latihan yang diberikan akan memanfaatkan graduan IPT serta akan membantu kemajuan negara. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya daripada pihak Kementerian Pendidikan, kita sentiasa membuat pemantauan ini. Sebab itu, kita terdapat di bahagian kementerian kita yang diberi nama 'e-PRD' iaitu bahagian penyelidikan yang mana kita hendak buat projection penggunaan tenaga manusia pada masa-masa yang akan datang. Sebab itu segala perancangan yang kita buat adalah perancangan yang berdasarkan kepada keadaan masa depan dan memenuhi kesesuaian pada masa depan. Misalnya, macam tadi ada saya telah sebutkan bahawa kita sedang mempertingkatkan universiti kita di mana penekanannya ialah diberikan kepada soal-soal teknikal, seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada sesi-sesi yang lalu mengenai dengan keperluan mereka yang terlatih dalam soal bidang teknikal.

Dan apabila kita bercakap tentang soal teknikal juga, kita harus pentingkan juga antara komponennya ialah ICT di mana komputer itu dijadikan sebahagian daripada itu, malah tadi ada saya menyebutkan bahawa kolej universiti teknikal ini akan diberi keutamaan kepada kaedah *hands on*, di mana kita tidak juga hanya bercakap mengenai dengan soal-soal teori sahaja tetapi kita bercakap mengenai dengan soal-soal latihan ataupun praktikal.

Dengan itu, saya seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah tadi mengenai dengan perbincangan kita, memang kita ada hubungan dengan mana-mana agensi kerajaan yang ada kaitan dengan sumber manusia. Oleh yang demikian, jangan bimbang Yang Berhormat, segala perancangan yang kita lakukan adalah bersesuaian dengan kehendak negara kita. Terima kasih.

**4. Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sama ada kementerian bercadang mewujudkan satu Tribunal Perumahan untuk menyelesaikan perselisihan di antara pemaju dan pembeli rumah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang bercadang untuk mewujudkan satu Tribunal Perumahan untuk menyelesaikan perselisihan di antara pemaju dan pembeli rumah. Cadangan ini akan dimasukkan di dalam cadangan pindaan Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 yang sekarang di dalam peringkat akhir semakan dan dicadang ialah untuk membentangkannya ke Dewan yang mulia ini pada sesi Mac tahun hadapan.

**Tuan Lee Kah Choon:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memandangkan kebanyakan perselisihan di antara pemaju dan pembeli rumah, hanya timbul selepas projek perumahan sudah menjadi terbengkalai, adakah kementerian bercadang untuk mengambil wang cagaran dari pemaju semasa lesen pemaju dikeluarkan supaya penghakiman Tribunal Perumahan laku dan bukan hanya satu *paper judgement*, dengan izin. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cagaran yang dibuat oleh pihak pemaju apabila mereka memohon lesen ialah untuk menentukan syarat-syarat dalam lesennya akan dipatuhi oleh pihak pemaju berkenaan dan bukan maksudnya untuk menggunakan cagaran itu untuk menyiapkan perumahan atau menyiapkan kecacatan yang berlaku atau dikesahkan apabila unit rumah itu diserahkan kepada pihak pembeli. Walau bagaimanapun, perkara itu akan diambil kira oleh pihak tribunal apabila kes itu dihadapkan ke tribunal tersebut apabila tribunal itu diadakan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang tertarik kepada Tribunal Perumahan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pihak kementerian sudah pun berkali-kali menyebutkan bahawa kita hendak mewujudkan satu dasar yang memaksa pihak pemaju untuk menyiapkan rumah dahulu sebelum menjualkan rumah itu,

apakah yang wujud daripada cadangan Yang Berhormat itu dan bukannya kalau kita siapkan rumah dahulu, kemudian kita jual kepada pembeli-pembeli, ini akan mengurangkan kerja Tribunal Perumahan, kerana mereka sudah melihat apakah yang terdapat di dalam rumah yang baru ini sebelum dibeli.

Saya berharap setakat ini pemaju menggunakan wang pembeli-pembeli untuk memajukan perumahan dalam dua, tiga dekad ini memang macam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Adakah dasar yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu sudah digubalkan untuk menyelesaikan masalah seumpama ini, sebab saya percaya kalau kita tidak ada dasar yang lebih sempurna, Tribunal Perumahan tidak akan dapat menyelesaikan masalah.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, soal yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu bina dan jual, ini memang perkara sudah dibincang lama dan diambil kira juga apabila kita mewujudkan dasar yang dilaksanakan oleh kementerian saya. Tetapi soal bina dan jual ini bukan senang diwujudkan atau dilaksanakan sebab ini akan mengadakan akibat yang sangat besar iaitu mengenai kos rumah tersebut dan juga bilangan rumah yang akan disediakan di dalam pasaran itu. Oleh sebab itu, maka buat masa sekarang perkara ini atau dasar bina dan jual ini belum dapat dilaksanakan lagi dan tidak sesuai buat masa sekarang untuk dilaksanakan. Tetapi ini bukan bermakna kita tidak akan wujudkan satu dasar seperti itu di masa yang akan datang.

**5. Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah punca utama yang boleh menarik minat orang ramai untuk melabur dalam Skim Cepat Kaya, sedangkan pelaburan dalam bidang-bidang yang lain terutama skim saham amanah dipergiatkan kempenya oleh kerajaan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum, Skim Cepat Kaya secara umumnya adalah satu skim pelaburan yang dijalankan oleh pihak-pihak tertentu dengan tidak mengikuti undang-undang yang telah ditetapkan. Skim ini menjanjikan pulangan yang besar dan berlipat ganda dalam tempoh masa yang singkat. Skim seperti ini dapat menarik orang ramai yang jahil tentang selok-belok pelaburan dan juga mereka yang tamak dan terlalu ghairah untuk menjadi kaya dengan cara mudah dan cepat tanpa mengira risiko tinggi yang perlu ditanggung.

Tawaran lumayan yang dijanjikan oleh para penganjur skim ini seperti keuntungan sehingga 100% telah dapat memperdayakan segolongan masyarakat kita. Selain itu, kurangnya kesedaran orang ramai mengenai risiko yang akan ditanggung turut menjadi punca utama mengapa skim ini masih lagi mendapat sambutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kesungguhan dan kejayaan kerajaan mendedahkan tentang keburukan dan kepalsuan skim-skim seperti ini akan membuka mata orang ramai supaya tidak mudah terpedaya untuk menyertainya. Pelbagai skim pelaburan yang dikendalikan secara sah terdapat di negara kita sama ada oleh pihak kerajaan ataupun pihak swasta. Kempen-kempen juga terus diadakan dari masa ke semasa untuk menarik pelabur menyertai skim ini. Dengan cara ini diharapkan masyarakat kita akan menjadi bertambah bijak dalam membuat pelaburan dengan menyertai skim-skim tersebut dan yang bukan sahaja memberikan pulangan yang lumayan kepada mereka, malah memastikan pelaburan mereka selamat dan terjamin.

Di samping itu, kerajaan akan terus mengesan dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menjalankan Skim Cepat Kaya termasuk syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti pengambilan deposit haram daripada orang ramai. Usaha kerajaan ini akan menjadi lebih berkesan jika mendapat kerjasama dan sokongan yang kuat dan padu dari orang ramai.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Mengenai skim cepat kaya ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa ia merupakan satu pelaburan sesuatu pihak yang tidak mengikuti peraturan. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan

dalam Dewan yang mulia ini, keadaan sebenar pada masa sekarang tentang aktiviti-aktiviti Skim Cepat Kaya ini sama ada terkawal ataupun tidak dikawal.

Jadi, di samping itu saya tadi dengar ada yang mengatakan bahawa ada hukuman kalau berlaku sesuatu kesalahan, jadi pada sayalah dari segi melahirkan kesedaran lebih penting daripada kita mengadakan hukuman. Jadi sejauh manakah kementerian dapat menjalankan usaha selain daripada kempen yang telah dikatakan tadi, supaya kita dapat melahirkan kesedaran di kalangan masyarakat supaya kes penipuan ini tidak berlaku. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan masih mendapat aduan dari orang ramai mengenai skim-skim ini dan memang kita banyak menjalankan penyiasatan dan tangkapan. Sehingga kini, kita telah melakukan sebanyak 12 kes tangkapan di mana kes-kes yang telah disabitkan kesalahan adalah sembilan dan kes-kes yang telah dibuat tangkapan dan sedang dalam perbicaraan adalah tiga kes.

Kita masih dapat aduan daripada orang ramai oleh kerana skim-skim cepat kaya yang ditawarkan ini bukan sahaja dalam bentuk pengambilan deposit sahaja tetapi ada banyak skim yang saya sebutkan tadi adalah disembunyi dalam bentuk-bentuk perniagaan yang lain seperti dalam bentuk jualan barangan seperti jualan kereta dan juga penawaran pakej umrah dan sebagainya.

Oleh kerana ini bukan senang bagi orang ramai untuk mengenal pasti sama ada ini adalah satu skim cepat kaya ataupun satu skim perniagaan yang *genuine*, bukan senang, maka dalam pada itu pihak kerajaan memang sangat berusaha untuk memerangi skim cepat kaya ini dan selain daripada menjalankan penguatkuasaan, pihak kerajaan sangat menitikberatkan usaha untuk mempertingkatkan kesedaran orang ramai tentang keburukan dan kepalsuan skim-skim yang saya sebutkan tadi.

Dalam pada itu kerajaan telah pun menubuhkan jawatankuasa pada bulan September tahun ini yang diketuai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan dianggotai oleh Bank Negara, polis, SC dan juga Registrar of Company untuk menjalankan usaha-usaha seperti mengadakan ceramah, *road show*, forum melalui TV dan radio untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang keburukan skim-skim cepat kaya ini dan dengan usaha ini pihak kerajaan harap bahawa orang ramai tidak dapat menyertai skim-skim cepat kaya ini.

**Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Skim cepat kaya agak lama telah berterusan walaupun usaha-usaha pencegahan dilakukan di samping pihak yang mendapat untung tetapi yang sebenarnya yang dapat untung ialah penganjur, yang terlibat banyak sebenarnya mendapat kerugian dan teraniaya. Selain kempen dan penerangan yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, apakah langkah-langkah awal yang dimainkan oleh pihak kerajaan supaya kegiatan ini dapat dikesan lebih awal dan apakah tindakan yang dikenakan atau boleh diambil terhadap terutama sekali penganjur-penganjur skim cepat kaya ini seperti mana tindakan yang dikenakan ke atas pengedar-pengedar dadah misalnya, sehingga harta-harta mereka boleh dirampas.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pihak polis dan pihak Bank Negara memang sangat memberikan perhatian kepada kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh pihak-pihak yang tertentu melalui pemantauan yang sangat ketara khususnya tentang advertisement yang diadakan setiap hari.

Menjalankan skim cepat kaya ini adalah merupakan satu kesalahan yang hebat dalam Akta BAFIA 1989 dan kalau dibuktikan salah, mereka boleh dipenjarakan dan juga dijatuhkan denda yang besar.

Saya ada beberapa kes di sini di mana kita telah menjalankan hukuman kepada mereka yang terlibat, misalan kata dalam kes Sri Emas Enterprise dilakukan di Ipoh, Perak pada 1990 di mana orang yang disabitkan salah telah dipenjarakan selama 42 bulan dan didenda sebanyak setengah juta ringgit.

Satu kes yang berlaku di Alor Setar, Kedah pada tahun 1991, nama syarikat Skim 350 di mana orang yang dibuktikan salah telah pun dipenjarakan selama lima tahun dan didenda sebanyak RM80.00, ini menunjukkan bahawa memang kerajaan mengambil berat tentang kes skim cepat kaya ini

dan kerajaan berpendapat bahawa akta yang sedia ada ini memang cukup berat untuk memerangi skim-skim cepat kaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Mengenai denda tadi RM80 kah?

**Dato' Chan Kong Choy:** RM80,000.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** RM80,000 ya. Itu yang saya tanya RM80,000 ya. Tuan Alexander Nanta Linggi.

6. **Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengatasi masalah yang melibatkan sebahagian besar rakyat di luar bandar Sarawak yang masih belum mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk memastikan semua rakyat negeri Sarawak dapat memiliki kad pengenalan dan sijil kelahiran terutama penduduk di kawasan luar bandar Sarawak, sememangnya telah menjadi agenda tetap tahunan Jabatan Pendaftaran Negara, negeri Sarawak.

Antara usaha-usaha yang telah dan sedang diambil ialah menyedarkan orang ramai betapa pentingnya mendaftar setiap kelahiran dengan segera bagi mengelakkan masalah mendapat sijil kelahiran melalui proses pendaftaran lewat. Kempen seperti ini dibuat dengan mempamerkan poster-poster dalam pelbagai bahasa dan loghat tempatan.

Jabatan Pendaftaran Negara, negeri Sarawak turut serta bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan negeri dalam perhimpunan sivik dan ceramah umum yang diadakan dari masa ke semasa.

Ketiga, program pendaftaran terbuka seperti lawatan khas ke perkampungan, rumah-rumah panjang, pesisiran pantai diatur oleh Jabatan Pendaftaran Negara, negeri Sarawak sepanjang tahun bagi menerima permohonan pendaftaran kelahiran, kematian serta permohonan membuat dan menukar kad pengenalan. Program seperti ini yang telah dilaksanakan sejak tahun 1986 akan diteruskan bagi meliputi segenap pelosok negeri Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya beri Bandau dahulu.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri di mana menekankan beberapa program lawatan dan seterusnya dilakukan untuk mengatasi masalah-masalah di Sarawak dan di Sabah juga tidak mempunyai atau amat sukar memperolehi sijil kelahiran dan kad pengenalan.

Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, seperti tahun-tahun sebelum ini selalu kita tanya berapa banyak lawatan yang dibuat ini, sentiasa dijawab bahawa lawatan dilakukan tetapi apabila kita kaji di peringkat kawasan, kawasan-kawasan Parlimen tertentu di Sarawak khususnya dan di Sabah tidak banyak dilakukan.

Saya ingin bertanya bagi tahun ini, tahun 2000 berapa lawatan telah di Sarawak dalam bentuk ini, berapa lawatan yang akan dilakukan bagi tahun hadapan dan berapa peruntukan yang ditentukan khas untuk program-program ini sebab senang untuk bercakap tetapi apabila di peringkat kawasan amat sukar memperolehi lawatan-lawatan ini. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Bandau, soalan agak lebih kurang yang sama telah dijawab, saya ingat dua minggu yang lepas tetapi soalan ini dibangkitkan lagi sekali.

Saya ingin menekankan bahawa saya sendiri telah berada di Sabah dan telah dimaklumkan beberapa tempat telah dilawati oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah. Kalau Yang Berhormat mengatakan ada tempat yang tidak dilawati ini mungkin berlaku kerana kita ada satu kawasan yang tertentu yang ditempatkan. Kita tidak boleh memantau dan merantau setiap kampung dan desa. Saya ingat boleh faham ya, merantau dan memantau.

Jadi, kalau Yang Berhormat mengatakan ada tempat masih terdapat orang khasnya di Sabah yang belum ada kemudahan dan bilangan yang begitu banyak yang sepatutnya pihak pendaftaran patut turun, Yang Berhormat boleh maklumkan kepada saya di Sabah.

Bagi Sarawak saya dahulu telah berjanji bahawa saya akan turun pada 16 dan 17 tetapi satu perubahan dalam jadual persidangan kita, maka saya terpaksa batalkan 16 dan 17 itu. InsyaAllah, saya akan turun lagi ke negeri Sarawak kalau benar bahawa cerita yang dilaporkan kepada kita perkara ini dibuat tetapi tidak dibuat seperti kata Yang Berhormat, saya akan rujuk kepada Yang Berhormat daripada Sabah yang mengatakan tidak ada pegawai kita turun ke Sarawak.

Saya tidak dapat hendak beritahu berapa kali di mana mereka turun dan berapa banyak pendaftaran yang telah dibuat bagi negeri Sarawak ini tetapi saya hendak beritahu kita dalam tahun 2000 ini, kita ada 14 pusat pendaftaran lewat kelahiran meliputi 25 buah kampung rumah panjang dan pesisiran pantai dan 5 pusat lawatan pendaftaran kad pengenalan telah dilawati.

Sepanjang lawatan tersebut yang telah diatur dari bulan Januari hingga September 2000, 897 permohonan daftar lewat kelahiran dan 189 permohonan kad pengenalan telah diterima. Ini yang kita dapat dan yang kita buat tetapi kalau masih banyak yang tidak dapat kerana mereka tidak hadir, itu kita tidak dapat hendak memantau dan hendak mengikuti mereka ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Batang Lupar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dua orang Sarawak, satu Sabah cukuplah itu. *[Ketawa]*

Masalah pejabat pendaftaran di negeri Sarawak, Dato' Timbalan Menteri, ialah masalah kewangan. Saya berbincang dengan pegawai, RM600,000 dikehendaki baru cukup duit menghantar pegawai-pegawai ke luar bandar. Saya sudah bertanya RM600,000 tidak payah Menteri datang, hantar duit itu sudah cukup. Jadi, persoalan saya dapatkah permohonan ini ditunaikan.

Kedua, soalan saya ekoran daripada itu, saya hendak bertanya semalam ada nama Cecilia Yong Lee Han daripada Sabah, Balakong, keluar dalam *Malay Mail* atau *Sunday Mail* mengatakan dia tunggu 13 tahun untuk kad pengenalan tidak boleh keluar dan butiran tidak cukup kata pegawai itu. Tetapi kenapa pegawai ini mengatakan butiran tidak cukup dalam surat khabar tetapi tidak diberitahu dengan pemohon ini. Itu soalan saya, terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang spesifik mengenai Cecilia Yong ini dapat ditimbulkan hari ini tetapi kenapa tidak dimaklumkan kepada Cecilia Yong sehingga 13 tahun. Ada beberapa masalah yang selalu dihadapi oleh Jabatan Pendaftaran ini, setelah mereka menempah atau memohon kad pengenalan ini dengan alamat yang diberi, orang yang berkenaan telah pindah dan apabila dihubungi oleh pegawai yang berkenaan, surat itu tidak sampai kepada pemohon. Sayangnya pemohon ini tidak merujuk kepada pejabat pendaftaran kalau – biasanya pemohon menunggu akan respons ataupun tindak balas daripada pejabat pendaftaran tentang kekurangan maklumat-maklumat yang diperlukan bagi menentukan kesahihan atas permohonan yang telah dibuat. Tetapi oleh kerana perhubungan ini terputus dan di antara satu yang lain tidak dapat membuat kepastian, maka sudah tentulah perkara-perkara ini tertangguh.

Saya sangat berharap bahawa melalui Yang Berhormat ini mungkin di kawasanya bahawa Cecilia ini dapat menghubungi terus kepada saya sendiri tidak tahu kalau hendak ambil Cecilia Yong Lee ini, Yong Lee Kha, 'Kha' ini 'Kha' ataupun 'Khaa', ada banyak maka kita tidak tahu oleh sebab nombor pendaftarannya tidak disahkan lagi. Jadi, menjadi masalah untuk saya hendak bertanya kepada Pejabat Pendaftaran Negeri Sarawak tetapi kalau pemohon yang berkenaan boleh merujuk terus kepada pejabat pendaftaran, kita akan beri special respond kepadanya.

Berhubung dengan ketidakcukupan kewangan bagi RM600,000 bagi seluruh negeri Sarawak ini, kalau inilah yang telah diluluskan oleh kerajaan melalui Parlimen ini dan Yang Berhormat adalah orang yang terlibat dalam membuat kelulusan ini kita terima sahajalah, kita tidak bolehlah hendak tambah lagi, kecuali dalam perbincangan mengenai Kementerian Dalam Negeri dahulu khasnya Jabatan Pendaftaran Negara, deh sebab masalah negeri Sarawak telah diketahui RM600,000 tidak cukup dan

dalam estimate yang kita buat di luar Dewan, kita rasa RM1 juta boleh cukup bagi negeri Sarawak. Sepatutnya perkara ini kita sarankan supaya ianya dapat diatasi.

Tetapi bagi hendak mencukupi untuk membuat pendaftaran bagi negeri Sarawak dan Sabah, kebanyakannya perbelanjaan ini berbangkit di luar dugaan. Kadang-kadang rombongan daripada pejabat pendaftaran hendak masuk ke kawasan pedalaman menghadapi banyak masalah, ada program lawatan tertunda oleh sebab keadaan yang tidak baik. Dan ia memakan masa yang begitu lama daripada sehari ke sehari dan rombongan kita tidak boleh menetap lama di kawasan pedalaman kerana kita telah berjanji di kawasan lain. Ini yang menyebabkan bahawa pendaftaran ini tidak selesai.

Rakyat negeri Sarawak dan rakyat negeri Sabah juga menghadapi masalah oleh sebab mereka tinggal di kawasan pedalaman, perhubungan yang tidak begitu baik, maka mereka tidak dapat untuk sampai di kawasan yang berkenaan dalam masa yang tertentu tambah lagi dalam masa yang sama untuk mencari nafkah hidup dan pelbagai masalah yang rakyat sendiri hadapi. Ini hendaklah kita bersabar dan saya berjanji akan meneruskan rancangan lawatan ke kawasan pedalaman bagi mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

7. **Drs. Haji Abu Bakar bin Haji Othman [Jerlun]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah pihak kerajaan membuat kajian bagi mengenal pasti tahap perpaduan kaum di negara ini yang rakyatnya terdiri daripada beberapa etnik, terutamanya di kalangan generasi muda dan pelajar-pelajar universiti.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Perpaduan Negara telah menjalankan pelbagai kajian terutamanya yang berkaitan dengan perpaduan negara dan integrasi nasional.

Bagi mengenal pasti tahap perpaduan kaum di negara ini, Jabatan Perpaduan Negara telah menerima kertas cadangan kajian mengukur tahap perpaduan daripada pasukan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia di mana kajian ini akan dilaksanakan secara menyeluruh dan merangkumi semua kaum di seluruh negara ini.

Kajian yang bertujuan untuk mengukur sejauh manakah tahap perpaduan di kalangan warganegara Malaysia dengan menggunakan *instrument* kajian yang telah dibentuk ini akan dimulakan pada tahun hadapan.

Di samping itu, kementerian juga melalui Jabatan Perpaduan Negara akan mengadakan kajian polarisasi kaum di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah rendah, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Kajian ini dijangka akan dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa Soal Jawab sudah selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi pertanyaan No. 8 hingga 22 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]*

#### USUL BAGI MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14(2)

10.58 pagi.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14(2), giliran perbahasan peruntukan Kementerian Pembangunan Usahawan yang dijadualkan pada hari Rabu, 6.12.2000 dalam jadual giliran perbahasan, Rang Undang-undang Perbekalan 2001 di peringkat Jawatankuasa hendaklah dijadualkan dengan mendahulukannya kepada hari Selasa, 5.12.2000 selepas perbahasan peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dipindahkan kepada hari Rabu, 6.12.2000 sebelum Kementerian Luar Negeri.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, satu usul seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2001**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang undang-undang Perbekalan 2001 dan Anggaran Pembangunan 2001 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” [*Hari Kesyepuluh*]

*Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Pengerusi (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.46 [Jadual] -**

**Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan 2001] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepala Bekalan B.46 dan Kepala Pembangunan P.46, di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas. Saya bagi Mambong dahulu.

**11.05 pagi.**

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut bahas Maksud B.46 dan P.46 yang berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya ingin merujuk kepada Butiran. 040100 dan 00500 berkaitan dengan Jabatan Alam Sekitar. Sepertimana yang kita sedia maklum, Jabatan Alam Sekitar adalah satu badan kerajaan yang bertanggjawab ke atas pengurusan dan pengawalan kualiti alam sekitar di negara kita. Bagi melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawabnya, ia berpandu kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Mengikut Akta ini, aktiviti-aktiviti yang mencemar dan merosakkan alam sekitar haruslah dikawal dan diurus dengan sebaik-baiknya agar kualiti alam sekitar sentiasa ceria dan bersih.

Tuan Pengerusi, pencemaran dan kerosakan alam sekitar berlaku disebabkan aktiviti-aktiviti manusia yang tidak terkawal. Sebagai contoh, banjir kilat, hakisan tanah dan tanah runtuh, jerebu dan pencemaran udara, pencemaran air sungai dan dengan izin, *dried up rivers*, semuanya disebabkan aktiviti-aktiviti kita manusia. Oleh yang demikian, peruntukan di bawah Butiran. 00500 berjumlah lebih daripada RM25 juta haruslah menggambarkan projek-projek, program-program dan aktiviti-aktiviti Jabatan Alam Sekitar yang berkaitan dengan pengawalan kualiti alam sekitar. Tetapi di bawah butiran ini tidak ada pecahan bagi projek, program dan aktiviti yang tertentu. Kalau begini bagaimana kita tahu projek-projek yang Jabatan Alam Sekitar ingin melaksanakan. Tambah lagi kalau Jabatan Alam Sekitar ingin melaksanakan projek-projek atau program-program baru, usaha-usaha jabatan akan terbantut dan gagal di tengah jalan kerana peruntukan hanya untuk satu tahun sahaja dan program-program baru ini tidak dapat diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya risau melihat aktiviti-aktiviti Jabatan Alam Sekitar bertindih dengan aktiviti-aktiviti agensi-agensi kerajaan yang lain. Sebagai contoh, pemulihan sungai, Jabatan Perparitan dan Saliran juga melaksanakan program yang sama, ini membazirkan sumber kewangan dan tenaga. Masalah-masalah lain juga seperti tanah runtuh, banjir kilat, jerebu, asap kenderaan dan kilang terbakar, Jabatan Alam Sekitar juga dipanggil untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Nampaknya, dengan izin, *Department of Environment (DOE)*, sudah menjadi *Department of*

*Everything*, DOE juga nama singkatnya. Jabatan Alam Sekitar haruslah ada fokus kepada bidang-bidang tugas tertentu, kalau tidak masalah-masalah alam sekitar akan bertambah buruk dan berterusan.

Tuan Pengerusi, Jabatan Alam Sekitar menguatkuasakan lebih kurang 25 peraturan tetapi peraturan-peraturan ini kebanyakannya sudah ketinggalan zaman. Sebagai contoh juga, *Clean Air Regulation* dan *Sewage and effluent regulation*, dengan izin. Piawaian ataupun *standard* kini sudah bertukar, macam mana Jabatan Alam Sekitar hendak menguatkuasakan peraturan-peraturan yang masih mengikut standard-standard lama, sudah tentu penguatkuasaan tidak berkesan. Bagi pengawalan kualiti alam sekitar di tapak-tapak projek Jabatan Alam Sekitar biasanya menguatkuasakan peraturan EIA ke atas pemaju-pemaju projek. Tetapi aktiviti-aktiviti yang ditetapkan di dalam peraturan EIA ada saiz minimumnya. Saya rasa saiz minimum inilah yang membawa masalah-masalah pencemaran. Oleh yang demikian, saya menyarankan agar pihak Kementerian meminda perundangan EIA iaitu *Environmental Quality (Prescribed Activities) (Environmental Impact Assessment) Order 1987* untuk mengambil kira saiz-saiz minimum aktiviti yang ditetapkan kepada keadaan semasa. Saya juga mengesyorkan agar peraturan baru seperti *Environmental Work Permits*, dengan izin, ataupun Permit Kerja Alam Sekitar dikenakan bagi semua aktiviti pembangunan termasuk kerja mengorek tanah di jalan raya, bagi mengawal pencemaran dan kerosakan alam sekitar. Ekoran daripada sistem *Environmental Work Permits*, seperti yang diamalkan di Australia, United Kingdom dan Germany, pengawalan dan pemantauan di tapak-tapak projek lebih berkesan lagi. Sistem ini tidak mengira saiz minimum projek.

Tuan Pengerusi, di bawah butiran ini, saya ingin menyentuh tentang *staff strength* dengan izin, di Jabatan Alam Sekitar. Setakat ini jabatan hanya ada 580 orang kakitangan di semua peringkat. Seperti yang saya telah nyatakan, semua masalah berkaitan dengan kerosakan alam sekitar, jabatan ini juga dipanggil sehingga jabatan ini betul-betul menjadi Department of Everything. Dengan bilangan kakitangan sebanyak ini, bagaimana penguatkuasaan boleh berkesan. Saya minta Kementerian menambhlah bilangan kakitangan di Jabatan Alam Sekitar, kalau tidak kemerosotan kualiti alam sekitar di negara kita akan lebih teruk lagi, memandangkan pembangunan pesat yang dilaksanakan di negara kita. Setakat ini, ada lebih daripada 25,000 buah kilang di negara kita. Macam mana kakitangan hanya 580 orang boleh memantau aktiviti-aktiviti pengilangan dengan berkesan.

Tuan Pengerusi, di bawah butiran ini saya ingin menyentuh bentuk penguatkuasaan dan emergency response, dengan izin,. Pada minggu lepas, hari Sabtu, 25 November, sebuah kilang baja kimia iaitu Colloids Industries Sdn Bhd. terbakar. Kilang ini terletak berhampiran kawasan-kawasan perumahan. Oleh kerana gas-gas yang timbul adalah toksik, maka pemindahan penduduk-penduduk berdekatan adalah perlu. Tetapi agensi-agensi kerajaan yang ada di tapak bencana hanya Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Kenapa agensi-agensi lain tidak mengambil bahagian dalam usaha-usaha penyelamat dan *clean-up*, dengan izin. Adakah kalau Jabatan Alam Sekitar menjalankan tugasnya, agensi-agensi lain tidak relevan lagi dan lepas tangan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Dr. James Dawos Mamit:** Kenapa Jawatankuasa Bencana Industri Daerah tidak berfungsi dan memainkan peranan. Hanya jawatankuasa inilah dapat mengarah agensi-agensi lain menjalankan tugas-tugas tertentu yang berkaitan dengan bencana ini. Yang mengeluarkan lesen pada kilang ini ialah Lembaga Racun Perosak ataupun *Pesticide Board* dan Majlis Perbandaran Klang. Lembaga Racun Perosak haruslah membimbing dan memberi panduan yang berkaitan dengan kaedah-kaedah tertentu dan sesuai bagi *clean-up*, dengan izin.

Tuan Pengerusi, pencemaran alam sekitar boleh mengakibatkan penduduk-penduduk tempatan mengambil tindakan melampau terhadap orang yang mencemar alam sekitar seperti di kilang kitar semula aluminium di Tebrau, minggu lepas. Pihak manakah yang mengeluarkan lesen kilang ini dan adakah Jabatan Alam Sekitar memberi pandangan dan nasihat atas kesesuaian tapak dan proses kilang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Yan.

11.10 pagi.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan beberapa butiran di dalam B.46 dan P.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Pertamanya mengenai Butiran 00800 – Program Penyelidikan dan Pembangunan di mana anggaran tahun 2001 adalah sebanyak RM335,629,600 berbanding anggaran dipindah pada tahun 2000 adalah sebanyak RM211,684,600 iaitu peningkatan bagi tahun 2001 sebanyak 37%. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun dengan pesatnya sudah pastilah program R&D patut digalakkan oleh kerajaan. Begitu juga dengan Butiran. 00600 – Program Galakan Sains dan Teknologi sebanyak RM2.5 juta manakala Butiran 00606– Kajian Sains dan Teknologi sebanyak RM1.5 juta.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya ingin mengucapkan tahniah di atas peruntukan yang disediakan oleh kerajaan bagi menggalakkan pembangunan sains dan teknologi. Walau bagaimanapun, kita perlu melihat sebagai perbandingan apa yang telah dilakukan oleh Singapura contohnya, Singapura telah melaburkan peruntukan yang tinggi terhadap program R&D dan memberikan insentif serta galakan yang tinggi kepada penyelidik terutamanya saintis muda. Pada tahun 1999 sahaja satu laporan oleh *National Science And Technology Board Singapore*, menunjukkan bahawa perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh sektor awam dan swasta untuk membiayai program R&D adalah sebanyak S\$2.66 bilion yang mewakili 6.6% daripada *growth expenditure of R&D* atau 1.8% GDP. Pecahan program ut ama yang diagihkan peruntukan di Singapura adalah seperti berikut:

Sektor	Peruntukan (%)
• Sektor Elektronik	- 46
• Sektor Kejuruteraan	- 20
• Sektor Industri Ringan	- 3
• Sektor Kimia	- 8
• Sektor Sains Hayat	- 18
• Sektor Service	- 18

Daripada pecahan tersebut, jelas kepada kita mengapa industri elektronik begitu maju di Singapura dan mereka telah menjadi negara utama rantau Asia Pasifik sebagai peneraju industri elektronik lepas Jepun. Dalam pada itu juga, kita perhatikan, walaupun industri Sains Hayat ini begitu kecil, mereka memperuntukkan sejumlah 18% peruntukan penyelidikannya. Jadi mereka melihat pentingnya pembangunan sains seperti program DNA, kesihatan dan perubatan.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, adalah diharapkan supaya kerajaan mengambil pendekatan proaktif dan lebih progresif terutamanya dalam merangka polisi program R&D serta memberi agihan yang sewajarnya kepada institusi penyelidikan terutamanya institusi pengajian tinggi awam, ini akan mengurangkan aliran keluar pensyarah muda daripada perkhidmatan universiti. Adalah menjadi harapan supaya melalui program R&D ini Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar turut memberikan perhatian kepada pengwujudan program penyelidikan yang baru di bawah program *Intensification of Research in Priority Areas (IRPA)* terutamanya galakan kepada pembangunan teknologi tinggi dalam bidang termaju seperti *known technology, bio-composite, robotic*, Aplikasi Komputer dalam reka bentuk dan analisis kejuruteraan, kajian mengenai DNA, *genetic engineering*, kajian mengenai alam sekitar, pembangunan industri automotive negara, *aero-space* dan kajian berkaitan dengan bio-sains.

Agihan peruntukan ini juga kelak tidak harus melupakan kajian dari sudut sosial terutama kesan terhadap teknologi dan sains kepada masyarakat desa serta bagaimana adaptasi teknologi terhadap pembangunan desa dan kampung. Ini adalah selaras dengan saranan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika pembentangan belanjawan dahulu mengenai pembangunan yang seimbang. Oleh itu kita tidak harus melupakan mereka dalam arus pembangunan maka program penyelidikan yang dibentuk oleh kementerian perlu juga menekankan aspek ini.

Selain dari itu, Tuan Pengerusi, ramai penyelidik yang mengeluh terhadap borang permohonan geran penyelidikan yang dikeluarkan oleh kementerian yang terlalu tebal dan tidak mempunyai objektif yang jelas. Keluhan ini timbul kerana untuk memohon peruntukan terpaksa mengisi borang yang begitu tebal. Dan saya telah dimaklumkan bahawa panel penilai sendiri tidak ada masa untuk melihat ratusan permohonan, akhirnya kita bimbang borang tersebut dinilai kemudiannya mengikut timbang kati sahaja. Adalah diharapkan supaya Bahagian Sains dan Teknologi melihat kembali prosedur dan borang permohonan geran penyelidikan supaya ia lebih mudah dan lebih objektif.

Tuan Pengerusi, adalah juga diharapkan supaya kementerian memberikan tumpuan yang lebih serius dalam agihan peruntukan geran penyelidikan ini kelak, di samping keutamaan diberikan kepada program penyelidikan yang berdaya maju keutamaan juga harus dipertimbangkan kepada saintis dan penyelidik muda. Ini adalah kerana kita patut meletakkan target dalam jangka 10 tahun lagi, kita boleh melahirkan sekurang-kurangnya seorang *Nobel Laureate* dan insyaAllah *target* kita pada tahun 2010 seorang *Nobel Laureate* akan dilahirkan melalui projek penyelidikan yang tertentu. Oleh itu, melalui peruntukan dan galakan sains dan teknologi seperti Butiran 00601 dan 00606, kementerian perlu mengenal pasti makmal atau institusi penyelidikan yang sedia ada yang boleh dijadikan pusat *incubator* bagi menyediakan program ini. Dan insyaAllah, jika merancang dengan baik serta teratur pada tahun 2010 kita akan melahirkan seorang lagi Al Falghani ataupun Ibnu Sina, insyaAllah.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Butiran 01100 – MIMOS Bhd. yang telah diberikan peruntukan RM299,700,000, peruntukan bagi maksud pembangunan kepada MIMOS Bhd., salah sebuah syarikat kerajaan. Seharusnya MIMOS Bhd. telah boleh berdiri sendiri dan berdayasaing pula dengan syarikat multimedia dan syarikat-syarikat berasaskan IT yang lain. Dengan kepakaran yang ada dan kemudahan MIMOS sedia ada, MIMOS sebenarnya boleh maju dan menjadi saingan kepada syarikat IT ternama termasuklah *Microsoft* – mungkin. MIMOS Bhd. seharusnya telah boleh menyana pendapatannya sendiri dan tidak harus bergantung kepada peruntukan yang terlalu besar oleh kerajaan bagi program pembangunannya. MIMOS harus memfokuskan aktiviti perniagaannya dan mempunyai pelan perniagaan untuk masa depan.

Oleh itu adalah wajar sekiranya penilaian semula oleh kerajaan dilakukan kepada keseluruhan institusi MIMOS dengan melihat peranannya, objektifnya serta kemungkinan duplikasinya dengan badan ataupun syarikat lain seperti Multimedia Development Corporation (MDC). Kita tidak harus memberikan peruntukan sebegini besar kepada syarikat kerajaan yang tidak berdaya saing dan tidak mampu pula untuk maju sedangkan peruntukan tersebut boleh disalurkan kepada institusi yang lain termasuk membasmi kemiskinan dan pembangunan pendidikan negara kita.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 00701 iaitu pejabat stesen dan rumah kakitangan bagi Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia. Memang sudah tiba masanya kita mempunyai stesen-stesen kaji cuaca di merata pelosok tanah air. Termasuklah di Kubang Pasu yang agak teruk dilanda banjir baru-baru ini. Hujan di Kelantan dan Terengganu, banjirnya di Kubang Pasu. Kerajaan haruslah melengkapkan stesen ini dengan perisian, *software* peralatan, *instrumentation*, sistem amaran awalan ataupun dengan izin, *early warning system*, dengan ini akan dapat membantu pegawai kita di stesen berkenaan membuat kajian khidmat kaji cuaca dengan lebih efisien dan akan dapat membantu kita merancang lebih awal tindakan terhadap landaan banjir atau malapetaka lain yang berkaitan dengan cuaca.

Saya mengalu-alukan juga peruntukan perumahan kakitangan di stesen berkenaan kerana ini insyaAllah akan memudahkan pegawai kerajaan berkhidmat terutamanya bagi yang berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, sekiranya ada di antara rumah kakitangan tersebut di bina di Lunas, Kedah, maka kita boleh berikan sebuah kepada Yang Berhormat bagi Sungai Siput kerana beliau telah berjanji untuk tinggal di sana jika Barisan Nasional kalah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Rasah. Rasah ya Yang Berhormat dari Negeri Sembilan.

**11.21 pagi**

**Datuk Goh Siow Huat [Rasah]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh Maksud B.46 Butiran 040000 –Pemuliharaan, Pelesenan dan Kawalan Alam Sekitar.

Dalam masa 10 tahun ini kerajaan kita melalui Jabatan Alam Sekitar, kerajaan tempatan, JPS, Jabatan Pendidikan adalah begitu mengambil berat dan berusaha kuat untuk menjaga kebersihan alam sekitar di negara kita. Dalam pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 baru-baru ini, perwakilan kuasa juga telah diberikan kepada beberapa agensi yang lain iaitu Jabatan Bomba, Jabatan Polis, Jabatan Kesihatan, Majlis Kerajaan Tempatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Pelabuhan Persekutuan dan juga Perbadanan Putrajaya untuk bersama-sama menjalankan dan melaksanakan kewajipan masing-masing. Ini adalah satu langkah yang baik kerana dapat melibatkan banyak agensi kerajaan bersama-sama untuk menjaga kebersihan alam sekitar kita.

Oleh kerana agensi-agensi yang terlibat telah bertambah saya rasa perlu ada satu agensi untuk mengetuai pasukan pelindung alam sekitar ini. Dan pada pandangan saya, Jabatan Alam Sekitar adalah yang paling sesuai sekali supaya dapat mempengerusikan mesyuarat apabila ada sesuatu masalah pelik berlaku. Dan ini adalah kerana Jabatan Alam Sekitar adalah pakar dan profesional dalam menguruskan kualiti alam sekitar ini.

Saya percaya setiap masyarakat kita adalah amat mengambil berat kualiti alam sekitar dan tidak suka hidup dalam alam yang kotor dan mencemarkan dan yang boleh mengganggu kesihatan orang ramai. Contohnya hidup dalam kawasan yang kualiti udara dalam tahap yang tidak sihat, minum air yang kotor dan sebagainya. Pada hari ini pencemaran alam masih kerap berlaku seperti pembakaran terbuka, pembuangan sampah di meratarata tempat atau ke dalam sungai dan sebagainya walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan seperti melalui siaran media tentang kepentingan kebersihan alam sekitar, pameran, ceramah oleh Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya.

Pada pandangan saya, walaupun kita ada begitu banyak agensi kerajaan bersama-sama menguatkuasakan undang-undang alam sekitar saya rasa peranan dan sokongan serta kesefahaman daripada masyarakat adalah lebih baik. Ini adalah kerana pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan tidak mungkin bertugas atau buat rondaan dalam masa 24 jam. Oleh itu saya harap pertubuhan-pertubuhan sosial tempatan seperti JKKK, persatuan penduduk atau pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan dapat juga dilantik dalam pasukan pelindung alam sekitar untuk menjadi mata perhatian atau beri nasihat kepada masyarakat tempatan yang tersilap melakukan perbuatan mencemarkan alam sekitar ini.

Saya juga harap agensi-agensi kerajaan yang lain jangan mengabaikan komen Jabatan Alam Sekitar. Apabila ada projek-projek baru seperti pembinaan kilang baru, projek perumahan baru dan sebagainya komen Jabatan Alam Sekitar perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya berdasarkan kepakaran jabatan ini dan bidang *toxic waste*, *effluent* kilang dan sebagainya.

Setahu saya pada masa kini kementerian alam sekitar mempunyai lebih kurang 500 pegawai dan kakitangan di seluruh Malaysia. Saya dapati kebanyakan pejabat-pejabat alam sekitar telah menyewa di bangunan tingkat atas. Saya rasa pejabat-pejabat alam sekitar ini perlu ada satu bangunan pejabat sendiri yang mempunyai kawasan lapang supaya dapat menjalankan aktiviti-aktiviti seperti pameran dan ceramah kepada orang ramai, menjalankan ujian asap atau ujian bunyi dan sebagainya. Di seluruh Malaysia setakat ini cuma ada satu tempat, *four* ini *one* dengan izin, pelupusan bersepadu bahan buangan toksik yang diluluskan oleh syarikat kualiti alam di Bukit Nanas. Saya harap lori-lori penguatkuasaan pengangkutan bahan toksik dapat ditampal dengan banyak *sticker* dengan izin, “Amaran Bahaya” untuk memberi perhatian kepada orang ramai supaya tidak mendekati kenderaan lori ini dan apabila ada kejadian yang tidak diingini berlaku. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Parit Buntar.

11.27 pagi.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan B.46, Butiran 040100 iaitu mengenai pengurusan sisa pepejal dan juga yang berkaitan dengan isu pengitaran semula dan pencemaran kilang-kilang di kawasan kediaman.

Tuan Pengerusi, 9½ hari sisa pepejal boleh mencapai setingkat Menara Kuala Lumpur. Ini adalah fakta-fakta yang sangat menggerunkan kita. Negara menghasilkan sebanyak 20000 tan metrik sisa pepejal setiap hari. Secara purata masyarakat Malaysia menghasilkan 0.8 kilogram sampah seorang sehari. 20 atau 40% daripada sisa ini boleh dikitar semula. Di Kuala Lumpur Tuan Pengerusi, setiap seorang penduduk mencatat 1.56 kilogram sampah sehari. Selangor ditempatkan di tempat kedua 1.5 kilogram sehari. 177 tapak pelupusan sampah di seluruh negara dan lebih 80% daripada jumlah itu terpaksa ditutup kerana pelbagai masalah. Wilayah Persekutuan dijangka kehabisan tapak pelupusan sampah dalam tempoh lima tahun lagi sekiranya penduduk masih menjana sampah kepada kadar 1 juta tan metrik sisa pepejal domestik dan komersial setiap tahun seperti sekarang.

Jumlah tapak pelupusan sampah seluas 8 hektar yang sedia ada akan penuh sebelum tempoh jika tiada langkah pengurangan penghasilan sampah dilakukan. Tapak pelupusan yang beroperasi sejak tahun 1995 Tuan Pengerusi hanya mampu menampung pengeluaran kira-kira 25000 tan metrik sampah sehari dalam tempoh lima tahun akan datang dari sekarang. Tahun 1999 sahaja, hanya 5% daripada 5.5 juta tan sampah domestik dan komersial dasingkan di seluruh negara untuk dikitar semula berbanding di Barat seperti di Jerman yang mencapai kadar kitaran semula 65%. Usaha kitar semula menghasilkan penjimatan besar memandangkan kira-kira 57,000 tan kertas, 43,000 tan plastik dan 8000 tan kaca boleh dikitar semula.

Tuan Pengerusi isunya ialah tentang pengitaran semula dan masalah yang dihadapi oleh negara kita Tuan Pengerusi merupakan masalah cemas dan sangat kritikal. Kita tidak tahu masyarakat di Kuala Lumpur. Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagaimana hendak menghadapi masalah ini terutamanya dalam tahun-tahun yang terdekat ini yang dikatakan tahap krisis akan mencecah tentang hal mengenai sisa pepejal ini kurang daripada lima tahun daripada sekarang.

Saya ingin menyebutkan Tuan Pengerusi supaya langkah-langkah yang pasti diambil di antaranya tidak lain dan tidak bukan kita kena pergi kepada *approach* pendidikan. Rakyat Malaysia patut dididik supaya mereka sedar tentang pentingnya perkitaran semula ini dalam usaha kita untuk memberikan *treatment* kepada sisa pepejal. Yang kedua ialah tentang *demonstrative approach* (pendekatan demonstratif) yang mesti ditunjukkan oleh kita terutamanya orang-orang yang duduk di kelas-kelas atasan supaya orang-orang di kelas bawahan dapat mengikut kita. Dalam laporan TV menyebutkan terutamanya penduduk-penduduk yang tinggal di rumah-rumah setinggan dan rumah-rumah yang dikhususkan untuk berpendapatan rendah didapati kurang berminat untuk menyertai program-program yang berkaitan dengan kitaran semula ini. Sebab itu kita memerlukan rakyat Malaysia ini menunjukkan contoh yang terbaik dalam hal kitaran semula ini sebagaimana yang dilakukan oleh orang barat terutamanya orang-orang di Eropah seperti di Jerman, di Switzerland, di England dan sebagainya begitu juga di Amerika Syarikat.

Nombor tiga Tuan Pengerusi agaknya kita boleh menggunakan peringkat berikut yang *compulsory approach*. Dan *compulsory approach* ini tidak lain dan tidak bukan agaknya pihak-pihak berkuasa tempatan khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dapat memikirkan dan Jabatan Alam Sekitar dapat memikirkan bagaimana caranya dengan *education* nya dengan pendekatan demonstratif dapat kita mengusahakan pendekatan secara *compulsive* yang tidak mengekang sebenarnya rakyat tetapi dapat memberikan pengajaran daripada pelaksanaan undang-undang yang begitu banyak sebenarnya, undang-undang yang telah dilahirkan untuk menyelesaikan masalah sisa pepejal ini.

Tuan Pengerusi, berikutnya ialah tentang pencemaran kilang-kilang. Sahabat kita tadi telah membangkitkan pencemaran yang telah berlaku yang kita dapati pagi ini kalau kita baca surat khabar kita lihat satu pencemaran berlaku bukan sahaja pencemaran sebuah kilang telah dibakar oleh penduduk di Kampung Kangkar Tengah di Johor Bahru iaitu kilang memproses aluminium yang dibakar oleh penduduk-penduduk tempatan kerana tindakan yang telah begitu lama tidak diambil oleh pihak-pihak yang berkuasa seperti pihak berkuasa tempatan, Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya tentang rayuan demi rayuan yang dibuat oleh penduduk tetapi rayuan-rayuan itu hanya masuk di telinga kanan dan keluar di telinga kiri sahaja oleh mereka yang terlibat, yang berkuasa dan terlibat. Akhirnya pihak penduduk tempatan telah membakar kilang itu di Kampung Kangkar Tengah ini. Ini bukan sahaja akan menimbulkan masalah yang besar kepada masyarakat.

Kilang seperti ini Tuan Pengerusi rasa saya beribu-ribu jumlahnya di seluruh negara ini dan kalau kita lihat di tempat yang saya wakili di Parit Buntar sahaja terdapat puluhan kilang yang

sebahagian besar daripada kilang itu hanya berada dalam 100 kaki atau 50 meter sahaja daripada rumah-rumah kediaman. Saya mengambil contoh misalnya kilang yang namanya Boreal Plaster Board Malaysia Sdn. Bhd. yang ini kilang memproses sulfur daripada gunung berapi untuk dijadikan bahan cecair untuk merawat kelapa sawit misalnya diletakkan di tempat itu. Daripada awal lagi dan Menteri Besar pun telah terlibat, orang-orang politik, pentadbir banyak sudah terlibat untuk bersama-sama untuk memikirkan perkara ini yang mengancam sebenarnya keselamatan dan kesihatan rakyat di kawasan Parit Buntar. Dan kemudian itu kilang yang kedua yang dahulu namanya Wembley sekarang namanya Taiko Sdn. Bhd. satu kilang yang juga mengeluarkan hampas yang dijadikan *gibson board* dan menyebabkan daripada hampas itu timbul penyakit kulit-kulit gatal di kalangan orang-orang yang tinggal berhampiran dengan kilang tersebut. Jarak daripada kilang ini dengan Taman Kerian Tambahan ialah sekitar dalam 500 meter sahaja. Yang ketiga Kilang AE Technology Sdn. Bhd. iaitu sebuah kilang *metal molding* mengilang untuk menjadikan bahan-bahan *bracket* untuk radio dan kaset dan kaset kereta dan sebagainya yang terletak kira-kira 100 kaki sahaja daripada taman-taman kediaman di kawasan itu.

Yang keempat saya kena bacakan Tuan Pengerusi, Instant Global Malaysia Sdn. Bhd. yakni kilang yang membuat *packing* udang-udang daripada laut. Sudah tentulah *packing* udang ini menimbulkan bau yang sangat busuk yang sudah sekian lamanya dirasai oleh penduduk tempatan dan ini telah menimbulkan kemarahan benar-benar kepada mereka yang tinggal berdekatan dengan kilang ini. Yang berikutnya ialah Deco Plus Sdn. Bhd. kilang perabot besi, kimia cuci karat besi di dalam longkang. Mereka membuang tanpa mereka membuat *treatment* dan memasukkan sahaja di dalam longkang dan ini telah menyebabkan pencemaran yang sangat hebat di kawasan yang berkenaan.

Dan akhirnya yang keenam ialah Bernas -Kilang Padi yang jaraknya 80 meter sahaja daripada Kampung Melaka yang mengeluarkan bakaran-bakaran sekam. Sekam yang terbakar yang habuknya berterbangan di udara.

Saya hendak menyebutkan Tuan Pengerusi perkara-perkara ini saya katakan bukan hanya berlaku di kawasan Parit Buntar, di mana-mana juga kita lihat terutama kawasan-kawasan yang begitu hebat dengan industri seperti di Selangor, Wilayah Persekutuan, seperti di Perak, di Johor dan sebagainya, perkara yang sama juga berlaku.

Kita mengharap, Tuan Pengerusi, kalau dapat Jabatan Alam Sekitar terutamanya menghadapi pencemaran ini dengan mengadakan *stock taking*, buat *inventory* kepada semua kilang-kilang terutamanya kilang-kilang haram di seluruh negara yang mengeluarkan bahan-bahan yang mencemarkan alam sekitar yang memberikan manfaat yang tidak baik kepada rakyat.

Yang keduanya, adakan perbincangan dengan mereka dengan melibatkan wakil penduduk, melibatkan kilang, PBT, Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya untuk mencari satu guideline yang boleh diterima oleh kilang, boleh diterima oleh penduduk supaya kilang dapat terus beroperasi agaknya dan penduduk dapat hidup dengan selesa.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya hendak pergi kepada Jabatan Perhilitan. Jabatan Perhilitan, B.46, 040200. Pelan induk mengenai kawasan dilindungi 1996 melaporkan kawasan yang dilindungi di negara ini semakin mengecil dengan lebih 1 juta hektar kawasan, kira-kira tiga dekad yang lalu, kawasan dilindungi kini hanya tinggal 39 lokasi dengan keluasan 751,413 hektar. Perangkaan Jabatan Pertanian, Tuan Pengerusi, menunjukkan peningkatan kawasan bandar daripada 0.6% keluasan Semenanjung pada 1974 kepada 1.6% pada tahun 1996 dan pengurangan kawasan hutan daripada 55% kepada kurang daripada 45% dalam tempoh yang sama.

Mengikut Kesatuan Pemeliharaan Sedunia (ICUN), kawasan dilindungi adalah kawasan tanah atau laut yang dikhususkan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Dato' Dr. Hasan bin Hj. Mohamed Ali:** Tuan Pengerusi, saya ingin menamatkannya oleh kerana masa tidak mengizinkan, tentang pentingnya kawasan lindungan ini dengan kita terutamanya Jabatan Perhilitan ini untuk mengkoordinasikan kerja-kerja mereka di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri dan yang penting sekali, kalau kita lihat bahawa kawasan yang dilindungi semakin lam a semakin kecil, semakin lama semakin kecil kawasan-kawasan yang diambil untuk tujuan

pertanian atau tujuan perbandaran hendaklah digantikan dengan serta-merta. Rundingan yang berterusan dengan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri patutlah diteruskan untuk kita menyekat perkara ini daripada berleluasa berlaku.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Wangsa Maju.

**11.38 pagi.**

**Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]:** Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana diberi peluang untuk turut sama membahaskan Belanjawan 2001 mengenai Maksud B.46 dan P.46, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Butiran 030000 – Penyelidikan dan Pembangunan Sains dan Teknologi.

Tuan Pengerusi, pada 28 Jun 2000, Malaysia berjaya melancarkan *program micro satellite* daripada Baikonur, Kazakhstan di atas roket Cosmos. Walaupun pelancaran ini telah ditangguh beberapa kali, projek TiungSAT-1 ini menjadikan negara kita negara yang terawal di Asia Tenggara memulakan program sendiri, kemajuan satelit Low Earth Orbit (LEO) iaitu menggunakan teknologi kamera beresolusi canggih bagi tujuan memberi maklumat tertentu kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan juga bagi sektor-sektor aplikasi marin, pertanian, perhutanan, ramalan dan kajian cuaca, cartography dan topography, pemantauan dan penilaian persekitaran dan ramalan kajian cuaca juga perlu.

Projek ini dimulakan pada tahun 1995, dimajukan dengan kerjasama Surrey Satellite Technology, United Kingdom dengan Astonautic Technology (M) Sendirian Berhad, sebuah syarikat 100% kepunyaan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Tujuan dan objektif jangkamasa panjang ialah untuk membentuk dan melahirkan keupayaan saintis dan jurutera-jurutera Malaysia di dalam bidang teknologi angkasa lepas. Ini termasuk keupayaan pemindahan teknologi untuk membina dan melancarkan satelit sendiri. Kalau kita bandingkan peningkatan teknologi masa kini, pembinaan satelit dengan *micro electronic* ini sudah pun dapat melancarkan satelit yang murah, cepat dan lebih kecil.

Untuk maklumat Tuan Pengerusi, satelit ini beratnya hanya 50 kilogram yang dapat mengelilingi khatulistiwa untuk 15 tahun yang akan datang. Ini bermakna, kita dapat memantau negara kita atau negara-negara yang lain, jikalau tidak terlindung oleh awan atau cuaca yang buruk. Soalannya ialah, jikalau cuaca buruk, adakah teknologi *satellite optical* ini akan memberi maklumat-maklumat yang berkesan? Adakah satelit ini dapat memberi gambar-gambar yang jelas dan terang apabila dia berada di tempat-tempat tertentu tetapi tidak dapat melihat sasaran oleh kerana terlindung oleh awan? Mungkin pada pelancaran-pelancaran yang akan datang, kita dapat melancarkan secara *constellation*, dengan izin, iaitu beberapa buat satellite sekaligus untuk menentukan liputan 24 jam.

Ini termasuk kepada soalan adakah rancangan kementerian untuk melancarkan satellite technology RADAR. Satellite ini tidak perlu menunggu awan atau cuaca buruk beralih tetapi dapat mengambil gambar-gambar bila-bila masa sahaja. Jikalau kita berjaya membuat demikian, kita dapat memberi liputan kepada banyak kementerian yang memerlukan maklumat-maklumat yang sensitif. Ini termasuk aplikasi untuk Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri, oleh kerana isu-isu pertahanan perairan negara kita pada masa ini telah menjadi isu yang panas yang perlu dikaji dan dimajukan dengan menggunakan teknologi angkasa lepas.

Dalam masa yang sama, kita dapat mengkaji aplikasi-aplikasi yang lain termasuk hidrologi, pengurusan dan pemantauan bencana alam dan lalu-lintas, hasil tanaman dan pesisiran pantai, perancangan dan pengurusan bandar, jerebu, kebakaran hutan ataupun pembakaran terbuka, bukan sahaja negara kita tetapi di negara-negara jiran dan juga penjana peta, pemetaan perhutanan dan pemantauan lalu-lintas udara dan laut.

Tuan Pengerusi, Malaysian Centre for Remote Sensing (MACRES) telah ditubuhkan pada tahun 1988, bertujuan sebagai memajukan prasarana teknologi *remote sensing*, dengan izin di angkasa lepas. Ini termasuk membina sebuah *ground and receiving station*, dengan izin, yang kalau saya tidak

silap, sekarang berada dan sudah beroperasi di Temerloh, Pahang. Soalan saya, adakah pembinaan stesen ini diperlukan untuk menerima, memetik dan mengharapkan maklumat-maklumat daripada satelit-satelit yang sekarang ini bukan kepunyaan negara kita tetapi kepunyaan negara-negara Amerika Syarikat, Rusia, Perancis dan lain-lain. Berapa lamakah jangkamasa atau *lead time*, dengan izin, untuk menerima permohonan maklumat-maklumat angkasa lepas yang kita perlu yang sekarang ini kita dapat melalui Singapura dan Bangkok.

Soalan kedua, adakah kementerian merancang untuk memajukan *ground station* yang baru untuk memetik dan menerima maklumat daripada satelite TiuongSAT-1 atau bolehkah kita gunakan *ground station* MACRES di Temerloh untuk tujuan ini?

Tuan Pengerusi, negara kita perlu memajukan keupayaan negara kita bersaing dengan negara-negara yang lain di dalam teknologi angkasa lepas. Saya dengar BAKSA akan menubuhkan Malaysian National Space Agency, dengan izin, untuk memajukan dan mentadbir dasar-dasar rancangan angkasa lepas, jikalau negara kita berjaya dengan teknologi angkasa lepas ini, kita akan menjadi negara yang disegani oleh kerana *knowledge is power*, dengan izin. Soalan terakhir saya ialah apakah rancangan jangka panjang kementerian di atas kemajuan teknologi angkasa lepas?

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Serdang.

**11.43 pagi**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh Butiran 040100 dan Butiran 00500, Jabatan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, objektif Jabatan Alam Sekitar untuk mencegah, mengawal dan memelihara kualiti alam sekeliling bagi faedah generasi masa kini dan akan datang. Jabatan Alam Sekitar juga diberi ke atas perancangan penggunaan tanah dan penempatan kawasan industri dengan menekankan keperluan pelaksanaan, penilaian kekesanan alam sekitar. Dengan demikian itu, mengikut laporan yang saya baca dalam buku ini, laporan EIA yang diproses pada tahun 1999 sebanyak 142 kes. Pada tahun ini, dianggarkan 300 kes di mana Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan laporan EIA supaya dapat menjamin alam sekitar di sekitar kawasan itu.

Dengan demikian, saya minta pihak kementerian untuk memberi penjelasan berkaitan dengan sama ada pihak kementerian atau Jabatan Alam Sekitar telah menerima atau memberi nasihat dan garis panduan kepada pemaju-pemaju di kawasan Hutan Simpan Air Hitam, Puchong di mana pihak kerajaan telah meluluskan sebanyak 3,066 hektar Hutan Simpan Air Hitam, Puchong sebagai pembangunan. Yang Berhormat Timbalan Menteri memang faham, sebagai bekas Exco Kerajaan Negeri Selangor dengan demikian besar kawasan Hutan Simpan Air Hitam, Puchong dibuka untuk pembangunan dan akan dimajukan oleh pemaju masing-masing.

Oleh kerana Hutan Simpan Air Hitam adalah begitu penting di kawasan Puchong dan Serdang ini, maka saya tidak menentang pembangunan di situ tetapi hanya saya risau dan bimbang terhadap alam sekitar sama ada akan dicemarkan pada masa akan datang sama ada Jabatan Alam Sekitar telah menerima atau memberi panduan penting supaya memberi satu garis panduan kepada pihak pemaju masing-masing untuk menjalankan kerja-kerja tanah dan pembangunan di sekitar kawasan kerana kawasan ini merupakan satu kawasan tadahan air dan juga menjadikan satu kawasan untuk menjamin alam sekitar bagi kawasan Puchong dan Serdang.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini untuk menjamin alam sekitar di kawasan ini tidak akan terjejas selepas pembangunan dijalankan di kawasan tersebut. Dan oleh kerana satu kawasan di tengah-tengah Hutan Simpan Air Hitam, Puchong ini telah diberi kelulusan – Yang Berhormat Timbalan Menteri juga faham, sebagai pusat pelupusan sampah (landfill) telah dijalankan beberapa tahun tetapi oleh kerana kawasan sekitarnya telah diluluskan untuk pembangunan di mana pusat pelupusan sampah ini telah dekat dengan kawasan perumahan, sama ada pusat pelupusan sampah ini akan menjejaskan alam sekitar kepada penghuni-penghuni akan datang selepas mereka membeli rumah di situ dan sama ada pihak Jabatan Alam Sekitar akan memberi nasihat kepada kerajaan, sama ada akan

pindahkan pusat pelupusan sampah yang sedang giat dijalankan di kawasan tersebut untuk elakkan sebarang pencemaran alam sekitar kepada penduduk-penduduk sekitar tersebut.

Ini penting kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor pun baru-baru ini juga meninjau kawasan tersebut. Saya tidak tahu lagi apa keputusan daripada pihak kerajaan negeri dan Jabatan Alam Sekitar terhadap pusat pelupusan sampah. Saya bangkitkan ini, Tuan Pengerusi, kerana memang dekat sangat pembinaan rumah di sekitar kawasan pusat pelupusan sampah ini. Kalau pusat pelupusan sampah ini tidak dipindah, mungkin ia jadi isu sosial dan alam sekitar tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya hendak menyentuh ialah kilang yang terletak di kawasan Seri Kembangan. Kilang ini yang dialamatkan di No. 2, Lorong 7/3, Kawasan Industri PKNS Seri Kembangan. Kilang ini telah disiasat oleh Jabatan Alam Sekitar tidak lama dahulu kerana saya dapat tahu bahawa siasatan awal mendapati bahawa kebanyakan buangan terjadual tersebut diimport dari Singapura dan beberapa syarikat penyatuan logam di Malaysia sejak tahun 1998. Syarikat ini merupakan pusat pengumpulan buangan terjadual sedemikian sebelum dieskportkan ke Taiwan dan juga pasukan Jabatan Alam Sekitar Selangor juga telah mengambil sampel buangan terjadual yang terdapat di kilang ini untuk dianalisa.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini kerana kilang yang terletak tidak jauh daripada rumah pangsa PKNS Seri Kembangan di mana penduduk-penduduk telah merayu kepada Jabatan Alam Sekitar untuk menyiasat sama ada kilang yang terletak dekat dengan rumah kediaman akan menjadi satu masalah gangguan harian kepada penduduk dan juga akan mencemarkan alam sekitar di kawasan tersebut tetapi sehingga hari ini, masih belum tahu apakah tindakan terhadap kilang daripada Jabatan Alam Sekitar? Walaupun surat-surat rayuan telah dibagi dan dihantar kepada Jabatan Alam Sekitar tetapi masih belum dapat jawapan, termasuklah surat saya.

Walau bagaimanapun, saya yakin bahawa pihak kementerian akan menjalankan tindakan kerana kilang ini telah disiasat dan diambil tindakan daripada Jabatan Alam Sekitar, tetapi saya minta penjelasan daripada kementerian, apa tindakan selanjutnya terhadap kilang yang telah disiasat dan juga telah diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Walau bagaimanapun, ini akan menjejaskan pencemaran alam sekitar di sekitar kawasan, maka penduduk-penduduk sedang menunggu jawapan dan tindakan selanjutnya terhadap kilang tersebut, sama ada akan dipindah keluar atau apa tindakan yang akan diambil?

Tuan Pengerusi, saya sentuh Buitran 01300, Technology Park Malaysia Corporation Sendirian Berhad. Peruntukan sebanyak RM250 juta akan diuntukkan pada tahun depan. Dari tahun 1996 sehingga 2000, sebanyak RM388 juta telah disalurkan kepada Technology Park Malaysia. Dengan begitu banyak peruntukan disalurkan kepada Technology Park Malaysia ini, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, apa fungsi dan faedah akan diberi kepada kerajaan dan sekitar kawasannya dan sama ada peruntukan ini hanya dibahagikan apa program-program yang dijalankan oleh Technology Park Malaysia.

Sama ada pihak Technology Park Malaysia ini semata-mata bergantung dengan peruntukan oleh kerajaan dan tidak ada jalan lain untuk menjalan penyelidikan lebih lanjut lagi dengan adanya begitu luas kawasannya dan saya juga minta pihak kementerian untuk memaklumkan berapa luas kawasan yang diduduki oleh Technology Park Malaysia kini dan berapa luas lagi kawasan yang masih kosong dan masih belum lagi diduduki dengan kilang-kilang penyelidikan atau R&D di kawasan tersebut. Ini kerana kawasan Technology Park Malaysia yang terletak di kawasan saya dan Bukit Jalil dan begitu penting lokasinya yang memberi faedah dan bagi pendidikan teknologi yang begitu penting untuk negara kita. Maka, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu Gajah.

**11.50 pagi**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 040400 bahagian Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar dan Butiran 00500 - Jabatan Alam Sekitar.

Saya ingin mulakan perbincangan saya dengan mengucapkan tahniah kepada kementerian ini yang telah mengeluarkan satu arahan pada 18 Oktober bagi menghentikan semua projek di tanah tinggi. Saya ingin tahu berapakah projek pembangunan yang telah diluluskan untuk dijalankan di tanah tinggi yang telah dihentikan.

Berdasarkan kata-kata ini saya ingin bangkitkan masalah yang dihadapi di seluruh rakyat Malaysia terutamanya oleh penduduk-penduduk di sekitar Bukit Kledang, Menglembu dan para pencinta alam sekitar. Saya tidak akan berhenti membangkitkan isu ini mengenai projek perumahan di Bukit Kledang sehingga saya dapat satu jawapan yang memuaskan bagi penduduk di kawasan tersebut.

Kita mempunyai dua kementerian yang nampaknya menekankan pemeliharaan alam sekitar di samping perancangan pembangunan. Jabatan Alam Sekitar di dalam Anggaran Perbelanjaan ini telah diperuntukkan sebanyak lebih kurang RM25 juta, akan tetapi apakah tindakan atau kajian yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap projek perumahan yang sedang dijalankan di lereng Bukit Kledang, Menglembu di Perak. Bukit-bukit kecil di sekelilingnya juga kini telah hampir diratakan, saya pohon satu jawapan.

Saya berharap supaya kementerian ini jangan seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mengatakan bahawa perkara ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kementerian boleh mengeluarkan arahan menghentikan, menangguhkan semua projek di tanah tinggi. Ini sepatutnya boleh dilakukan oleh kementerian. Saya percaya kementerian boleh nampak bahayanya projek di tanah tinggi yang bukan sahaja memusnahkan alam sekitar, pokok-pokok, habitat haiwan tetapi turut mengancam keselamatan penghuni-penghuni di sekitarnya.

Di dalam kementerian ini mempunyai satu kod aktiviti bagi pemuliharaan dan pengurusan alam sekitar untuk menggalakkan penyelarasan dan kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri, aktiviti yang dijalankan adalah untuk dengan menubuhkan jawatankuasa menteri atau exco-exco kerajaan negeri mengenai alam sekitar dan penubuhan Majlis Alam Sekitar. Saya ingin tahu sama ada jawatankuasa ini telah dibentuk dan jika ya, apakah isu projek perumahan di Bukit Kledang telah dibincangkan di dalam jawatankuasa tersebut.

Saya juga berharap kementerian tidak akan berselindung di sebalik kelemahan peraturan atau taktik pemaju bahawa kerana plot tanah untuk pembangunan itu adalah kurang daripada 50 ekar, oleh itu EIA Report adalah tidak diperlukan ataupun kerana projek ini di tanah yang kurang daripada satu ketinggian. Kementerian ini telah gagal menjalankan tanggungjawab memelihara alam sekitar khususnya bagi beribu-ribu pendaki Bukit Kledang, Menglembu.

Kementerian Perumahan pula gagal menjalankan tanggungjawab di dalam perancangan pembangunan, memelihara alam sekitar, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan pula telah gagal menjalankan tanggungjawab dengan bukan sahaja tidak menggazetkan tempat itu sebagai hutan simpanan tetapi telah memberi tanah tersebut kepada individu ada sebab yang saya percaya hanya diketahui oleh Yang Berhormat bagi Pasir Salak kerana pada ketika itu Yang Berhormat bagi Pasir Salak yang meneruskannya sebagai Menteri Besar di negeri Perak.

Jadi, saya berharap kementerian dapat melakukan sesuatu atas *collective responsibility*. Saya juga berharap jangan disebabkan oleh beberapa kesilapan yang dijalankan oleh pemimpin Kerajaan Barisan Nasional atau ahli-ahli politik, penduduk menjadi mangsa di dalam kelulusan projek perumahan ini. Saya juga pohon satu jaminan bertulis daripada kementerian bahawa projek perumahan yang sedang dijalankan tersebut tidak akan membawa ancaman kepada nyawa seperti yang sedang berlaku, yang telah berlaku di Highland Towers dan kini di Tanah Tinggi Cameron. Beranikah kementerian melawat tempat Bukit Kledang dan mengumumkan bahawa projek tersebut tidak memusnahkan alam sekitar.

Saya berharap juga jangan memberi jawapan bahawa kita memerlukan pembangunan. Ini adalah kerana telah banyak projek perumahan terbenkakai atau rumah-rumah yang telah siap tetapi tiada pembeli sehingga selalu perlu mengadakan kempen membeli rumah. Pembangunan boleh dijalankan tetapi kita mesti melihat kepada tempatnya. Kita hanya ada satu Bukit Kledang di Menglembu dengan keindahan alam sekitar yang unik serta spesies tumbuhan yang luar biasa.

Saya pohon kementerian untuk menjalankan satu *biological management studies* ke atas Bukit Kledang yang telah dijalankan oleh FOMCA di bawah *Era Consumer* ke atas Bukit Larut baru saya percaya Jabatan Alam Sekitar akan tengok berapa luar biasa keunikan Bukit Kledang tersebut bukan saja kepada para pencinta alam tetapi kepada semua rakyat Malaysia kerana keadaannya yang amat unik sekali.

Oleh itu saya merayu bagi pihak penduduk di kawasan Batu Gajah ini dan juga beribu-ribu pendaki Bukit Kledang agar kementerian boleh melakukan sesuatu. Ia masih tidak terlambat lagi kerana sebelum kita boleh katakan akan mengadakan satu aktiviti memberi kesedaran kerana ini merupakan satu aktiviti kementerianya memberikan satu aktiviti kesedaran kepada orang awam mengenai pentingnya alam sekitar dengan mengadakan Minggu Alam Sekitar, saya berharap pihak penguat kuasa jalankan tanggungjawab mereka seperti yang diperuntukkan, seperti yang ditulis dalam dasar mereka. Jangan menguatkuasakan dasar tersebut terhadap orang awam sahaja di dalam segi pemuliharaan alam sekitar tetapi kementerian mesti lakukannya terlebih dahulu.

Oleh itu saya sekali lagi merayu kepada kementerian agar menjalankan sesuatu terhadap masalah yang sedang dihadapi di Bukit Kledang yang sedang mencemarkan alam sekitar dan memusnahkan alam sekitar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sandakan.

**11.58 pagi**

**Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]:** Tuan Pengerusi, terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud Bekalan 46 - Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Butiran 040000 Pemuliharaan, Pelesenan dan Kawalan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, mengenai pembakaran hutan secara terbuka dan kesannya terhadap alam sekitar, pembakaran dan penebangan hutan secara haram boleh menyebabkan pencemaran alam yang serius dan membawa kesan buruk terhadap hidupan sesuatu habitat haiwan, tumbuhan dan juga kepada kesihatan kita serta ekonomi negara. Contohnya, kejadian pembakaran hutan secara terbuka di Indonesia, akibat daripada insiden itu, udara menjadi berjerebu dan keadaan ini juga telah melanda negara kita khususnya di Sabah dan Sarawak. Oleh sebab itu, terdapat banyak pembatalan penerbangan yang dibuat oleh para pelancong yang ingin datang melawat. Akibatnya negara banyak mengalami kerugian di dalam sektor pelancongan dan sumber ekonomi negara.

Apa yang dapat saya perhatikan, kebanyakan masyarakat kita tidak begitu memandang serius terhadap kebersihan alam sekitar. Pembakaran dan penebangan hutan secara haram masih lagi berlaku. Sikap tidak bertanggungjawab dan ketidaksedaran sivik oleh sesetengah individu itu telah mendorong mereka melakukan pencemaran alam. Walaupun pihak berkuasa telah mengambil beberapa tindakan dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini tetapi ianya tidak berakhir di situ sahaja kerana masyarakat terlalu memandang ringan terhadap masalah ini dan tidak begitu berminat mengetahuinya.

Pembuangan sampah sarap di laut khususnya bagi penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan berpantai telah mewujudkan suatu pandangan yang menjijikkan dan memalukan kepada setiap mata yang memandang. Di Sabah, sungai-sungai yang menjadi daya tarikan pelancong juga turut mengalami pencemaran. Contohnya seperti Sungai Moyog dan Kinabatangan, Sandakan. Pembuangan sisa-sisa toksik dan bahan kimia oleh aktiviti-aktiviti di kilang-kilang kelapa sawit telah menjejaskan spesies ikan dan kualiti air di dalamnya. Masalah ini perlu diberi perhatian yang serius dan segera untuk mengatasinya.

Saya amat mengalu-alukan tindakan yang lebih serius diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Suatu peruntukan yang besar adalah diperlukan untuk menjalankan kempen-kempen dan program-program kesedaran dan mencintai alam sekitar. Oleh itu saya berharap di dalam Rancangan Malaysia Ke-8 kerajaan dapat menyediakan peruntukan yang besar untuk membiayai program-program dan kempen-kempen yang bertujuan untuk memelihara alam sekitar kita dari tercemar.

Walaupun begitu, masih ada lagi masalah pencemaran alam sekitar yang perlu diberi penekanan. Pada pandangan saya cara yang terbaik untuk mengatasi masalah pembakaran hutan dan pencemaran sungai khususnya di kawasan-kawasan yang susah untuk dimasuki oleh kenderaan seperti

kereta dan kapal ialah dengan menggunakan cara *visual method* iaitu dengan menggunakan helikopter. Cara ini adalah lebih berkesan kerana ianya dapat menangkap gambar dan membuat laporan secara lebih dekat melalui udara. Berbanding dengan negara maju seperti Australia dan USA, mereka tidak lagi menggunakan kaedah *visual method* ini. Kini mereka telah menggunakan kaedah *high-tech* yang lebih berkesan untuk mendapatkan kajian yang lebih terperinci. Kaedah ini menggunakan alat-alat yang lebih specialized seperti *scanner* dan *censors* untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan teliti.

Selain itu ianya juga dapat merakamkan aktiviti-aktiviti pencemaran walaupun diambil pada sebelah malam. Negara maju kini telah banyak menghabiskan wang untuk mengatasi dan menjaga alam sekitar mereka. Ini adalah suatu contoh baik dan perlu kita ikuti. Langkah-langkah awal untuk mengatasi masalah ini perlu diambil agar ianya tidak berlanjutan ke tahap pencemaran yang lebih teruk. Kita tidak mahu insiden yang sama berlaku di negara kita contohnya seperti di bandaraya Tokyo, Jepun, dan negara-negara maju yang banyak menubuhkan kilang-kilang perindustrian, kualiti udara mereka adalah sangat tercemar, akibatnya mereka terpaksa menggunakan alat untuk menutup mulut dan hidung bagi melindungi kesihatan mereka.

Berbanding di Malaysia kita patut bersyukur kerana masih boleh menikmati udara yang sihat, yang segar. Oleh yang demikian, saya berharap kerajaan dapat menggunakan kaedah ini sekiranya inginkan cara yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah ini. Peruntukan yang besar perlu dihadiahkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di Rancangan Malaysia Ke-8.

Akhirnya saya berharap seluruh rakyat Malaysia dapat menyemaikan semangat mencintai alam sekitar dan sama-sama menjaganya dari terus tercemar. Negara yang bersih akan mewujudkan rakyat yang sihat dan seterusnya akan menjadi negara dapat berkembang dengan baik. Kita mengekalkan sebuah negara yang aman dan makmur. Oleh itu marilah kita bekerjasama berganding bahu untuk memelihara alam sekitar agar terus terpelihara agar generasi-generasi akan datang sama-sama dapat menikmati keindahannya.

Sekian, terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bandau. Selepas itu kementerian menjawab ya.

**12.08 tgh.**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tumpukan pandangan-pandangan kita kepada Butiran 040100 – Jabatan Alam Sekitar dan peruntukan sejumlah RM42.4 juta dan juga 040400 – Bahagian Pemulihan dan Pengurusan Alam Sekitar yang diperuntukkan sejumlah setengah juta bagi tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, Jabatan Alam Sekitar sememangnya adalah sebuah jabatan yang sangat penting sekali. Dia adalah badan ulung, badan induk untuk melaksanakan, mengurus dan menguatkuasakan hal-hal berkaitan dengan alam sekitar khususnya yang diperuntukkan di dalam Akta Alam Sekeliling 1974 dan undang-undang yang berkaitan. Dalam perkara ini, sememangnya Jabatan Alam Sekitar wujud di semua negeri dan khususnya di Sabah dan di Sarawak. Di dalam soal negeri Sabah dan negeri Sarawak, ada beberapa persoalan timbul yang begitu unik sekali. Misalnya di bawah negeri Sarawak satu jabatan di peringkat negeri juga wujud bagi kerajaan negeri dan satu akta konservasi alam sekitar juga telah pun dibentuk sesuai dengan perlaksanaan Projek Bakun. Di peringkat negeri Sabah, kes yang sama juga di mana pada tahun 1996, pihak kerajaan negeri telah menggubal Enakmen Konservasi Alam Sekitar 1996 dan seterusnya mewujudkan Jabatan Alam Sekitar Negeri.

Dalam soal ini Tuan Pengerusi, beberapa masalah yang timbul. Nombor satu, soal bertindih kuasa, soal bertindih bidang kuasa. Memandangkan tanah dan hutan itu adalah tanggungjawab kerajaan negeri, maka persoalannya ialah di dalam hal-hal masalah alam sekitar yang berkaitan dengan hal tanah dan hutan, persoalannya ialah siapa sebenarnya yang bertanggungjawab. Jika mengikut pandangan bahawa hal tanah dan hutan itu adalah hal negeri, maka Jabatan Alam Sekitar Negerilah yang harus bertanggungjawab dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu.

Masalahnya ialah seringkali, ini tidak sebenarnya begitu jelas sekali dan sering kali dengan izin *they throw the bucket to each other*, diserahkan kepada kedua-dua pihak dan di mana keadaan jika Jabatan Alam Sekitar Persekutuan dan Jabatan Alam Sekitar Negeri tidak mengambil tanggungjawab dalam mana-mana kompelin ataupun mana-mana aduan, masalah timbul ialah, siapa seharusnya akhirnya yang bertindak dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, ini sangat penting sekali kerana bahagian Alam Sekitar Persekutuan mengatakan ini hal negeri, negeri punya kes, tetapi apabila sampai ke peringkat negeri punya jabatan, there is problem dengan izin bahawa you are the enforcer, you are also the culprit. Maka dalam soal ini Tuan Pengerusi, saya minta pihak jabatan, pihak kementerian menjelaskan apa sebenarnya kuasa yang ada daripada Akta Alam Sekeliling 1994 yang telah dideligsasikan kepada jabatan negeri dan kuasa kuasa di bawah peruntukan enakmen di peringkat negeri. Ini sangat penting, kalau tidak Tuan Pengerusi, masalah alam sekitar di kedua-dua negeri ini akan terus timbul kerana dua jabatan yang bertindih kuasa dan tidak jelas kuasanya sering kali masalah timbul dari segi siapa yang bertanggungjawab sebenarnya.

Dalam soal yang sama Tuan Pengerusi ialah soal pandangan bahawa alam sekitar ini ialah tidak – masalah isu alam sekitar ini atau perkara alam sekitar ini tidak termasuk dalam senarai bersama Senarai Negeri ataupun Senarai Persekutuan. Is neither dengan izin, on the Concurrent List, State List or Federal List. Ini pandangan peguam negeri Sabah pada saat ini mengatakan bahawa is this neither there dalam tiga-tiga senarai ini. Maka is silent. Therefore, dengan izin the state can get out with it dan anggap bahawa ini hal negeri.

Tuan Pengerusi, ini sangat penting sekali kerana masalah yang timbul di peringkat negeri Sabah yang hangat diperbincangkan ialah satu projek pulp and paper mill Yang diusahakan sama dengan kerajaan negara China dan Malaysia di bawah tanggungjawab anak syarikat Yayasan Sabah iaitu Enokprise Cooperation Sendirian Berhad dan kes ini dibincang dengan sangat luas di Dewan yang mulia ini di mana 330,000 hektar kira-kira begitu yang telah pun terlibat dan sekarang ini pembalakan secara haram saya gunakan perkataan itu berterusan bagi kawasan 30,000 hektar dan pada saat ini sudah pun 17,000 hektar telah pun hampir siap untuk ditebang tebas walaupun Ketua Menteri Sabah mengatakan di Dewan Undangan Negeri tiga minggu yang lalu, baru sekadar 700 ekar. Itu misleading the Dewan. I want to dengan izin bahawa katakan bahawa dia tidak memberi maklumat yang sebenar, katakan 700 hektar yang baru siap, mengikut maklumat kita sudah 17,000 hektar.

Masalahnya Tuan Pengerusi adalah begini, bahawa di dalam perkara ini dikatakan bahawa tidak perlu memerlukan EIA untuk menebang, menebas untuk membersihkan tapak itu secara botak kerana dikatakan pada masa kup-kup itu diberi iaitu kup satu dan dua, Enakmen Konservasi Alam Sekitar 1996 belum lagi berkuat kuasa iaitu ia hanya berkuat kuasa mulai September 1999. Maka dikatakan tidak perlu kerana pada masa diberi, akta itu atau enakmen itu belum berkuatkuasa. Apabila saya tanya di Dewan mulia ini tentang masalah ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan memang betul kuasa ini adalah di bawah kuasa Enakmen Konservasi Alam Sekitar dan mesti memerlukan EIA dan Yang Berhormat Menteri juga mengatakan bahawa arahan akan diberi kepada Kerajaan Negeri supaya ICSB menghentikan pembalakan selagi EIA belum diperolehi.

Dalam masalahnya Tuan Pengerusi, Kerajaan Negeri terus ingkar mengatakan bahawa ini kuasa negeri, bahawa sudah dideligsasikan kepada Kerajaan Negeri. Dan this is the case dengan izin Tuan Pengerusi di mana he is the enforcer, he also the culprit. Maka kalau dia tidak ambil tindakan, siapa yang mengambil tindakan dalam perkara ini. Saya minta penjelasan yang begitu tepat mengenai perkara ini kerana hanya baru Jumaat lalu Ketua Menteri ditanya oleh pemberita, bagaimana dengan arahan pihak Kementerian Alam Sekitar Persekutuan untuk menghentikan dan dia katakan tidak dihentikan kerana sudah saya katakan tidak perlukan EIA. Nanti kup ketiga baru perlu EIA. Tidak perlu ada latihan undang-undang Tuan Pengerusi, bahawa dalam akta mengatakan bila you potong itu kayu you under my akta, you kasi approve tiga tahun dulu itu lain hal. Sekarang you potong, you must follow the akta. Tetapi pandangan kerajaan negeri yang degil ini mengecewakan. Yang lebih serius beliau mengatakan itu arahan umum, tidak payah diikuti dan saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, Timbalan Menteri dari kementerian, adakah arahan telah dikeluarkan dalam perkara ini adalah secara rasmi dan apa lagi tindakan yang akan dibuat jika kerajaan negeri ataupun ICSB tidak mengambil peduli arahan yang dikeluarkan oleh pihak kementerian.

Dalam perkara ini Tuan Pengerusi, maka ada beberapa perkara pokok yang perlu diambil kira. Dalam soal clarity of power dengan izin, kuasa supaya ada satu ketetapan, supaya ada satu penjelasan yang boleh diterima oleh semua pihak. Apa sebenarnya kuasa negeri di dalam soal alam sekitar ini. Adakah betul ini bahawa tidak ada dalam mana-mana list maka dengan ini, ini adalah kuasa negeri. Kalau arahan daripada Persekutuan diberi tidak payah ikut kerana terpulang kepada kerajaan negeri mengambil tindakan. Lagipun kuasa untuk melaksanakan EIA telah pun dideliasikan di bawah akta di peringkat negeri. Adakah ini betul atau tidak? Dan kalau ini betul maka saya amat sedihlah Tuan Pengerusi kerana kalau kerajaan negeri tidak mengambil tindakan apa ruangnya bagi kerajaan Persekutuan untuk mengambil tindakan bagi memastikan supaya alam sekitar dipelihara dan dilindungi. If you have dengan izin the responsible state government, this will no happen. Maka saya merayu, demi the dignity of federal act khususnya kewibawaan Akta Alam Sekeliling 1994, supaya ini dijelaskan dan jika perlu di mana tindakan perlu diambil hendaklah diambil dengan tegas.

Tuan Pengerusi, dalam masalah pembalakan ini di peringkat Kalabakan ini, saya sekali ini mahu mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa ini satu masalah yang besar. Ini bukan satu ladang 100 ekar, 200 ekar yang sedang dibersihkan adalah 30,000 hektar dan setakat ini hampir 20,000 sedang dibersihkan. Dalam perkara ini mereka mengatakan dalam kup satu dan dua, perintah telah diberi melalui Jabatan Hutan supaya peraturan-peraturan diikuti iaitu hanya beli balak enam rantai kiri dan kanan kepada sungai-sungai tetapi kita sedia maklum dalam hal ini biasanya pembalok tidak ambil kira, tidak mahu dengar kerana tidak ada penguatkuasaan, tidak ada penyeliaan, maka jangan haraplah perintah-perintah yang dilakukan di bawah Jabatan Hutan itu akan diperolehi.

Saya mencabar sebenarnya Ketua Menteri Sabah supaya membenarnya pada waktu tiga minggu yang lalu, pemberita-pemberita untuk pergi melawat tempat ini, supaya kita boleh melihat adakah mereka telah mematuhi peraturan diberi oleh Jabatan Hutan. Memang kita sedia maklum tidak ada EIA dan kita sedia tahu mereka perlu EIA tetapi mereka mengatakan tidak perlu dan jawapan dia boleh juga pergi tetapi dia orang mesti mahu pergi ambil mereka juga, check dia punya pengurusan hutan di sana. Ini apa punya kelas? Bahawa Kerajaan Barisan Nasional di bawah pemerintahan UMNO sekarang ini yang pandangan umum keseluruhan ini adalah salah, tidak betul tetapi degil untuk meneruskan apa yang tidak betul. Apa tujuannya semuanya ini memandangkan kita punya bahawa some people is in the high, belum sebenarnya Tuan Pengerusi tandatangan perjanjian dengan Kerajaan China, belum lagi ditandatangani tetapi tumbang sini, tumbang sana dan orang bilang sekarang jabatan pihak pelabur China kemungkinan tidak mahu tandatangan sebab belum tandatangan lagi, sudah tumbang hampir 20,000 ekar dan mereka mengatakan kemungkinan tidak mahu tandatangan hasil daripada masalah itu.

Tuan Pengerusi, saya merasa panas hati di dalam perkara ini kali ini kerana saya rasa ini satu masalah yang begitu terbuka sekali adalah salah dan perlu diperbetulkan. Tetapi pada saat ini Kerajaan Persekutuan tidak juga begitu tegas untuk melaksanakan apa yang wajib dilaksanakan. Pada masa yang sama kerajaan negeri bersandiwara kerana dia anggap dia sebahagian daripada Kerajaan Barisan Nasional. Standard ini memalukan standard pentadbiran negara kita dan saya menekan di sini haruslah sesuatu tindakan yang tegas haruslah diambil sebelum perkara ini menjadi satu masalah antarabangsa. Saya difahamkan pada saat ini kerana pembalakan, kerana potong bersih, kerana clear felling dilakukan, ini binatang-binatang payau macam kita punya payau Tuan Pengerusi iaitu rusa berkeliaran di sini sana. Senang orang pergi ke tempat-tempat ladang kelapa sawit dan tembak rusa kerana rusa daripada binatang-binatang yang dilindungi di dalam kawasan ini berkeliaran di sini sana. Ini baru saja, flora dan fosil semua, flora dan fauna belum lagi disebut.

Tuan Pengerusi, inilah rayuan saya supaya dibawa perkara ini, pihak kementerian menjelaskan dengan begitu luas dengan tegas apa sebenarnya kuasa telah boleh dideliasikan kepada negeri dan apakah yang perlu mereka buat di dalam soal mempertahankan pemuliharaan alam sekitar dan perlindungan ini dan apa kuasa dan apa tanggungjawab Kerajaan Pusat dalam perkara ini. Kalau arahan yang telah dikeluarkan, kalau sudah dikeluarkan, kalau belum dikeluarkan, saya minta dinyatakan di Dewan ini, bila akan dikeluarkan dan kalau itu tidak dipatuhi juga apa tindakan yang akan dilakukan oleh pihak Kerajaan Persekutuan demi menghormati wibawa undang-undang Persekutuan khususnya Akta Alam Sekeliling 1974.

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, kementerian menjawab ya.

**12.20 tgh.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:**

Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih juga kepada sembilan orang Yang Berhormat yang sempat membahaskan perkara-perkara di bawah peruntukan Pengurusan dan juga Pembangunan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Saya juga mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan serta saranan-saranan yang banyak telah ditentukan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan perkara ini. Ini juga menunjukkan bahawa kesedaran tentang perlunya kita sama-sama menjaga kualiti dan juga peningkatan kualiti alam sekitar negara kita begitu mendapat perhatian serta sokongan daripada semua pihak yang saya anggap dalam hal ini kita tidak mengira sempadan ataupun batas politik sama ada parti pemerintah ataupun pembangkang kerana sekiranya kalau berlaku pencemaran udara, berlaku pencemaran air semua orang akan terlibat.

Tuan Pengerusi, banyak perkara yang telah disentuh, yang saya terlebih dahulu ingin menyatakan di sini sebahagian mungkin dapat saya berikan penjelasan secara *detail* oleh kerana ia menunjukkan kepada sokongan angka tunjuk dan sebagainya. Namun saya cuba untuk menjelaskan perkara-perkara yang dapat dalam masa yang terhad ini untuk memberikan seberapa banyak rangkuman kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Mambong yang telah menyentuh banyak perkara berkenaan dengan aspek-aspek secara umum dari segi keseluruhan peruntukan di bawah Jabatan Alam Sekitar sendiri, yang sebenarnya jumlah tersebut adalah merangkumi kesemua aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan ataupun sedang dijalankan dan akan dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar. Memang tidak dinafikan dalam pelaksanaan program-program ini terdapat beberapa perkara kadangkala ataupun kerap kali bertindih fungsi dengan beberapa jabatan yang lain termasuklah perkara pemuliharaan sungai. Sebenarnya memanglah secara langsung di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di bawah Kementerian Pertanian.

Namun apa yang ingin dilaksanakan oleh kementerian ialah untuk membantu dari segi memperindah dan juga meningkatkan lagi dari segi kualiti alam sekitar kepada sungai-sungai yang akan dibersihkan. Ini pun sebenarnya hanya akan dimulai daripada tahun 2001 dengan mengambil beberapa sungai yang tertentu seperti Sungai Kelang dan mungkin beberapa sungai yang mempunyai keadaan pencemaran yang agak tinggi. Ini termasuk juga penguatkuasaan undang-undang.

Banyak peraturan yang telah ditetapkan ataupun diberikan kuasa kepada Jabatan Alam Sekitar yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi sebagai dengan izin, *out-dated* dan juga mengenai *standard procedure* yang sudah agak lama. Kita memang sentiasa mengikuti dan memantau perkara ini sejauh manakah undang-undang yang sedia ada ini masih berkesan dan kerana itu dari masa ke semasa Jabatan Alam Sekitar melalui kementerian ini mengemukakan pindaan-pindaan kepada peraturan-peraturan, undang-undang penguatkuasaan dan sebagainya yang terdapat pada masa ini. Kita menyedari bahawa kebanyakan daripada undang-undang ini telah digubal beberapa tahun yang terdahulu dan keadaan pada masa itu.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Sekejap Yang Berhormat. Keadaan pada masa itu mungkin kita tidak menjangka bahawa masalah-masalah yang kita hadapi hari ini begitu hendak dikatakan juga kritikal dan *sophisticated*. Jadi, mungkin pada masa itu penggubal-penggubal undang-undang hanya berlandaskan kepada situasi dan keadaan yang terdapat dalam masa itu. Jadi, seperti saya katakan bahawa perkara ini sentiasa kita pantau dan juga kita akan dari masa ke semasa terus membuat pindaan peraturan di mana yang perlu. Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Dato'. Saya sebenarnya hendak bangkitkan soal sungai Dato'. Persoalan saya, adakah tidak kerajaan membuat satu penyelidikan sebagaimana yang dibuat di Eropah yang mana tiap-tiap seseorang warganegara itu menggunakan tidak kurang daripada 3 gram sabun satu hari dan sabun ini adalah benda yang bukan *ecofriendly material*

dengan izin. Jadi, kalau kita lihat di Malaysia keseluruhannya, pada satu hari 66 tan sehari kita buat kubahan air sabun yang kita pakai. Dalam masyarakat orang Melayu mungkin kita selalu mandi, lebih kerap lagi mungkin *double*lah ini memang satu ratus tiga puluh lebih tan satu hari.

Jadi, di Kuala Lumpur, sungai di Lembah Kelang umpamanya nampak tercemar. Kalau kita lihat dalam perindustrian hotel sahaja 25,310 bilik hotel. Dalam satu hotel, satu biliknya ada mengeluarkan 15 gram sabun. Sabun digunakan dalam masa tiga hari sudah habis. Jadi, kalau benda ini dimasukkan ke dalam sungai, tanah dan masuk ke sungai ini mendatangkan satu pencemaran yang amat sangat. Tetapi keseluruhan rakyat di Kuala Lumpur termasuk penduduk rumah menggunakan pencuci *detergent* periuk, belanga, pasu, kuali dan sebagainya sekali, kalau masuk ke dalam air dan sungai ini pencemaran yang tidak dapat kita nilaikan berapa buruknya keadaan. Jadi, adakah Kementerian akan buat penyelidikan macam yang dibuat Eropah supaya bermula daripada satu peringkat ke satu peringkat supaya perhotelan ini menggunakan *detergent*, syampu, sabun dan sebagainya yang lebih *ecofriendly* daripada apa yang digunakan sekarang? Terima kasih.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lumar. Ini mungkin juga satu idea baru yang patut dimasukkan di dalam kajian-kajian yang dijalankan mengenai unsur-unsur yang menyumbang ke arah pencemaran air di negara kita.

Seterusnya mengenai dengan saranan dari segi pengawalan Kualiti Alam Sekitar berkaitan dengan EIA Report, yang pada masa ini ditetapkan kepada saiz-saiz tertentu misalnya untuk .....

**Tuan Chang See Ten:** [Bangun]

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Biar saya habiskan, Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Ya.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** EIA Report untuk saiz-saiz tertentu. Bagi permohonan perumahan misalnya 50 hektar dan ke atas dan untuk penebangan hutan dan sebagainya 500 hektar. Jadi, memang kita dapati ada kadang-kadang pemaju-pemaju yang melaksanakan satu helah di mana kawasan yang besar yang mereka majukan dipecah-pecahkan kepada kawasan-kawasan yang kurang daripada saiz minimum yang disyaratkan untuk dikenakan EIA Report ini. Jadi, ini mungkin satu pandangan yang boleh juga kita ambil kira bahawa kita harus melihat keseluruhan kawasan pembangunan yang akan dijalankan selain daripada melihat adakah ini hanya satu pembangunan sahaja yang dilakukan di kawasan-kawasan tertentu. Jadi, dengan ini kita dapat memastikan bahawa sekiranya ada bentuk-bentuk seperti yang saya katakan bahawa sengaja mereka pecah-pecahkan kawasan ini kurang daripada saiz minimum patut dikenakan EIA Report maka undang-undang yang mungkin sudah sesuai bolehlah di *apply* kan dengan izin, kepada pihak pemaju yang berkenaan.

Saya punya masa tidak berapa banyak Yang Berhormat, saya ingat pendek sahajalah.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan tentang pencemaran air. Yang terutama tentang sungai yang telah diiktiraf mati di negara kita ini. Dalam laporan daripada Jabatan Alam Sekitar tahun 1996, kita cuma ada 13 batang sungai yang diiktiraf telah tercemar. Sekarang tahun 2000 telah meningkat ke 40 batang sungai di negara kita tercemar akibat pencemaran yang serius. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian tentang apa kaedah atau tindakan yang lebih berkesan dengan kerjasama daripada Kementerian yang lain seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Pertanian untuk sama-sama berusaha mencegah, ambil tindakan pencegahan atas pencemaran air sungai ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum tahun 1980-an, tiap-tiap rumah bila dibina memang ada paip, cuma satu paip sahaja untuk saluran *sewerage* ke tangki najis, tangki penapis dan yang lain, air dari dapur, bilik mandi ia dikirakan air limbah disalurkan melalui paip lain ke parit sekeliling rumah dan salur ke parit terbuka dan ini adalah satu sebab pada masa sekarang kita masih menghadapi masalah pencemaran ini dan kita dapati di negara kita ini pihak-pihak berkuasa Tempatan sentiasa bina pasar-pasar atau pusat penjaja di tepi sungai. Memang air limbah dari pasar-pasar dan pusat-pusat penjaja ini pun salur kepada sungai dan kilang-kilang yang lama setakat ini masih belum ada loji pembersihan. Sebab itu saya ingin tahu apa tindakan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar

untuk menangani masalah ini supaya kita dapat mengurangkan sungai-sungai tercemar. Sekian, terima kasih.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Tuan Pengerusi, saya ringkasnya pihak Jabatan Alam Sekitar telah melaksanakan program-program di mana kita meletakkan stesen-stesen untuk mengawasi kedudukan pencemaran air sungai. Memanglah kita dapati bahawa dari segi keseluruhannya, ada peningkatan dari segi kebersihan misalnya berdasarkan kualiti limbangan sungai, 33 batang sungai. (28%) bersih berbanding dengan 24 batang sungai pada tahun 1997. 71 (59%) sederhana tercemar dan 16 ataupun 13% tercemar berbanding dengan 25 batang sungai pada tahun 1997. Jadi, ada peningkatan daripada usaha-usaha yang kita jalankan bersama-sama dengan pihak PBT. Sebahagian besar perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu bukanlah dipertanggungjawabkan langsung kepada pihak kementerian tetapi banyak kepada PBT sendiri.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Mambong, dari segi saranan untuk meminda soal EIA Report tadi termasuk juga *earthwork permit* yang dilaksanakan ke atas pemaju dan sebagainya seperti yang dilaksanakan di negara-negara seperti Australia, UK dan sebagainya. Ini juga kita boleh ambil kira sekali dengan soal yang berkaitan dengan saiz minimum yang patut dikenakan kepada pemaju-pemaju yang membangunkan kawasan-kawasan mereka.

Bilangan kakitangan memang kita akui bahawa perkara ini telah pun diberi perhatian. Walau bagaimanapun, ini tertakluk kepada kelulusan daripada JPA. Sebab itu salah satu daripada usaha yang telah kita jalankan ialah dengan memberikan penurunan kuasa kepada beberapa agensi seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Rasah tadi iaitu seperti Jabatan Kesihatan, Bomba, Polis, PBT, DBKL dan Labuan sebagai usaha untuk membantu masalah kekurangan kakitangan yang terdapat di bawah Jabatan Alam Sekitar kita.

Mengenai bentuk penguatkuasaan dan juga emergency respond kepada perkara-perkara yang dibangkitkan juga kepada contoh-contoh kebakaran kilang baja dan sebagainya yang berlaku di negara kita ataupun di beberapa tempat di akhir-akhir ini, keberkesanan Jawatankuasa Bencana Daerah ini perlu diberi perhatian bersama supaya Jabatan Alam Sekitar sebagai salah satu agensi yang terlibat dengan perkara ini dapat memainkan peranan dan jabatan yang lain juga seperti PBT-PBT berkenaan harus juga mengambil langkah-langkah penguatkuasaan daripada awal lagi, kerana sebagaimana biasa Jabatan Alam Sekitar hanya diminta untuk memberikan komen-komen ataupun laporan-laporan berkaitan dengan sesuatu lesen sebelum ia diluluskan. Jadi, kalau kilang itu kilang haram, maka kita pun tidak pernah diminta untuk memberi laporan. Jadi, hanya apabila berlaku kebakaran dan sebagainya maka Jabatan Alam Sekitar terpaksa bersama-sama campur tangan bagi membantu....

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** [Bangun]

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Yang Berhormat, saya tak bagi jalan. Masa sudah singkat. Bagi saya beri penjelasan, yang lain mungkin boleh berbincang. Itu pun sudah bincang mengenai Klang ini.

Jadi, Jawatankuasa Penyelia Daerah ataupun Negeri harus sama-sama menyiapkan satu pelan tindakan yang benar-benar berkesan bagi mengatasi masalah seperti ini.

Yang Berhormat bagi Yan membangkitkan soal perbezaan jumlah peruntukan R&D di antara kerajaan kita misalnya dengan apa yang telah diperuntukkan di Singapura sendiri. Ini mungkin secara logiknya boleh saya kaitkan bahawa Singapura sebagai sebuah negara yang banyak bergantung kepada usaha di bidang perindustrian dan juga pembangunan elektronik dan sebagainya memanglah terpaksa mengadakan satu bentuk atau satu peruntukan yang jauh lebih besar dari kita kerana ini adalah salah satu daripada punca pendapatan mereka akhirnya. Berbanding dengan kita di Malaysia mungkin mempunyai tanggungjawab yang lebih menyeluruh dan pergantungan hasil dan sebagainya kita tidaklah hanya bergantung kepada satu program besar yang menjadi tanggungjawab kepada kementerian seperti Kementerian Alam Sekitar.

Bagaimanapun, peruntukan yang ada ini sebenarnya satu peruntukan yang sentiasa dikaji sama ada peruntukan yang ada ini dapat digunakan dengan maksimum ataupun sebaliknya. Saya percaya sekiranya perkara ini dapat digunakan setiap tahun dengan sempurna biasanya tidak menjadi masalah kita menambahkan peruntukan. Dalam masa yang sama kita dapati bahawa kementerian yang lain juga mempunyai peruntukan-peruntukan di bawah R&D. Jadi, ini kalau kita campurkan semua sekali,

beberapa kementerian yang ada di negara kita ini yang terlibat dengan soal peruntukan R&D saya kira adalah besar jumlahnya.

Mengenai peluang ataupun pendidikan kepada saintis-saintis muda dan sebagainya, memang kita ada melaksanakan program di bawah pasca siswazah dan pasca doctoral tiap-tiap tahun. Yang ini telah pun saya sentuh dalam ucapan menggulung perbahasan peringkat dasar tempoh hari. Bagaimanapun, untuk maklumat Dewan yang mulia ini bahawa program ini telah pun dilaksanakan sejak tahun 1996 di mana peruntukan sebanyak RM39.439 juta telah dibelanjakan bagi aktiviti di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-1999). Seramai 1,429 calon pasca siswazah dan 62 calon pasca doktorat telah dibiayai di bawah skim ini. Jadi, mungkin sebahagian daripada maklumat ini boleh saya berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Mengenai borang tadi, bolehlah kita tengok balik sama ada borang ini terlalu tebal dan menyusahkan bukan sahaja pihak yang memohon tetapi juga pihak yang hendak buat kajian pun mungkin menghadapi pelbagai masalah. Tetapi setakat ini nampaknya perkara ini dapat dijalankan dengan licin, mungkin seperti juga borang pencalonan pilihan raya dahulu pun tebal juga sampai banyak yang kalah kerana teknikal sahaja. Tetapi hari ini kita telah mengubah borang ini menjadi begitu mudah dan biasanya kegagalan tidaklah berpandu kepada masalah teknikal, salah isi borang sahaja.

Seterusnya MIMOS di dalam peringkat peralihan di mana kita pada asasnya memanglah syarikat ini bergantung seluruhnya kepada peruntukan yang dibiayai oleh kerajaan. Saya juga mempunyai pandangan yang positif bahawa dalam jangka masa terdekat mungkin setelah siap pembinaan segala infrastruktur dan pelan-pelan lain yang diperlukan, kita bolehlah mengharapkan supaya MIMOS tidak lagi bergantung kepada peruntukan kerajaan tetapi sebaliknya menggunakan segala sumber yang telah mereka dapat bangunkan dan mereka jalankan dalam bentuk perniagaan untuk menjadi satu agensi yang dikatakan sebagai *self sufficient*, dengan izin.

Berkaitan dengan rumah perkhidmatan Pejabat Kaji Cuaca, saya kira ini tak payah sentuh kerana ini memang usaha yang telah kita jalankan dari masa ke semasa untuk mempertingkatkan lagi kemudahan-kemudahan kepada kakitangan dan juga menambahkan lagi peralatan-alatan yang sentiasa berubah-ubah. Pembangunan dan perubahan dari segi teknologi memang sentiasa berubah dari masa ke semasa. Kita lihat sahaja misalnya telefon bimbit, dalam beberapa tahun yang dahulu begitu besar dan begitu sukar untuk kita bawa. Hari ini dalam jangka masa yang paling pendek sudah menjadi begitu kecil, ringkas dan mempunyai fungsi-fungsi yang lebih banyak. Jadi, dalam hal ini juga kita menyedari bahawa peralatan-peralatan untuk memantau soal kaji cuaca, iklim dan sebagainya perlulah sentiasa diawasi dan dipertingkatkan.

Yang Berhormat bagi Rasah membangkitkan soal pelesenan, penguatkuasaan dan sebagainya yang sebahagiannya ada kaitan dengan soal penurunan kuasa yang telah disentuh tadi. Itu adalah sebagai satu daripada langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan jumlah kakitangan yang terdapat di bawah Jabatan Alam Sekitar. Jadi, penglibatan badan-badan sukarela, NGOs, juga badan-badan seperti JKKK, Jawatankuasa Penduduk dan sebagainya perlu diberi latihan.

Jadi, menerusi program-program pendidikan yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar tiap-tiap tahun, perkara ini mungkin ataupun boleh kita masukkan, saya rasa di dalam program pendidikan ini kerana setakat ini keutamaan kita berikan di bawah program pendidikan ini kepada murid-murid sekolah, yakni golongan belia dan golongan murid sekolah. Kerana inilah kita harapkan bahawa generasi muda yang ada pada hari ini akan dapat mempunyai satu pandangan dan satu pengetahuan yang begitu mendalam mengenai perlunya penjagaan alam sekitar.

Namun demikian, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bolehlah kita beri perhatian bahawa golongan-golongan yang sebaya dengan kita atau lebih tua daripada kita juga perlu diberikan sedikit sebanyak pengalaman ataupun asas-asas yang berkaitan dengan penjagaan alam sekitar.

Demikian juga dengan kedudukan pejabat-pejabat yang banyaknya atau sebahagiannya menyewa dan sebagainya, ini juga saya pernah bangkitkan bahawa sebaik-baiknya memanglah kalau

dapat jabatan-jabatan khususnya yang berkaitan dengan memberikan perkhidmatan kepada rakyat supaya dapat diadakan secara bersendirian dan mempunyai kawasan-kawasan yang memadai. Tetapi kadang-kadang kita menghadapi masalah ataupun *consent* dari segi mendapatkan tapak yang harus kita dapati daripada pihak berkuasa negeri dan sebagainya.

Jadi, kerana itu kita menggunakan apa sahaja kesempatan yang dapat, kalau sewa pejabat pun sewalah. Namun demikian, sekiranya dapat kita pertingkatkan di masa akan datang, kita akan cuba untuk kita mempunyai pejabat-pejabat sendiri yang berasingan dan memberikan ruang-ruang untuk perkhidmatan yang lebih terus dan berkesan kepada rakyat.

Mengenai dengan lori-lori yang mengangkut bahan-bahan toksik dan sebagainya ke Kualiti Alam di Port Dickson, saya setuju supaya tanda-tanda amaran yang lebih jelas dapat dipasang dan diberikan supaya memberikan amaran dan peringatan kepada orang ramai mungkin untuk mengelakkan kemalangan yang mungkin berlaku.

Yang Berhormat bagi Parit Buntar menyentuh banyak mengenai sisa pepejal, pelupusan sisa pepejal dan juga kitar semula. Bukanlah saya hendak mengelakkan tanggungjawab kita, cuma dalam hal ini tajuk ini sebenarnya lebih banyak di bawah tanggungjawab pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jadi, bagaimanapun, saya bersetuju dari segi keseluruhan kesan kepada alam sekitar memanglah ada kaitannya.

Demikian juga dengan soal pencemaran kilang-kilang dan cadangan untuk mengadakan inventory kilang-kilang di seluruh negara termasuk juga kilang-kilang haram, ini agaknya di peringkat negeri-negeri biasanya ada. Cuma di peringkat kementerian ini saya tak pastilah, kalau ada maklumat nanti saya akan beritahu Yang Berhormat sama ada kita mempunyai satu inventory yang lengkap, ini satu usaha yang boleh kita buat dalam zaman komputer ini, saya ingat tidak ada masalah. Kita dapatkan sahaja daripada negeri-negeri. Bagaimanapun, yang penting bukan sahaja kita ini menginventory tetapi dari segi pengawasan dan juga penguatkuasaan di atas perkara-perkara yang terlibat dengan soal pelanggaran undang-undang dan sebagainya.

Perhilitan, kita akui bahawa kerana desakan pembangunan sama ada pembangunan untuk pertanian ataupun perumahan, sebahagian daripada kawasan-kawasan yang dirizabkan untuk kawasan perlindungan hidupan liar ada terjejas. Jadi, sekali lagi dalam hal ini, kita harapkan kerjasama dengan kerajaan negeri supaya dapatlah sekiranya memberikan keutamaan supaya kawasan-kawasan yang telah dirizabkan sebagai kawasan-kawasan rizab perlindungan hidupan liar ini dapat dikekalkan. Ini mungkin termasuk yang disebut oleh Batu Gajah yang sering berulang-ulang pasal Bukit Keledang. Macam mana pun, saya ucapkan ucap terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Wangsa Maju membangkitkan banyak perkara yang berkaitan dengan program Pembangunan Sains Angkasa kita. Sebenarnya ini adalah satu program yang agak baru bagi negara kita. Bagaimanapun, kita berasa bangga kerana kita adalah di antara negara yang terkehadapan dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain dalam bidang ini. Jadi, seperti yang kita maklum bahawa kita telah berjaya melancarkan micro satellite kita walaupun telah tertunda lebih kurang setahun oleh kerana masalah untuk mendapatkan roket pelancar yang kita terpaksa sewa daripada Russia, maka akhirnya kita telah berjaya melancarkan micro satellite kita pada 26 September 2000 ini, micro satellite yang beratnya 50 kilogram ini sebagai permulaan dalam penerokaan bidang sains angkasa negara. Jadi, untuk maklumat Yang Berhormat, setakat ini fungsi-fungsi satelit kita yang kita lancarkan masih lagi ataupun agak terhad kerana ianya kecil.

Berkaitan dengan pusat Remote Sensing ataupun di bawah MACRES yang ada di Temerloh, sebenarnya pusat ini belum siap sepenuhnya, hanya dijangka siap pada tahun 2001. Jadi, sebahagian daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat nampaknya belum dapat saya jelaskan di sini. Insya-Allah, apabila pusat penerimaan bumi di Temerloh ini siap, maka kita akan dapat memastikan sejauh manakah hubungan yang dapat dikaitkan di antara micro satellite kita sendiri dengan apa yang kita jalankan setakat ini ataupun mengambil gambar-gambar melalui satelit-satelit daripada negara asing.

Untuk rancangan masa depan saya menyatakan secara umum bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelapan memang kita bercadang untuk membina lapan buah lagi mini satellite yang lebih besar lagi yang beratnya antara 300 hingga 800 kilogram.

Jadi, kita harapkan bahawa dengan pengembangan dan peningkatan industri ini, maka peranan dan fungsi satelit tersebut akan dapat diperluaskan merangkumi banyak aspek-aspek bukan sahaja dari segi pemetaan, mengambil gambar-gambar untuk pemantauan kawasan-kawasan pembukaan tanah haram, pembukaan tanah tinggi dan sebagainya, termasuk juga perkara-perkara yang ada kaitannya dengan soal keselamatan dan juga lain-lain yang saya kira banyak manfaat dapat kita perolehi.

Saya beralih kepada pandangan-pandangan ataupun perbincangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Serdang yang telah banyak membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan kawasan hutan di Air Itam. Oleh kerana adalah menjadi peraturan undang-undang bahawa pembangunan yang melebihi kepada 50 hektar dan sebagainya adalah perlu untuk mengemukakan laporan EIA. Saya percaya bahawa laporan ini telah pun ataupun sedang disediakan oleh pemaju-pemaju dan sekiranya tidak, maka ini adalah melanggar peraturan dan saya rasa tindakan-tindakan yang sewajarnya terpaksa diambil.

Begitu juga dengan masalah kawasan pusat pelupusan sampah yang terdapat di sana. Ini satu perkara yang memang agak kontroversial dan menjadi masalah kepada pihak kerajaan negeri sendiri, kerana projek ini telah pun dibuat agak lama dan memakan kos yang agak besar, jadi masalahnya hari ini ialah apakah ada kawasan lain yang sesuai untuk pembuangan dan pelupusan sampah ini ataupun penggunaan mini incinerator yang telah pun disarankan oleh pihak kementerian sendiri.

Jadi, ini juga satu perkara yang perlu diperbincangkan dan saya sangat bersetuju bahawa pada jangka masa panjang masalah pusat pelupusan sampah yang ada di Air Itam ini, sekiranya tidak diatasi mungkin ini akan merupakan masalah di belakang hari.. Jadi, kerana itu kita akan sama-sama melihat bersama-sama dengan kerajaan negeri bagaimanakah masalah tapak pelupusan sampah di Air Itam ini dapat diselesaikan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Yang di belakang itu, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Pengerusi, terima kasih dan terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Soalan saya ini agaknya sudah jumlah didengar. Tetapi tak jemu bagi orang-orang di kawasan saya dan juga di kawasan lain berkaitan dengan pencemaran kerana pengusaha-pengusaha reban ayam ini. Saya difahamkan bahawa kementerian sedang merangka satu kaedah dan peraturan yang memestikan ataupun mengadakan peraturan pengusaha-pengusaha ayam ini mestilah membela ayam dengan cara kurungan 100% supaya tidak mendatangkan kesan pencemaran dari segi lalat hasil daripada buangan ayam ini, yang sekarang ini memang merunsingkan dan menyusahkan orang ramai.

Kita hendak sekat ladang-ladang ayam, ia juga satu keperluan negara, jadi kedua-duanya harus kita berikan perhatian. Jadi, bila agaknya dan kalau boleh selekas mungkin peraturan baru ini dijalankan oleh pihak kementerian supaya pembela ayam boleh membela ayam dan mendatangkan hasil bagi negara dan orang ramai tidak terseksa dengan pencemaran-pencemaran akibat daripada pembelaan ayam ini. Terima kasih.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Terima kasih Sri Gading. Tuan Pengerusi, perkara ini telah pernah kita bincang dalam dialog semasa membincangkan rang undang-undang pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekitar yang akan dibentangkan dalam Dewan ini, apa pun kita telah sama-sama mengambil perhatian mengenai perkara yang telah dibangkitkan, saya pun bersetujulah Yang Berhormat bahawa, soal jemu tidak timbul ya, sebagai wakil-wakil rakyat yang prihatin terhadap masalah rakyat, kita sentiasa bersama-sama mencari jalan dan ikhtiar bagaimanakah masalah-masalah seperti ini dapat diatasi. Namun kadang-kadang kita bertembung dengan masalah duplication of a power, dengan izin, ataupun duplication of authority dengan pihak-pihak yang tertentu yang terpaksa juga kita selesaikan secara perundingan dengan pihak-pihak atau agensi yang berkaitan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Serdang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat ada lima minit lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Sedikit sahaja, satu minit sahaja.

**Dato' Yap Pian Hon:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat berkenaan dengan hutan simpan Air Itam tadi itu, oleh kerana kerja-kerja tanah telah dijalankan, pembinaan rumah telah dilaksanakan, maka apa sebab lambat diterima EIA daripada pihak pemaju oleh Jabatan Alam Sekitar, kalau masih belum terima, apakah tindakan untuk menjamin alam sekitar di kawasan tidak tercemar?

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Tuan Pengerusi, saya pun tidak pasti mungkin di bahagian mana ataupun bucu mana pembangunan yang belum ada laporan EIA, jadi kalau dapat kita lihat dengan lebih detail lagi mungkin kita lebih spesifik lagi. Jadi, saya percaya tentunya sebahagian besar daripada perkara-perkara yang berkaitan dengan peraturan ini telah pun dilaksanakan.

Seterusnya mengenai dengan kilang Capital Metal Gulvanise Sdn. Bhd. yang setakat ini .....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Minta maaf Yang Berhormat, saya hendak teruskanlah, masa sudah tidak ada.

Setakat ini tindakan-tindakan telah pun diambil oleh pihak Jabatan Alam Sekitar, seperti merampas kontena, mengambil sample dan sebagainya yang sebahagian laporan itu telah pun saya sampaikan kepada Yang Berhormat, tetapi ....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sedikit sahaja.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Saya tidak beri jalan. .... tetapi sekiranya masih lagi terdapat bahawa pelanggaran peraturan-peraturan maka saya tidak teragak-agaklah untuk mengarahkan pihak Jabatan Alam Sekitar supaya mengambil tindakan yang lebih tegas dan mungkin drastik dalam perkara ini bagi menjamin bahawa masalah yang ada kesannya dengan kehidupan penduduk berhampiran diberikan keutamaan.

Berkenaan dengan Technology Park of Malaysia (TPM) yang telah ditubuhkan sejak tahun 1996 adalah bertujuan bagi menggalakkan pembangunan sains dan teknologi di Malaysia. TPM dibangunkan di atas tanah seluas lebih kurang 800 ekar dan dilengkapi dengan ruangan untuk usahawan-usahawan kecil serta sederhana dan dengan komunikasi kelajuan tinggi ataupun uninterrupted power supply di mana lot-lot tanah untuk R&D, ruang pameran dan bilik-bilik mesyuarat telah diwujudkan.

Kira-kira 336,000 kaki persegi telah siap dibina dan disewakan keseluruhannya. Kebanyakan dari usahawan yang beroperasi di TPM ini berkecimpung dalam teknologi maklumat dan beberapa lagi bergiat dalam kejuruteraan, bioteknologi, penyiaran, telekomunikasi, aeronautic dan sains alam sekitar dan sebagainya yang telah dapat diwujudkan hari ini.

Yang Berhormat dari Batu Gajah telah membangkitkan berkenaan dengan banyak bertumpu kepada masalah yang telah pun kita perkatakan selama ini iaitu pembangunan Bukit Keledang. Jadi, apa yang saya jawab di sini bukan bererti saya mengelak dari tanggungjawab, tetapi dalam melaksanakan perkara-perkara yang ada kaitan dengan undang-undang, kita hanya dapat berbuat setakat mana limitation ataupun had yang ada pada kita.

Jadi, oleh kerana kawasan ini tidak melebihi kawasan yang dikehendaki untuk mendapatkan laporan EIA, sama ada Yang Berhormat suka dengar ataupun tidak suka dengar, kerana projek ini diluluskan oleh pihak berkuasa Lembaga Bandaraya ataupun Majlis Bandaraya Ipoh, apa yang berlaku hari ini ialah kerana kawasan ini terletak di bawah tadi, di kaki Bukit Keledang. Tetapi memanglah, bila dilakukan pembangunan, maka ia menjejaskan sedikit sebanyak masalah-masalah ataupun keaslian Bukit Keledang itu sendiri yang agak terjejas.

Jadi, saya tidak bersetujulah atas tuduhan Yang Berhormat mengatakan bahawa EIA gagal dan sebagainya, Jabatan Alam Sekitar gagal dan sebagainya, kita telah melaksanakan dengan penuh

tanggungjawab dan sepenuh keupayaan yang diberikan kepada kita untuk membantu dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pengawasan, penguatkuasaan dan sebagainya undang-undang ....

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Saya teruskan Yang Berhormat, saya tidak beri jalan.

**Puan Fong Po Kuan:** Minta penjelasan, satu kali sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Saya telah jelaskan, oleh kerana ini seperti yang saya sebutkan tadi banyak soalan dahulu pun, saya ingat saya sudah jawab tetapi saya menyahut cabaran Yang Berhormat, kita boleh melawat – tidak ada masalah.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Lepas rayalah. Saya sekarang kita berpuasa.

**Puan Fong Po Kuan:** Beri tarikh.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Ha, bolehlah nanti kita jumpa di luar.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Tak sabar sangat Yang Berhormat ini, nantilah tunggu, kita tengah puasa ini.

**Tuan Pengerusi:** Batu Gajah, tak boleh, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Boleh, boleh. Saya sanggup pergi melawat, tidak ada masalah.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat kata, jika dia tidak beri jalan, Yang Berhormat tidak boleh berucap ya.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Saya tidak beri jalan. Saya sahut cabaran Yang Berhormat, saya sanggup pergi melawat.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Cukup, cukup.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Tak apalah, nanti kita bincang di luarlah.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Batu Gajah. Cukup Yang Berhormat. Sila duduk, sila duduk. Sila duduk Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Ha, sila duduk Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat ya, ya.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Apa sebab hendak sakit hati dengan saya pula?

**Puan Fong Po Kuan:** *[Berucap sambil berdiri di tempatnya]*

**Seorang Ahli:** Heh, duduklah!

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Apa pula, kita sudah buat laporan semua ada pada kita.

**Tuan Pengerusi:** Sudahlah Yang Berhormat, tidak boleh macam itu. Yang Berhormat Batu Gajah. Tidak boleh macam itu, Yang Berhormat ya.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Saya sahut cabaran, saya boleh melawat ya. Tetapi ....

**Puan Fong Po Kuan:** Beri tarikh.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Beri tarikh, nanti saya akan beri tarikh. Besok saya beraya di rumah pak mentua saya, saya boleh singgah dekat Kapar. *[Ketawa]*

Seterusnya Sandakan telah menyuarakan beberapa perkara berkaitan dengan pembakaran hutan terbuka, pencemaran sungai dan sebagainya, ini memang dalam perhatian kita dan langkah-langkah sentiasa dijalankan dan kaedah-kaedah baru seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat seperti yang telah dijalankan di negeri-negeri lain juga dalam perhatian kita supaya bukan sahaja peraturan yang telah sedia ada terdapat dilaksanakan, dipatuhi tetapi juga yang penting ialah kerjasama daripada pihak-pihak pemaju, pengusaha-pengusaha ladang kelapa sawit, penerokaan hutan untuk pembalakan dan sebagainya.

Yang akhirnya, Yang Berhormat dari Bandau, perkara ini juga saya telah pun memberi jawapan mengenai pembalakan di kawasan Kalabakan. Jadi, apa yang dapat saya sampaikan di sini ialah mungkin salinan surat daripada Jabatan Peguam Negara boleh saya beri kepada Yang Berhormat kerana masalah tafsiran dan masalah tanggungjawab. Mungkin yang menjadi masalah Yang Berhormat ialah kerana mengikut apa yang telah saya sebutkan bahawa tafsiran dari segi penguatkuasaan undang-undang ini sekarang ini terletak kepada negeri Sabah sendiri di bawah Enakmen Konservasi Alam Sekitar Sabah, bagaimanapun masalah mereka tidak mematuhi ini satu perkara yang berlainan, apa pun memang pada mulanya pihak kementerian telah pun mengeluarkan surat, bagaimanapun apabila kita merujuk kepada pihak Peguam Negara bahawa itu tafsirannya, berdasarkan kepada kes yang berlaku di Sarawak, ini kes Bakun, maka tanggungjawab ini dikatakan adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat ya.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Tuan Pengerusi, ini yang last.

**Tuan Pengerusi:** Ya, hendak sambung di sebelah petang sedikit.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Hanya sebaris sahaja lagi, Tuan Pengerusi. Jadi, kerana itu, saya fikir saya akan beri salinan kepada Yang Berhormat supaya perkara ini dapat kita lihat. Itu yang dapat saya jelaskan. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat Bandau. Cukuplah Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM313,723,200 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM313,723,200 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah perbelanjaan sebanyak RM1,182,908,460 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,182,908,460 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2001.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat]*

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.47 [Jadual] -**

**Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan 2001] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas.

#### **USUL MEMINDA JADUAL DALAM RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 66(9)**

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, persilakan. Saya benarkan selama 15 minit.

**2.31 ptg.**

**Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun di atas Peraturan 66(9) untuk mencadangkan satu usul yang berbunyi, "Bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat mengurangkan sebanyak RM10 daripada belanja yang diuntukkan kepada gaji Yang Berhormat Menteri Pengangkutan di bawah Maksud Bekalan B.47, Butiran 010000 Program Aktiviti, 010100 Pentadbiran.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin dengan hati yang ikhlas mengalu-alukan kedatangan dan kehadiran Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Saya harap bahawa kita nanti akan mengadakan satu perbincangan dengan cara yang baik dan hari ini kalau boleh kita menjadikan satu contoh yang baik bagi semua Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, pada 8 Disember 1994, saya telah mencadangkan satu usul yang mempunyai tujuan yang sama dalam Dewan yang mulia ini iaitu melahirkan satu undi tidak percaya terhadap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Saya masih ingat dalam ucapan saya, saya telah berkata "*Sebelum rakyat jelata dapat lupakan dua kejadian kebakaran yang teruk di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada tahun 1992 dan kejadian-kejadian seperti Port Klang oil depot inferno, kegelinciran kereta api di Rawang, pembatalan perkhidmatan penerbangan malam di Lapangan Terbang Ipoh sehingga 16 bulan, kebakaran pejabat JPJ Ipoh dan Pulau Pinang. Imej negara sekali lagi terjejas akibat kebakaran stesen radar di Bukit Subang pada 13 Ogos tahun ini iaitu tahun 1994.*

Kejadian ini bukan sahaja sekali lagi menunjukkan ketidakcekapan, ketidakmampuan dan ketidaksesuaian Yang Berhormat bagi Labis sebagai seorang Menteri atau Menteri Pengangkutan. Kejadian ini juga telah membuktikan sekali lagi tahap dan sikap tidak bertanggungjawabnya". Itulah Tuan Pengerusi, apa yang saya telah kata dalam Dewan ini enam tahun yang lalu.

Enam tahun kemudian, Menteri yang sama telah sekali lagi memalukan rakyat dan menjejaskan imej negara oleh kerana berlakunya skandal yang paling besar sekali dalam sejarah Kementerian Pengangkutan iaitu skandal lesen terbang.

Mengikut laporan BPR, skandal ini yang melibatkan 100,000 lesen terbang telah berlaku sepanjang lima tahun dan jumlah wang korupsi adalah RM40 juta. Adanya kata-kata di kalangan rakyat bahawa lesen terbang telah berlaku 10 tahun yang lalu, walaupun dengan *skel* kecil.

Tuan Pengerusi, Menteri Pengangkutan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas skandal ini oleh kerana:

- (i) skandal ini adalah skandal terbesar sekali dalam sejarah JPJ dan juga Kementerian Pengangkutan. Skandal ini telah memecah rekod dari tiga aspek, jumlah orang yang terlibat 100,000 pemegang lesen terbang, tempoh

korupsi berlaku selama lima tahun dan jumlah wang korupsi sebanyak RM40 juta;

- (ii) skandal ini telah menjatuhkan imej JPJ, Kementerian Pengangkutan dan negara kita dengan teruknya. Ia juga telah membawa penderitaan kepada rakyat kita khususnya pemegang-pemegang lesen terbang. Mereka yang sebenarnya adalah mangsa-mangsa sistem pentadbiran yang curang pula dianggap sebagai penjenayah yang patut dihina, diugut dan diberkas;
- (iii) Menteri Pengangkutan sehingga hari ini masih tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para pemegang lesen terbang. Mengikut satu laporan akhbar, masih terdapat 96,000 orang yang masih belum menyerahkan lesen terbang mereka dan mereka akan disenaraihitamkan oleh JPJ;
- (iv) sehingga hari ini belum ada sesiapa *kingpin* dengan izin, telah ditangkap atau dituduh di mahkamah walaupun tindakan yang tegas pula diambil terhadap pemegang-pemegang lesen terbang.

Sekiranya skandal yang sama telah berlakunya di negara demokrasi lain tentu sekali Menteri Pengangkutannya akan meletakkan jawatan atau dipecat terus. Malah di Jepun kemungkinan Menterinya telah membunuh diri dengan *harakiri*. [Tepuk] [Sorak] [Ketawa]

Saya memang tidak meminta Menteri Pengangkutan membuat sedemikian, *in politics, we don't talk what hatred*lah. Jadi, ini sekadar untuk menunjukkan kesanggupan, kesudian dan keberanian Menteri di negara demokrasi lain untuk memikul tanggungjawab mereka, jangan bunuh diri nanti saya susah. Ini sekadar contoh sahaja.

Tuan Pengerusi, dalam buku *Constitutional and Administrative Law*, Professor Stanley Smith telah menyentuh perkara *ministerial responsibility* yang harus wujud di sebuah demokrasi dan beliau berkata dengan izin, "*A minister cannot be expected to accept that he is himself, culpable when ever the departmental official has committed a dishonest act or has disobeyed instruction or exceeded his authority, he is entitled to explain in public what has occurred but he cannot totally absolve himself of responsibility. If maladministration within his department is attributable to bad organization or procedures or defectives supervision or exist on such a scale or at so high a level that he ought to have been able to prevent it, then he is in some degree blameworthy*".

Ini bermakna bahawa Menteri Pengangkutan hendaklah bertanggungjawab ke atas skandal lesen terbang. Enam tahun dahulu setelah berlakunya kebakaran stesen radar di Bukit Subang, rakyat telah berkata *it is better to change the Transport Minister than to change the radar*, dengan izin, hari ini rakyat telah berkata *we want a new Transport Minister and not a new license*, dengan izin.

Tuan Pengerusi, dengan rekod yang begitu teruk saya tidak nampak bagaimana Menteri Pengangkutan boleh terus menjawat jawatannya. Memang Menteri Pengangkutan akan menggunakan macam-macam untuk mengelakkan soalan pokok mengenai *ministerial responsibility* tetapi jawapan yang tidak relevan, *no class, low class and no standard* hanya boleh sekali lagi membuktikan sistem demokrasi kita adalah demokrasi yang tidak mempunyai prinsip *ministerial responsibility* dan budaya peletakan jawatan untuk memikul tanggungjawab.

Pada tahun 1994 setelah berlakunya kebakaran stesen radar dan setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengkritik Department of Civil Aviation dengan teruknya, Menteri Pengangkutan yang sama telah berkata, "*I accept responsibility*", dengan izin, akhirnya Ketua Pengarah DCA pula yang ditukar jawatan. Itulah kepura-puraan daripada seorang Menteri yang tidak ingin, tidak bersedia dan tidak berani untuk memikul tanggungjawab.

Saya pernah sebut dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam buku *The Devil's Dictionary* dengan izin, yang ditulis oleh Embrose Beare telah memberi definisi *responsibility* sebagai dengan izin, *a detachable burden that is easily shifted to the shoulders of god, fate,, fortune, luck or ones neighbor. In the days of astrology, it was customary to unload it upon a star*. Nyata sekali dalam *dictionary*

Menteri Pengangkutan, *responsibility is detachable burden easily shifted to the shoulders of civil servants.*

Dalam kes kebakaran lapangan terbang, beliau telah dengan mudahnya menjatuhkan beban tanggungjawabnya ke atas bahu Ketua Pengarah DCA. Dalam kes lesen terbang beliau telah berkata, tiada sesiapa pegawai JPJ atau Pengarah JPJ akan diberi perlindungan sekiranya didapati salah. Ini pada saya adalah satu percubaan untuk lari daripada tanggungjawabnya.

Tuan Pengerusi, sikap Menteri Pengangkutan dan Kerajaan Barisan Nasional yang tidak rela melaksanakan prinsip *ministerial responsibility* telah mengujud dan meneruskan budaya politik yang boleh disifatkan sebagai izinkan saya baca dalam bahasa Mandarin, sebab ini memang asalnya dalam *Mandarin [Bercakap dalam bahasa Mandarin] [Tepuk]* Yang bermakna, Menteri sentiasa jatuh muka tetapi tidak hilang Menteri, sentiasa gagal dalam tanggungjawabnya tetapi tidak hilang jawatannya. Yang Berhormat bagi Sri Gading boleh faham ya *[Ketawa]*

**Tuan Liow Tiong Lai:** Minta penjelasan sedikit boleh tidak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak teruskan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Boleh, boleh.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Ini Kota Melaka cakap pasal – dia kata kalau ada apa kesalahan, dia kena contohnya *harakiri*. Saya hendak tanya DAP ini kalau dia sudah hilang kerusi di Telok Kemang dan Lunas ini, apa tindakan yang telah dibuat ini? Adakah dia *[Bercakap bahasa Mandarin] as what he say*. Kalau boleh *[Disampuk]* kena tindakan *harakiri [Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** Soalan yang bagus. Jawab.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Pengerusi, saya memang sudah duga soalan-soalan sedemikian, itu pasal saya telah masukkan dalam ucapan saya jangan jawab dengan jawapan yang tidak relevan, yang tidak ada kelas, *low class*. Hari ini kita bincangkan usul untuk memotong gaji Yang Berhormat Menteri Pengangkutan atas prinsip *ministerial responsibility*.

Kalau hendak cakap Kit Siang sudah *resign*kah apa, semua boleh cakap tetapi kita jangan cuba lari. Itu pasal saya kata, saya alu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri dan kita bincang, apakah sebenar *ministerial responsibility*, adakah prinsip ini wujud di Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Itu yang mustahak sekali. Kalau hendak berpolitik lain tidak apalah, itu perkara biasa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Pengerusi, masa sudah sampai – sebelum saya teruskan, tadi saya kata bunuh diri itu sekadar contoh, jangan ambil serius ya. Nanti semua Ahli MCA beri tekanan, saya susah *[Ketawa]* itu satu contoh sahaja. Dia pun salah faham, dia mahu serius. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi, masa sudah sampai untuk negara kita mengujud dan melaksanakan amalan *ministerial responsibility* selaras dengan prinsip dan semangat demokrasi. Janganlah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan atau Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional seperti dari Bentong .....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** .....sekali lagi elak dari – sekejap.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada, nanti-nanti.

**Tuan Kerk Kim Hock:** ....sekali elak dari soalan .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** ....pokok ini dengan memberikan alasan dan jawapan yang tidak *relevant, no class, low class and no standard*. Jadi, tanya yang ada standard saya beri ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya tadi Yang Berhormat minta penjelasan mengenai dengan *harakiri*. Kalau Yang Berhormat kata tidak serius, maknanya hari ini apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat memanglah penjelasan yang *low class* dan tidak serius. [*Tepuk*] Tadi kita minta penjelasan, Yang Berhormat tidak beri penjelasan.

Kalau Yang Berhormat kata tidak serius mengapa digunakan satu konsep yang dibawa dari Jepun di mana ia melibatkan dengan nilai kehormatan, *to defend your honor* dengan izin, Yang Berhormat.

Jadi, dalam hal ini kalau digunakan .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, penjelasan Yang Berhormat ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ....saya minta penjelasan tadi. Kalau kita katakan tadi tidak dapat kerusi ditolak oleh KeADILan kemudian sepatutnya untuk menyelamatkan [*Disampuk*] kehormatan parti DAP sepatutnya semua Jawatankuasa DAP sudah letak jawatan .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ...termasuk Yang Berhormat sendiri. [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup ya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya tidak tahu macam mana beliau boleh dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan. [*Disorak*] Kalau degil tanya soalan yang tidak relevan, tahun hadapan saya potong gaji Yang Berhormat sendiri. [*Ketawa*] Saya sudah jelaskan dengan begitu jelas sekali. [*Disampuk*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, cukup, cukup.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Itu kerja Yang Berhormat, potong gaji sahaja. Kerja dia tidak ada lain, potong gaji orang sahaja. Itu kerja dia.

**Puan Chew Mei Fun:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sungai Petani.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk-duduk, Sungai Petani. Jangan buat macam ini Yang Berhormat. [*Disampuk*][*Ketawa*] Ini bukannya berbahas. Teruskan.

**Puan Chew Mei Fun:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Itulah. Kena belajar sedikit daripada Menteri Pengangkutan. Saya potong pun dia diam-diam duduk. Ini belum potong, bagi notis satu tahun sudah melenting sangat. Macam mana mahu jadi Menteri Pengangkutan. [*Ketawa*] Jangan melenting, cukup ya. Saya sudah mahu habis, sebab masa sudah hampir sampai. Akhirnya.....

**Puan Chew Mei Fun:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Petaling Jaya Utara berdiri. Ada apa?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Last saya beri, tidak apa. Last one. Tidak ada masa.

**Puan Chew Mei Fun:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Adakah Yang Berhormat sedar tindakan terhadap lesen terbang ini adalah tindakan yang diambil oleh Badan Pencegah Rasuah di bawah permohonan Kementerian Pengangkutan dan bukannya di bawah permohonan parti pembangkang khususnya DAP. Adakah Yang Berhormat setuju usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini bukan sahaja tidak akan mendatangkan apa-apa kebaikan

kepada rakyat tetapi hanya memberhentikan kementerian-kementerian yang lain untuk mengambil tindakan terhadap kes-kes yang tidak mengikut peraturan yang tertentu supaya tindakan untuk kebaikan rakyat dan negara tidak diputarbelitkan oleh parti pembangkang. Dan, ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Puan Chew Mei Fun:** Terima kasih.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Kalau inilah caranya ahli Parlimen dari MCA cuba mempertahankan prinsip *ministerial responsibility*, itulah menjadi punca mengapa Barisan Nasional kalah di Lunas. [Tepuk] Apabila mereka cuba menjawab dengan cara ini Sekolah Wawasan yang tidak boleh diterima oleh masyarakat Cina. *So this is a lesson to you*, jangan kita membela sahaja. Akhirnya, masa saya sudah cukup. Pada bulan Mei tahun ini, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kata bahawa keinginannya untuk meletakkan jawatannya sebagai Menteri boleh membawa kegemilangan semula kepada MCA. Semua ahli-ahli Parlimen hendaklah menyokong usul saya demi prinsip demokrasi, imej negara serta untuk memulihkan kredibiliti dan keyakinan awam semula kepada Jabatan Pengangkutan Jalan *Thank you*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, .....

[Beberapa orang ahli bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dahulu, saya bacakan dahulu. [Ketawa] Ahli-ahli Yang Berhormat, usul sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka tadi, terbuka untuk dibahas. [Menyampuk] Perkara ini, tidak perlu kepada sokong. [Ketawa] Dia kepada bahas sahaja Yang Berhormat. Saya persilakan Kluang.

2.50 ptg.

**Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menentang sebulat-bulatnya [Menyampuk] [Ketawa] usul yang dibawa oleh ahli Kota Melaka. Saya baru mula, tidak payah sibuk sangat. Kalau ahli Kota Melaka, sangat berminat untuk membawa usul memotong gaji ataupun usul memotong elaun ahli-ahli Dewan ini, patut beliau harus bersabar, kalau boleh tunggu minggu depan, sampai masa kita membahar Rancangan Undang-undang Ahli Parlimen Sarana (Pindaan) 2000. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Kota Melaka boleh juga membawa usul memotong elaun ahli Pematang Pauh dan ahli Pendang kerana walaupun beliau tadi cuba hendak elakkan daripada soalan, kerana merekalah yang merampas hak mereka untuk menjadi calon dua kali, untuk menjadi calon dalam pilihan raya kecil. [Disampuk]

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terus Yang Berhormat.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Sebagai seorang Setiausaha Agung baru, kalau ini pun tidak boleh mempertahankan maruah mereka, saya ingin cadangkan, akan datang, minggu depan ini, ahli DAP yang lain patut membawa usul memotong elaun ahli Kota Melaka RM100 kerana tidak membela nasib mereka. [Disampuk] [Tepuk] Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak kali kata hendak keluar daripada – saya tidak sebut Barisan Alternatif, sebab ini tidak daftar dan kira haram mungkin pakatan pembangkang saya terima .....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masuk pengangkutan, Yang Berhormat. Mukadimah tu saya ingat cukuplah. [Menyampuk]

**Tuan Hoo Seong Chang:** Sabar sikitlah, duduk. Sekejap sahaja, tidak lama. Jadi, kata kalau hendak keluar, lepas itu masuk balik, tunduk juga kepada kedua-dua parti ini, saya rasa tidak layakkah untuk menjadi Setiausaha Agung kepada DAP. Saya harap ahli Parlimen daripada DAP harus melihat perkara ini.

Jadi, balik kepada tajuk kita. Isu-isu yang diperkatakan tadi termasuklah lesen terbang ataupun lesen gerenti lulus. Sebenarnya banyak kali kita bincang di dalam Dewan ini, penjelasan demi penjelasan telah pun diberikan. Cuma ahli Kota Melaka ini sengaja tidak mahu terima hakikat, tidak mahu mendengar penjelasan, cuba mencari *publicity* yang murah. Saya sebenarnya setuju kalau kita soalkan masalah rasuah, memang kita harus sedaya upaya membanteraskan apa juga gejala rasuah. Tidak kira pentadbiran kerajaan ataupun pihak swasta di mana ia harus melibatkan kerjasama oleh

semua pihak termasuk ahli-ahli Dewan dan orang awam bukan Menteri sahaja. Saya juga setuju dan sokong kepada tindakan Badan Pencegah Rasuah, dengan adanya kerjasama Yang Berhormat Menteri, Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan yang baru-baru ini telah mendedahkan lesen terbang ataupun lesen *guaranty* lulus yang tentunya ada terlibat menerima rasuah di dalam mengendalikan latihan dan proses memberikan kelulusan lesen memandu yang tidak mengikuti peraturan yang ditetapkan.

Jadi, ini kita boleh bincang dan banyak kali kita bincang dalam Dewan ini. Penjelasan pun telahpun diberikan cuma malangnya ahli Kota Melaka ingin mempolitikkan isu ini. Dan cari publicity yang murah, kata memotong gaji Yang Berhormat Menteri, ini apa ada makna kalau kita potong RM10. Dapat kita selesaikan perkaraini? Tuan Yang di-Pertua, saya .....

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Penjelasan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Saya akan beri peluang, nanti sekejap.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tetapi Kota Melaka memberi banyak peluang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia akan beri kemudian. Jangan bertekaklah.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Nanti saya beri peluang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cheras, dia tidak bagi.

**Tuan Tan Kok Wai:** Dia tidak faham *Parliamentary Convention*, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi. *[Disampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Bukan nilai ringgit wang.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, kalau cara ini, saya tidak benarkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu pandangan dia. Duduk, duduk.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Tuan Hoo Seong Chang:** Saya nasihatkan kepada DAP supaya jangan gunakan drama yang sudah lapuk dan sudah ketinggalan zaman. Jadi, sebenarnya, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, apabila menjawab soalan lisan di Dewan ini bahawa sebelum Badan Pencegah Rasuah menyiasat dan mendedahkan lesen terbang ini, kementerian memang pernah mengambil tindakan. Misalnya dalam tahun 1995/1998 sejumlah 39 kes telah ditangkap dan tindakan disiplin dan dakwaan telah pun dibuat kerana laporan dan atas kerjasama dari orang awam. Erti kata, pasti mahu dapat kerjasama daripada semua pihak, tangkapan itu tetap akan dijalankan. Jadi, isu pokok ialah apabila ada kes yang bersubahat menerima rasuah, kita harus membantu Badan Pencegah Rasuah sejauh mana yang boleh dalam siasatan untuk mengenal pasti siapa yang sebenar terlibat dalam rasuah.

Kementerian Pengangkutan termasuk Yang Berhormat Menteri sendiri telah memberi kerjasama yang sepenuh kepada Badan Pencegah Rasuah. Jadi, dalam hal ini, apa yang penting ialah pemegang lesen terbang ini harus tampil ke hadapan untuk memberi keterangan dan maklumat bagi membantu Badan Pencegah Rasuah dalam siasatan. Yang Berhormat Menteri sendiri faham tentang kebimbangan dan masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh pemegang lesen terbang ini, bukan seperti yang dikatakan oleh ahli Kota Melaka, semua orang susah dan sebagainya. Memang Yang Berhormat Menteri faham tentang perkara ini, beliau telah pun mengumumkan satu perdebatan iaitu kementerian tidak akan menimbulkan masalah atau kesusahan kepada pemegang lesen terbang semasa siasatan dijalankan, dan ini termasuk mereka yang tidak akan ditahan. Ini jelas, telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Mereka dapat meneruskan pekerjaan mereka bagi menyara hidup keluarga dalam tempoh siasatan dijalankan. Membetulkan mana kesilapan yang telah dilakukan

oleh pemegang lesen terbang agar lesen baru dapat di keluarkan dengan secepat mungkin kepada mereka setelah sesuatu syarat dan peraturan dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri sendiri pun telah menyatakan tindakan Badan Pencegah Rasuah pada prinsip kementerian, bukan hendak menyusahkan orang ramai dan kementerian tidak akan melindungi mana-mana pegawai dan tidak teragak-agak mengambil tindakan tatatertib termasuk tindakan buang kerja jika disabit kesalahan oleh mahkamah. Dan, kepada institusi dan sekolah latihan memandu yang terlibat. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan akan membatalkan lesen operasi mereka. Jadi, mengikut laporan, sehingga 17 November tahun ini, seramai 56 orang ditahan, 18 pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan dan 38 orang Pengusaha Sekolah Latihan Memandu. Dan, antara 18 orang pegawai ini, 4 telah pun didakwa di mahkamah dan antara 38 Pengusaha Sekolah Latihan Memandu, 10 orang telah pun di dakwa di mahkamah. Jadi, dalam isu ini Yang Berhormat Menteri telah pun mengambil apa juga langkah-langkah yang boleh untuk menyelesaikan masalah yang mungkin timbul. Lebih-lebih lagi sejak Yang Berhormat Menteri menjawat jawatan sebagai Menteri Pengangkutan.

Sebenarnya banyak yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri, misalnya meningkatkan prestasi pelabuhan di negara kita, menambah bilangan penerbangan atau *Landing Wright* dan lain-lain lagi. Jadi, di sini mungkin saya tidak perlu sebut satu, semi satu kerana ia usaha daripada Menteri setelah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara kita. Dan saya memang tidak berhasrat untuk panjangkan lagi sebab banyak kalau kita hendak sebut – saya rasa satu jam pun tidak habis. Jadi, apa yang saya maksudkan ialah pendek kata, yang perlu kita buat ialah kita harus berani berhadapan dengan apa juga masalah yang mungkin timbul dan sebagai seorang yang bertanggungjawab akan berusaha sedaya upaya untuk mengatasinya. Jadi, dengan hal ini saya melahirkan rasa kesal dan dukacita yang dibawakan oleh Kota Melaka. Dan, dengan kata-kata demikian ini, saya sekali lagi menentang habis-habisan usul tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kubang Kerian

2.59 ptg.

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyokong usul ini atas kesedaran bahawa peraturan ini sendiri memberikan peluang bagi kementerian dipersoalkan dan memikul tanggungjawab kementerian mereka. Saya bangun menyokong usul ini bagi tujuan supaya kementerian ini serius terhadap bidang tanggungjawab mereka dan memahami masalah-masalah yang wujud dalam kementerian ini ataupun di bawah kementerian ini. Dan, dengan cara itu membawa penyelesaian yang berkesan kepada masalah-masalah itu.

Selain daripada isu lesen terbang, mengikut keterangan daripada Pengarah Siasatan Badan Pencegah Rasuah, Encik Abdul Razak Idris, sepertimana yang dilaporkan oleh *BERNAMA* pada September 27. Isu ini telah berlarutan selama 33 tahun. Adalah mustahil bagi seorang Menteri tidak mengetahui isu ini wujud dalam kementeriannya dan gagal untuk mengambil langkah-langkah untuk bertindak terhadap pegawai-pegawai yang terlibat di bawah kementeriannya. Anggapan yang dian gap oleh Kluang bahawa Menteri telah pun mengambil tanggungjawab dengan ini adalah tidak benar sama sekali.

Isu yang lebih penting yang juga berkait dengan kementerian ini ialah kelemahan pengangkutan awam terutama sekali di ibu kota Kuala Lumpur. Sebagai contoh saya memetik apa yang dituliskan oleh sebuah surat khabar utama negara kita, dan saya tidak mengubah apa yang telah ditulis oleh surat khabar ini [*sambil memegang keratan akhbar*] “Bahawa sistem pengangkutan awam khususnya di ibu kota ini sangat lemah, tidak berkesan, berserabut dan bercelaru akibat tiadanya satu badan untuk menggerakkannya”. Dan isu ini bukan satu isu yang baru sama dengan isu lesen terbang. Ia adalah satu isu yang telah lama berakar umbi yang menjadi masalah yang dihadapi oleh warga kota. Saya tidak pasti adakah Yang Berhormat Menteri pernah menyamar untuk tahan teksi ataupun naik bas di ibu kota. Tetapi saya ketika tidak bawa kereta ke Kuala Lumpur saya adalah pengguna teksi dan bas. Dan untuk makluman Yang Berhormat untuk mendapatkan sebuah teksi daripada Lot 10 umpamanya adalah lazim mengambil masa di antara 30 minit hingga 45 minit. Lazim, itu belum daripada kesesakan lalu lintas yang berlaku selepas daripada kedatangan bulan Ramadan. Begitu juga dengan perkhidmatan bas. Kedua-dua sistem pengangkutan utama di ibu kota termasuk

LRT menghadapi masalah dan ini adalah bukan masalah yang baru satu masalah yang telah lama wujud tetapi tidak ada satu penyelesaian yang berkesan..

**Tuan Hoo Seong Chang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kluang berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kluang berdiri hendak beri jalan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, saya habiskan sekejap lagi.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Saya cuma hendak tekankan bahawa dari segi teksi dan bas bukan bawah Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak, dia tidak bagi dulu Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, dia membangkitkan bahawa pengangkutan awam bukan di bawah Kementerian Pengangkutan semata-mata. Saya faham. Ada empat kementerian yang terlibat, di Malaysia tetapi tidak di negara lain. Ini adalah kelemahan Yang Berhormat Menteri sendiri untuk mengambil inisiatif menyelarkannya. Sebab itu dalam surat khabar yang sama ...

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Cheras hendak bagi?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Boleh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya. Sila, sila. Sila Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat sedar dan bersetuju JPJ ini telah pun disenaraikan oleh BPR sejak banyak tahun kebelakangan bahawa jabatan ini adalah jabatan yang paling banyak rasuah, penuh dengan kelemahan, tidak berkesan dan dianggap oleh orang ramai sebagai satu jabatan yang paling buruk di antara jabatan-jabatan kerajaan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya sedar. Apa yang saya kesalkan ialah bahawa tidak ada satu mekanisme dalaman yang telah diambil oleh kementerian ini bagi menyelesaikannya sebelum daripada BPR mengorek perkara ini. Ini adalah satu perkara yang amat memalukan iaitu satu kementerian telah dilanyak oleh satu agensi kerajaan yang lain begitu besar-besaran. Ini ialah kerana kementerian gagal untuk mempunyai satu mekanisme dalaman bagi mengawalinya daripada awal. Kalau Yang Berhormat Menteri telah mengambil langkah-langkah awalan saya yakin senario ini tidak akan berlaku.

Berbalik kepada kemudahan pengangkutan awam di ibu kota. Saya telah sebutkan bahawa selain daripada kesesakan yang berlaku yang tidak dapat diselesaikan oleh kerana kurangnya perancangan berpusat oleh kementerian ini dan kurangnya inisiatif bagi menyelesaikan keadaan ini, beberapa isu yang berkaitan juga berlaku iaitu umpamanya pada permulaan untuk mengatasi masalah ini kementerian telah memberikan peluang pembinaan LRT yang memakan belanja yang begitu besar dan hari ini kesemua operator LRT ini berada dalam keadaan yang hampir bankrap kerana gagal melunaskan bukan sahaja hutang pokok bahkan bunga ataupun interest pinjaman-pinjaman mereka yang menyebabkan kerajaan akan mengambil alih LRT ini dalam beberapa cara sama ada dengan kerajaan membiayai, menyuntik semula modal-modal ke dalam operator-operator LRT ini.

Saya melihat dari sudut bahawa kementerian ini telah gagal daripada awal untuk mengadakan satu master plan bagi LRT ini beroperasi. Sebagai satu contoh, di bawah konsep ini tiap-tiap operator ini adalah melaksanakan BOT (Build, Operate and Transfer) dan konsesi atau concession dengan izin, diberikan kepada operator-operator ini tanpa satu pertandingan yang sihat, ia hanya berdasarkan kepada satu operator memberikan pelan ataupun tawaran mereka dan kemudian operator ini diberikan lesen dan kebenaran untuk beroperasi menyebabkan kos pembinaan LRT ini tidak dapat ditentukan pada

harga pasaran yang bertanding secara sihat. Akhirnya kerajaan terpaksa campur tangan dan saya yakin perkara ini sedang dalam proses perbincangan kerajaan kerana pada tahun yang lepas saya telah bangkitkan dalam Parlimen ini satu seminar telah diadakan dan kerajaan telah melantik satu pakar untuk menilai bagaimana kerajaan harus menyelamatkan operator-operator LRT ini. Ini akan memberikan kesan kewangan kepada kerajaan sama dengan apa yang berlaku kepada MAS.

Kerana masa kita singkat saya lompat daripada satu isu kepada satu isu dengan masa yang terhad. MAS telah tiga tahun mengalami kerugian. Pada peringkat yang pertama lagi apabila MAS diswastakan kepada satu syarikat yang diterajui oleh Encik Tajuddin Ramli beliau tidak mempunyai track record sebagai seorang operator penerbangan. Beliau hanya seorang peniaga yang terlibat dalam pengendalian Celcom sebagai pembekal perkhidmatan telekomunikasi tetapi beliau telah diberikan kesempatan oleh Kementerian ini kerana ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian ini untuk membeli saham MAS. Dan sejak daripada itu perkhidmatan MAS telah menurun yang telah membawa kerugian kepada MAS itu sendiri dan kerajaan sekarang akan mengambil balik MAS.

Sekurang-kurangnya ada dua isu dalam perkara ini atau tiga isu. Yang pertama membuktikan bahawa penswastaaan ini telah gagal. Kegagalan ini adalah kerana kerajaan tidak melakukan satu screening dalam memilih operator ataupun rakan kongsi yang telah kerajaan jualkan sahamnya iaitu kepada Encik Tajuddin yang telah mengakibatkan kerugian. Isu yang penting ialah berapakah harga kerajaan terpaksa menanggung untuk mengambil alih saham daripada Encik Tajuddin kembali kepada kerajaan dan yang kedua ialah kepada siapakah kerajaan akan menyerahkan semula perkhidmatan MAS pada masa akan datang. Perkara ini yang paling pokok kepada saya dari segi tanggungjawab Kementerian apabila MAS mengalami kerugian, langkah yang paling wajar diambil oleh Kementerian ini ialah menubuhkan satu suruhanjaya bagi menyiasat ataupun mengkaji sebab-sebab kerugian ini dan mengambil langkah-langkah yang tegas daripada awal lagi walaupun hujah yang diberikan kononnya ialah kerugian ini disebabkan oleh kenaikan harga petroleum tetapi saya yakin sebab sebenar ialah sebab pengurusan sama seperti pengangkutan awam.

Perkara pokok yang saya ingin perhatian Yang Berhormat ialah pengurusan, Kementerian ini gagal untuk memberikan satu pengurusan yang baik terhadap masalah perkhidmatan dan ini berkaitan dengan saya yakin kemampuan Yang Berhormat sendiri sebagai seorang Menteri. Saya berbalik kepada apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Kluang bahawa satu daripada kejayaan Kementerian ini ialah meningkatkan pendaratan penerbangan asing di KLIA. Saya ingin membacakan beberapa statistik...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, sebagai satu penggulungan

**Tuan Hoo Seong Chang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Saya hendak betulkan fakta yang saya sebut tadi.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya sila, sila.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Apa, apa ya.

**Tuan Hoo Seong Chang:** ...ini right di negara lain bukan kata bahawa apa itu. Saya rasa Yang Berhormat kena teliti apa yang saya ucap tadi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, perbandingan dengan negara lain?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Maknanya Kluang sendiri pun sudah tidak yakin dengan hujah dia itu. *[Ketawa]*

**Tuan Hoo Seong Chang:** Saya harap Yang Berhormat jangan keliru. Tadi saya kata kita ada mohon banyak ..... di negara lain.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Okay, saya akan bacakan beberapa statistik. Tidak berbangkit sekarang ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Daripada 17 syarikat penerbangan yang singgah di Singapura dan Bangkok, 17 syarikat penerbangan yang singgah di Singapura dan Bangkok tidak singgah di Kuala Lumpur, 17. Daripada 27 syarikat penerbangan yang singgah di Kuala Lumpur dan di Bangkok dan di Singapura, penerbangan di Kuala Lumpur hanyalah 155 kali berbanding 448 kali bagi Singapura, 436 kali bagi Bangkok. Bagi 27 penerbangan yang singgah di 3 destinasi ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Pada tahun 1998 jumlah penerbangan ke KLIA ..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah cukup ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Setengah minit lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Hendak habiskan ayat ini sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, habiskan ayat itu.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** 884 penerbangan dengan kapasiti tempat duduk sebanyak 200,700 tempat duduk berbanding dengan 1,405 penerbangan ke Singapura dengan jumlah tempat duduk ialah 359,000 dan Bangkok sebanyak 1,149 penerbangan dengan kapasiti kerusi sebanyak 311,000 dan yang paling penting sekali ialah mengikut kenyataan Menteri ini sendiri pada tahun 1998 bahawa menjelang tahun 2000 KLIA akan menampung 25,000,000 penumpang tetapi dalam Parlimen ini sendiri Yang Berhormat telah sebutkan semasa menggulung ucapan kementerian ini bahawa KLIA hanya menerima penumpang 13,000,000 iaitu 12,000,000 kurang daripada apa yang telah dianggarkan. Dan begitu juga dengan ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Boleh setengah minit lagi?

**Tuan Pengerusi [Dato' H aji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah cukup.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Okay. Dengan itu saya mohon menyokong usul ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sipitang.

### 3.10 ptg.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menentang usul ini. Usul potong gaji oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka ialah merupakan tindakan dangkal dan sudah ketinggalan waktu. *[Tepuk]* Beberapa isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah diam bil tindakan sebenarnya. Isu lesen terbang telah pun dibongkar dan kerajaan telah pun mengenal pasti beberapa orang kakitangan JPJ yang terlibat dan telah pun diambil tindakan. Usul ini adalah satu usul untuk mencari publisiti dan sengaja dipolitikkan. Saya merasa hairan kenapa sejak akhir-akhir ini usul potong gaji ini merupakan satu trend dan fesyen masa kini yang ditimbulkan oleh pembangkang. Walaupun Peraturan Mesyuarat 66(9) diperuntukkan tetapi mestilah kita guna dengan rasional dan cerdik bukan untuk tujuan memperkecilkan orang lain.

Masalah yang ditimbulkan bukanlah berpunca dari kegagalan Menteri Pengangkutan. Sistem dan prosedur untuk mengeluarkan lesen dan lain-lain yang telah disebutkan telah pun ditetapkan dan teratur. Semua orang tahu bahawa tidak ada satu sistem yang direka oleh manusia itu seratus peratus sempurna, seratus peratus perfect dengan izin. Sebagai contoh yang nyata ialah sistem pilihan raya di Amerika Syarikat. Kita telah lihat sendiri bagaimana sistem tersebut bukanlah begitu sempurna. Walaupun Amerika Syarikat adalah negara maju dan sebagai kuasa utama di dunia sistem pilihan raya

yang digunakan ada kelemahannya. Dalam hal ini siapa yang perlu dipersalahkan. Apakah perlu Presiden Clinton meletak jawatan? Atau pun Kongress Amerika dibubarkan kerana telah meluluskan sistem pilihan raya yang bermasalah. Apakah perlu ada pilihan raya presiden sekali lagi atau pilihan raya semula?

Tuan Pengerusi, di Kelantan pula sekarang ini merupakan negeri yang mempunyai bilangan rakyat termiskin paling ramai. Kalaulah disamakan seperti cadangan Yang Berhormat bagi Kota Melaka setelah sepuluh tahun PAS memerintah Kelantan, keadaan di Kelantan masih tidak banyak berubah dan semakin teruk lagi. Apakah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, Nik Aziz juga diminta meletak jawatan dan dibuat usul potong gaji atas kegagalan ini.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dulu ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya tidak bagi dulu biar saya habiskan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini sebagai contoh atau sebagai apa Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Sebagai contoh. Perbandingan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sebagai contoh ya.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Saya pun hendak bagi contoh Tuan Pengerusi.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Perbandingan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri hendak bagi?

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya tidak bagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tentunya paling sesuai Yang Berhormat bagi Sik untuk meletak jawatan kerana dia telah tidak boleh berkhidmat kepada rakyat yang diwakili dan tidak datang ke Parlimen

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat. Kinabatangan.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** ... atas alasan beliau tidak sihat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat. Kinabatangan bagi. Ini Kinabatangan.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Sekejap, sekejap.

**Tuan Bung Moktar bin Radin:** Kinabatangan dia bagi. Dia tahu gang. Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat setuju dengan saya di mana pada sejak akhir-akhir ini pemimpin pembangkang sudah tidak lagi relevan. Mengusul pemotongan gaji RM10 saya rasa ini merugikan waktu kita di Dewan yang mulia ini. Kenapa tidak gunakan masa yang ada ini untuk membahas perkara-perkara yang perlu kerana saya kalau boleh saya meminta Yang Berhormat mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini supaya Seksyen 66(9) ini dikaji semula supaya usul-usul yang tidak relevan ini tidak lagi boleh diangkat dan ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua terus tidak perlu dibincangkan. Kalau ada masalah kita bincang dalam soal-soal yang lain bukan dengan cara yang begini. Ini buang masa. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, cukup. Ya, ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sepatutnya masa begini kita membincangkan hal-hal lain lah. Saya setuju.

**Puan Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Sepatutnya....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dahulu, dia tidak bagi. Hendak jelas kah atau hendak beri penjelasan ini? Ada dua orang berdiri Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya tidak bagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Batang Lupar sama dengan Batu Gajah. Yang mana hendak bagi Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya bagi Batang Lupar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia bagi Batang Lupar, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Seorang Ahli:** Takut!

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Datuk, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan perbincangan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengatakan *ministerial responsibility*. Jadi, kalau kita lihat apa maknanya *ministerial responsibility*, adakah Yang Berhormat bagi Kota Melaka sudah baca semua *ministerial responsibility* ini? Daripada tahun 1985 sampai ke tahun 2000, berapa banyak menteri di Britain *resign* oleh kerana bertanggungjawab oleh kerana kesalahan *department* dia. Persoalan dalam *ministerial responsibility* dan sejauh mana menteri itu bertanggungjawab atas satu-satu kesalahan dan sejauh mana menteri itu membuat arahan apabila kesalahan itu berlaku dan apakah tindakan menteri apabila kesalahan telah berlaku?

Di sini ada laporan, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Sipitang....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, ha tanya, tanya Yang Berhormat...

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan Defense Committee Reporting on Inquiring to Westland Affair Stated. Ha, dengar ini Yang Berhormat ya, baca di buku. *[Menunjukkan sebuah buku]* “*The minister does not discharge his accountability to Parliament nearly back acknowledging a general responsibility and if the circumstances warrant it by resigning accountability involved accounting in detail for action...*”.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup, soalnya Yang Berhormat?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *...as a minister*. Jadi, persoalannya, Yang Berhormat setuju atau tidak, Yang Berhormat capak *ministerial responsibility* ini, tidak pernah baca buku dan tidak tahu apa benda yang disoal ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya setuju. Yang Berhormat itu tidak faham, saya ingat. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Saya sepatutnya.....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Yang di sebelah sana, yang di sebelah sana. *[Menunjuk ke arah blok Pembangkang]* Yang di sini faham. *[Ketawa]* Minta maaf.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, terus Yang Berhormat, terus.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Sepatutnya, pembangkang lebih wajar membuat usul untuk potong gaji...

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tidak bagi dah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** ...untuk usul potong gaji Yang Berhormat bagi Sik atau letak jawatan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Usul itu yang lebih baik.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila duduk ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Pengerusi, usul potong gaji atau menidakan bayaran seseorang ataupun kumpulan dan peletakan jawatan, selalunya digunakan dalam dua keadaan berikut.

Yang pertama, masalah peribadi yang boleh menjejaskan jawatan, tugas atau organisasi. Perkara ini selalu berlaku dan pemimpin Barisan Nasional telah telus dalam perkara ini. Misalnya, dalam kes Tan Sri Muhammad Taib, telah buat. Kes Dato' Seri Abu Hassan Omar, kes Tan Kon Suan, kes B. Vijanderan, itu telah pun kita buat. Sepatutnya...

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Kes Abu Hassan Omar, saya tidak ....

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Sepatutnya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan tanya begitu, lagi dia tidak bagi.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya tidak bagi laluan..

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat. Bagi jalan?

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tidak bagi jalan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tidak bagi jalan.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Sepatutnya bekas Ahli Parlimen Kubang Kerian meletak jawatan oleh kerana kes peribadinya. Begitu juga dengan bekas Timbalan Perdana Menteri yang lalu, sepatutnya berundur secara terhormat sehingga kes peribadinya selesai.

Perkara kedua, kegagalan sesuatu tugas yang ada tujuan spesifik, *special mission*, dengan izin, misalnya siapa juga yang bertanggungjawab, kekalahan pilihan raya Teluk Kemang, sepatutnya pengarah jentera DAP letak jawatan masa itu kerana telah gagal. Begitu juga mungkin di Sanggang. Begitu juga mungkin di Lunas, kalau betul dia salah. *[Disampuk]* Begitu juga dengan kes....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung Yang Berhormat ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Pengerusi, usul potong gaji dan kata-kata minta Menteri Pengangkutan letak jawatan adalah keterlaluan dan bersifat dengki di mana bukan puak mereka yang menjadi menteri. Mereka tahu Presiden MCA adalah pemimpin besar kaum Cina. Mereka mahu mencemarkan nama orang ini. *[Disampuk]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Apabila kes lesen terbang ....

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa Yang Berhormat ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** ... diketahui, menteri dan jabatan-jabatan terlibat telah mengambil tindakan. Kes ini adalah kes pecah amanah pekerja. Perkara seperti ini berlaku di mana-mana. Perlakuan sebahagian kecil kakitangan kerajaan yang rasuah, ingin cepat kaya, mementingkan diri sendiri, tidak memikirkan akibat apa yang mereka lakukan terhadap diri mereka dan orang awam, sememangnya perlu dikutuk.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya gulung penghabisan. Sepatutnya perbuatan mereka ini adalah dikutuk dan amat merbahaya. Kerajaan dan orang awam bimbang dengan kejadian kemalangan kenderaan dan mengorbankan mereka yang tidak berdosa dan produktif. Berbagai kempen dilakukan untuk mengurangkan kemalangan dan kematian tetapi dalam masa yang sama, ada orang yang menyalahgunakan kedudukan mereka. Perbuatan menjual lesen seperti ini seolah-olah memberi lesen untuk membunuh orang di jalan raya.

Tuan Pengerusi, saya tadi ingin mengulas kembali sedikit mengenai dengan kenyataan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Soal MAS yang rugi ini. Kementerian sebenarnya telah pun membuat beberapa tindakan. MAS rugi dikatakan oleh kerana tidak cekap tetapi tahukah Yang Berhormat juga bahawa MAS rugi adalah akibat pinjaman luar negara, perubahan nilai ringgit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Dan juga kenyataan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bercanggah. Mereka mahu MAS lebih telus dan lebih untung tetapi dalam masa yang sama, mereka cuba mengurangkan kedatangan pelancong ke negara ini dengan memburuk-burukkan Malaysia dan juga meminta tekanan ekonomi dilakukan terhadap negara Malaysia. Apakah ini yang dikatakan satu perbuatan yang mengkhianati negara dan mereka membuat komen di sini mengatakan kerajaan tidak cekap dan inilah yang mereka lakukan.

Saya banyak lagi hendak cakap, Tuan Pengerusi. Saya menolak usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Terima kasih.

**Tuan Liow Tiong Lai:** *[Bangun]*

**Tuan Thong Fah Chong:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Bentong. Lepas ini Menteri menjawab.

**3.21 ptg.**

**Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menentang habis-habisan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka pada petang ini.

Seperti kita semua sedia maklum, Kementerian Pengangkutan, khususnya, Yang Berhormat Menteri sendiri telah pun memberi kerjasama yang cukup erat dan baik kepada BPR untuk memastikan semua pegawai yang terlibat dalam kes lesen terbang ini dapat diberkas dan didakwa di mahkamah. Seperti yang dikatakan oleh Ahli Parlimen bagi Kubang Kerian tadi bahawa sepanjang 33 tahun ini, tidak akan Yang Berhormat Menteri tidak tahu apa yang berlaku di kementeriannya. Sebelum ini, bukannya tidak ada pegawai jabatan yang ditahan kerana melakukan rasuah. Cuma kerajaan pada kali ini telah pun berjaya membongkar kegiatan yang dilakukan secara bersindiket yang belum dicapai selama ini. Hari ini kejayaan menumpaskan sedikit lesen terbang ini adalah kerana ketelusan dan

komitmen Yang Berhormat Menteri sendiri untuk memastikan kementeriannya bersih, cekap dan amanah.

Tuan Pengerusi, pada Mac yang lalu, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri telah pun mengambil inisiatif hendak menggalakkan JPJ menandatangani memorandum persefahaman dengan BPR. Ini membolehkan BPR dapat memasuki semua pejabat JPJ dan kementerian dengan kerjasama pegawai-pegawai untuk mengenal pasti sebarang penyelewengan yang timbul. Ini adalah untuk menghapuskan kambing hitam di dalam JPJ.

Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang telah bertindak berani, tegas dan *without fear and favor*, dengan izin. Saya juga mengatakan bahawa dan menyeru JPJ agar terus memberi bantuan kepada BPR. Bak kata pepatah, “alang-alang seluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan”. Ini jelas menunjukkan kewibawaan kepimpinan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang bertindak dengan jujur dan khlas untuk membanteras rasuah di JPJ dan kementerian beliau.

Tuan Pengerusi, sebaliknya, apabila kita melihat peranan yang dimainkan oleh pihak pembangkang, mereka hanya tahu menanggung di air yang keruh, memutar-belitkan sesuatu isu hanya dengan tujuan untuk merendah-rendahkan orang lain demi untuk menaikkan imej diri sendiri. Kalau kita melihat isu lesen terbang ini, kita hendak tanya, siapa yang mula-mula mendedahkan kes rasuah dalam JPJ? Bukannya DAP. Malah DAP tidak memberi bantuan kepada BPR. Yang mendedahkan ialah pegawai-pegawai JPJ dan juga Kementerian Pengangkutan. Keikhlasan JPJ bekerjasama dengan BPR adalah elemen terpenting dalam kejayaan Operasi Ops Melayang.

Kononnya DAP mahu menentang rasuah di negara ini secara habis-habisan. Setiap kali pilihan raya, mereka akan menggunakan isu ini hanyalah untuk memancing undi. Saya merasa begitu sukacita apabila mendengar bahawa DAP begitu komited dalam memperjuangkan hak rakyat demi untuk membasmi rasuah tetapi malangnya, mereka *no action talk only*, dengan izin. Mereka sepatutnya memberi kerjasama dan memberi maklumat-maklumat kepada BPR, membantu BPR untuk memberkas pegawai-pegawai lain atau mana-mana sindiket yang menyeleweng. Saya berharap sesiapa dapat memberi, termasuk pihak pembangkang, perlu memberi kerjasama yang erat kepada BPR untuk meningkatkan prestasi BPR di negara ini.

Apa yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri pada hari ini, mengambil inisiatif untuk memastikan kementeriannya bersih, cekap dan amanah, saya rasa tidak ada salahnya dan ini pun dikritik oleh DAP.

Saya ingin menarik perhatian pihak pembangkang bahawa Kementerian Pengangkutan semenjak di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sekarang, telah pun banyak mencapai kemajuan di dalam bidang pengangkutan. Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh kementerian untuk memajukan dan meningkatkan lagi penggunaan pelabuhan tempatan telah mendapat pujian daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Segala usaha Kementerian Pengangkutan selama ini juga telah banyak memberi keselesaan kepada semua lapisan masyarakat dan faedah kepada negara ini. Saya tidak mahu memberi contoh-contoh yang panjang, sekadar memberi contoh untuk memberitahu pihak pembangkang apakah kejayaan-kejayaan Kementerian Pengangkutan yang telah pun berjaya untuk meningkatkan sektor pelabuhannya. Bilangan kapal yang singgah di pelabuhan negara ini telah pun meningkat dengan begitu pesat daripada 38,000 buah kapal pada tahun 1990 kepada 50,000 buah pada tahun 1999. *[Tepuk]*

Daripada sektor perkapalan dan juga sektor pengangkutan udara, Kementerian Pengangkutan telah berjaya merangka dasar-dasar serta strategi-strategi untuk memastikan pembangunan industri pengangkutan udara yang selamat, efisien dan ekonomik. Antara aktiviti-aktiviti yang sentiasa mendapat perhatian Yang Berhormat Menteri sendiri adalah seperti perkhidmatan trafik udara, operasi penerbangan, keselamatan terbang, piawaiian dan pembangunan lapangan terbang KLIA. Dari segi pengangkutan jalan, kita pun lihat bahawa pembangunan yang pesat berlaku pada masa kini.

Banyak usaha telah diambil oleh Kementerian Pengangkutan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan di Jabatan Pengangkutan Jalan. Pembinaan lebih banyak pejabat-pejabat baru, peranan teknologi maklumat yang berkomputer, projek pengkomputeran menyeluruh di JPJ pada tahun 1992

telah pun mendatangkan hasil yang begitu baik untuk kerajaan kita. Penubuhan institut memandu yang dapat mempertingkatkan tahap dan kualiti pengajaran pemandu-pemandu negara ini juga diberi pujian.

Peningkatan pengangkutan, rel, kereta api, monorel, sistem transit aliran ringan dan hubungan kereta api ekspres (ERL) daripada KLIA ke KL Central telah pun menunjukkan bahawa Kementerian Pengangkutan telah pun pesat meningkatkan kemudahan infrastruktur dalam negara kita.

Daripada contoh-contoh yang saya sebutkan tadi, telah pun jelas dan didapati bahawa banyak kejayaan dan kemajuan yang telah dicapai oleh Kementerian Pengangkutan atas daya usaha dan pandangan jauh kepimpinan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Bagi pihak pembangkang, mereka memang hanya tertumpu kepada kelemahan orang lain dan merendah-rendahkan orang lain dan mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri. Saya ingin menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP, tengoklah masalah-masalah dalam DAP itu kerana memang telah banyak masalah timbul dalam DAP, bak kata pepatah, “gajah di depan mata sendiri tidak nampak, kuman di seberang laut, nampak”. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi, saya mempunyai penuh keyakinan kepada Menteri Pengangkutan yang telah bekerja bersungguh-sungguh, berusaha dengan gigih untuk meningkatkan keberkesanan dan memajukan lagi semua sektor pengangkutan di negara ini. *[Tepuk]* Sememangnya, kemajuan di sektor pengangkutan adalah pemangkinan yang penting bagi Malaysia mencapai satu negara yang maju dalam tahun 2020.

Dengan kata-kata itu, saya menolak usul yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen bagi Kota Melaka. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya minta menteri menjawab.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Pengerusi, seorang lagi lah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak, begini.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, begini. *[Disampuk]* Tidak tahulah Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya sudah putuskan begitu sebab begini. Masa akhir sekali, berdiri hanya dua orang. Semua daripada BN. Tidak ada daripada pihak sini. Jadi, saya ambil seorang. Selepas itu, saya ambil keputusan supaya menteri menjawab.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Boleh masuk dalam tempat lain. Minta maaf Yang Berhormat. Saya bukan tidak tolong. Saya minta maaf sebab saya sudah buat keputusan.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya sudah buat keputusan Yang Berhormat. Kalau saya buat keputusan macam ini juga esok, susahlah saya. Sila menteri menjawab. Minta maaf.

**3.30 ptg.**

**Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]:** Tuan Pengerusi, terima kasih saya ucapkan kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berdiri untuk membantu saya tetapi Tuan Pengerusi, apa yang saya dengar tadi daripada parti-parti atau ahli-ahli daripada parti pembangkang, nothing new, tidak ada apa yang baru, semua telah dibangkitkan dalam Dewan ini pada penggal ini dan saya percaya saya telah memberi banyak masa untuk mereka membangkitkan ini dan

saya telah menjawab kebanyakan soalan yang telah dibangkitkan tetapi saya ingin memperbetulkan sedikit sebanyak perkara yang akan mengelirukan rakyat jelata jikalau saya tidak memperbetulkannya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi cakap, saya pernah cakap di Dewan ini iaitu kita akan mengendali 25 juta penumpang start pada tahun ini di KLIA, tidak benar, tidak benar. Fasa pertama KLIA adalah untuk membolehkan KLIA menampung sampai 25 juta penumpang, bukan KLIA akan menampung 25 juta pada tahun ini. Inilah kesilapan Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Ya, ada apa lagi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kubang Kerian.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** First phase will take after 25 million, apabila hampir 25 million, kita akan membina fasa yang kedua, bila fasa satu akan habis tidak tahu lagi. Oleh kerana itu haraplah jangan mengelirukan orang ramai, tidak ada jarak yang begitu jauh. Okay.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Yang Berhormat, saya tidak sebut bahawa apa yang telah dinyatakan tadi adalah disebut dalam Dewan ini. Ini adalah berdasarkan satu kenyataan Yang Berhormat pada tahun 1998 yang disiarkan dalam surat khabar *The Star*.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Serupalah, fasa yang pertama akan boleh menampung sampai 25 juta. Bila kita hendak sampai setakat itu tidak disebutkan dan bukan akan mencapai 25 juta pada tahun ini, what are you reading there?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Yang Berhormat, kalau boleh saya berikan penjelasan ya. Boleh saya berikan penjelasan?

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Boleh, boleh.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** First year operation, tahun operasi yang pertama, not first phase operation, first year operation, ini..... ..

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Mustahil, mustahil,....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya boleh cari di surat khabar. Surat khabar itu ialah pada 22 Februari 1998.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Fasa yang pertama. Saya sudah cakap beberapa kali, berpuluh-puluh kali.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, kita tidak tahu siapa yang cakap betul sekarang, surat khabar cakap betul atau Yang Berhormat cakap betul, kita tidak tahu *[Ketawa]*

*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Pengerusi, saya telah jawab kebanyakan soalan-soalan yang baru dibangkitkan ini. Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah memberi sedikit sebanyak cerita mengenai sejarah 1990-an di mana ada kebakaran di airport dan port, tetapi apa yang ianya tidak menyebutkan adalah sejak itu pelabuhan kita telah maju dan sejak itu juga lapangan terbang-lapangan terbang juga telah maju dan tidak berlaku lagi.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tidak bagi lagi Kubang Kerian, tidak bagi lagi. Ketiganya ini, Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Menteri kata dia tidak akan berikan laluan. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat, saya tidak boleh paksakan Menteri berikan laluan.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Okay, okay, okay. *[Ketawa]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Ketawa]* Sekarang ada dua *version*, satu *version* ialah bahawa Yang Berhormat telah membuat satu kenyataan first year operation adalah 25 juta orang penumpang. Sekejap, *version* dalam Parlimen Yang Berhormat sebutkan tadi ialah first phase ialah untuk menampung 25 juta orang penumpang. Tetapi sekarang penumpang yang *landing* di negara kita selepas dua tahun KLIA beroperasi ialah hanya 13 juta. Sekejap, *second phase* Yang Berhormat capak akan pergi kepada 50 juta, 70 juta dan 100 juta.

Apa tujuan kita buat satu lapangan terbang dengan tujuan mengendalikan 25 juta penumpang pada first phase, saya ambil kenyataan Yang Berhormat, tetapi kita gagal membawa penumpang. Ini perkara pokok yang saya bangkitkan. *[Disampuk]*

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Pengerusi, rancangan untuk KLIA adalah satu rancangan berpanjangan, yang mungkin berpanjangan sampai 100 tahun. Mungkin Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ingat lagi beberapa puluh tahun dahulu, lapangan terbang yang pertama kita adalah di Sungai Besi. Masa itu Sungai Besi jauh daripada Kuala Lumpur, berpuluh-puluh batu daripada Kuala Lumpur. Selepas itu Kuala Lumpur diperbesarkan dan Sungai Besi ditelan oleh pembangunan Kuala Lumpur dan kita terpaksa ubah kepada Subang dan masa itu Subang jauh berbatu-batu daripada Kuala Lumpur.

Lepas itu, Subang Jaya naik dan Subang terlalu dekat, terlalu sempit, terlalu sesak dan sekarang pergi ke KLIA, KLIA ada tanah lapang 25,000 ekar dan ini adalah untuk membolehkan rancangan KLIA beberapa fasa; satu, dua, tiga dan empat. Betul, fasa pertama 25 juta, lepas itu 50 juta, 75 juta sampai 100 juta penumpang dan takkan on first year operation akan sampai 25 juta. That's means kena bina fasa yang kedua, *not sensible*.

Oleh kerana itu fasa yang pertama adalah 25 juta tetapi Tuan Pengerusi, kita telah menghadapi kemelesetan ekonomi beberapa tahun kebelakangan ini dan ini sedikit sebanyak telah menjejaskan pertumbuhan penumpang-penumpang melalui KLIA tetapi sejak .....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]* *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Enough, enough, belum habis pun you hendak berdiri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila duduk, sila duduk. *[Disampuk]*

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Sekarang ini Tuan Pengerusi, pertumbuhan KLIA adalah menggalakkan dan pada tahun ini saya percaya passenger sahaja telah meningkat kepada 15.3% dan kargo juga telah meningkat 33% dan saya telah memberitahu di Dewan ini iaitu kita menjangka dalam masa lima ke sepuluh tahun KLIA akan menjadi satu *hub* yang besar dan cara-cara yang kita akan menjalani untuk mencapai itu saya juga telah menjelaskan di sini.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Cukup, Kubang Kerian terima kasih, cukup. Mengenai *ministerial responsibility*, Tuan Pengerusi, saya berpendapat iaitu apabila kita menghadapi sebarang cabaran, sebarang masalah, apa yang kita patut buat bukan seperti yang diseru oleh DAP, letak jawatan, letak jawatan bermakna lari daripada tanggungjawab. Apa yang kita buat selalu adalah menangani masalah itu dan menyelesaikannya dengan serta merta *[Tepuk]*.

Apabila lesen terbang dibangkitkan, saya tidak duduk diam, kita meronda negara kita, berbincang dengan rakyat jelata untuk dapat maklum balas, apakah rintangan-rintangan atau halangan-halangan yang menyebabkan tidak begitu banyak yang tampil ke hadapan untuk memberi *information* yang diperlukan kepada BPR yang akan membolehkan mereka menangkap siapa yang salah, siapa yang terlibat dalam gejala rasuah dan Tuan Pengerusi, kita dapati iaitu orang takut .....

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Okaylah, okay. *[Ketawa]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tadi apa yang saya timbulkan ialah prinsip *ministerial responsibility* yang sememangnya wujud di semua negara yang mengamalkan demokrasi tulen. Di Britain, di Australia, menteri yang baik sekali, begitu cekap walaupun telah membawa sumbangan yang baik kepada negara tetapi apabila berlakunya skandal yang besar atau telah bercakap kata-kata yang ekstrem dan menyinggung perasaan rakyat atau sesuatu komuniti, mereka akan letak jawatan. Oleh kerana ini adalah sejajar dengan prinsip demokrasi tetapi mereka mempunyai peluang untuk datang balik ke jawatan Kabinet selepas tempoh tiga tahun atau lebih.

Masalah di Malaysia ialah bahawa kalau kerajaan melaksanakan prinsip ini, tentu ramai menteri kena letak jawatan oleh kerana sentiasa berlaku skandal di Malaysia. Yang kedua ialah, ini dalam satu *article debate*, saya dengan seorang pemimpin Gerakan, beliau berkata bahawa sekiranya kita mengamalkan prinsip ini, ini akan upset the power equation in Barisan Nasional oleh kerana kalau Menteri Pengangkutan meletak jawatan, Yang Berhormat bagi Bakri akan naik dan tidak akan beri peluang balik tetapi di negara lain, boleh. Tadi Yang Berhormat kata bahawa nothing new. The problem is, you are as thick face as ever, you never accept your responsibility, sebab itu saya kena timbulkan setiap kali itu masalah dia.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Pengerusi, people in glass houses shown throw stone. Sejak you menjadi Setiausaha Agung DAP telah mula tidak boleh mempertahankan hak DAP [Disorak] [Tepuk] untuk bertanding semula, [Ketawa] jangan gelak-gelak macam ini, your face is as thick as ever. [Ketawa] Sekarang Tuan Pengerusi, banyak orang DAP cakap, we better change the Sec. Gen. before we lose more seats [Ketawa] Orang di negara lain *harakiri*, you takutlah tidak *harakiri*. It's not a joke...

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Menyampuk]

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Itulah Tuan Pengerusi, maknanya tanggungjawab menangani satu masalah dan selesaikan ia dengan serta merta, bukan seperti yang diseru oleh DAP, letak jawatan, letak jawatan, [Disampuk] sendiri tidak letak dan Lim Kit Siang beberapa kali telah capak letak jawatan, letak jawatan tetapi tidak letak, masih ada, saya hendak bagi sedikit nasihat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun] [Menyampuk]

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Duduk, duduk [Disampuk]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kota Melaka.....

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Saya resign, tetapi orang tidak benar. Orang tidak benar, orang tidak benar.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Sandiwara besar!

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Saya hendak bagi nasihat, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka, you mahu hati-hati, kena jaga-jaga, you punya kerusi tidak lama. [Ketawa] Percayalah, saya akan membuat ramalan tidak lama lagi kerusi ini akan diambil balik sama ada oleh Lim Kit Siang atau Lim Guan Eng atau Betty Chew [Ketawa] Sekarang you tahu nama baru DAP, Father and Son, Daughter-in-law Sdn. Bhd. [Ketawa] You jaga-jaga, you better hati-hati.

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Saya sudah bagi banyak chance, cukup, cukup, masa yang singkat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa pun kena jaga juga.

[Dewan riuh]

**Puan Chong Eng:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Mertajam, sila duduk, sila duduk.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Pengerusi, seperti saya menyatakan sejak 90-an, semua telah berubah. Hari ini KLIA telah diiktiraf dalam kelasnya sebagai yang keenam di seluruh dunia. *[Tepuk]* Hari ini pelabuhan-pelabuhan kita telah meningkat dari 28 tempat di seluruh dunia ke-21 tempat pada tahun 1998, 1999 tempat ke-14 dan sekarang true port telah meningkat dan tahun ini saya percaya hampir top ten di seluruh dunia. *[Tepuk]* Tetapi, Tuan Pengerusi, dari segi transshipment di seluruh dunia tidak ada melebihi 16 pelabuhan yang mengendalikan lebih daripada 500,000 t.e.u. setahun. Tetapi Tuan Pengerusi, di Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) pada tahun ini transshipment, pengendalian transshipment akan mencapai 1.2 milion juta t.e.u. Ini adalah dalam top ten di seluruh dunia.

Tuan Pengerusi, saya percaya ini adalah jelas tetapi lain-lain yang telah dibangkitkan iaitu traffic jam, Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian tahu kerajaan telah cuba, kerajaan telah membina banyak infrastruktur dan sekarang ini ada LRT 1, LRT 2, KTM Komuter dan kita akan mencantumkan syarikat-syarikat bas. Ini adalah kerana 10 dahulu kita tahu ada traffic jam, lalu lintas sesak di Kuala Lumpur. Dan masa itu kita ingat boleh atau tidak kita mengadakan area road pricing tetapi masa itu, Tuan Pengerusi, kerajaan dengan kebijaksanaannya telah memutuskan area road pricing tidak begitu bijak, tidak begitu munasabah. Apa yang mustahak sekali adalah kita akan memberi satu alternatif kepada rakyat jelata, alternatif kepada mereka sebelum kita address, yang pertama, parking policy. Oleh kerana pada masa itu kita telah tahu 84% kereta-kereta persendirian yang masuk ke Kuala Lumpur ada cheap parking, free parking, available parking dan itulah yang menyebabkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.

Sekarang ini, Tuan Pengerusi, kita....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Cheras minta laluan.

**Dato. Seri Dr. Ling Liong Sik:** No more.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak beri.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Sekarang ini Tuan Pengerusi, kita telah menubuhkan.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri tidak beri laluan.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** .....satu alternatif, satu alternatif iaitu LRT 1, LRT, KTM Komuter dan bas. Tuan Pengerusi, kesesakan lalu lintas ini akan diselesaikan apabila kita address parking policy untuk tidak memberi begitu banyak parking dan untuk meningkatkan harga ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Cheras, Cheras, jangan ganggu ...

**Seorang Ahli:** Bagilah.....

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** No more, no more, no more. Saya hendak habis ini then you can talk some more. No. no.

Tuan Pengerusi, mengenai MAS, harga MAS, harga penjualan oleh Tan Sri Tajuddin Ramli, semua ini hampir selesai dan negotiation sedang dijalankan. Dan oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya percaya tidak bijak pada ketika ini buat apa-apa komen mengenainya.

Saya percaya, Tuan Pengerusi, hanya itu sahaja yang saya hendak menyentuh pada petang ini. Dengan itu saya cadang Dewan ini menolak usul ini. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Bahawa Usul Yang Berhormat Kota Melaka untuk memotong sebanyak RM10 daripada gaji Yang Berhormat Menteri Pengangkutan di bawah maksud Bekalan B.47 Butiran 010000 - Program/Aktiviti 010100 - Pentadbiran hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan dibuka semula untuk dibahas. Larut.

3.50 ptg.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut sama membahas Kementerian Pengangkutan B.47 di bawah Butiran 070000, 060200, 090300, 13005.

Saya ingin memulakan perbincangan dengan menyentuh sistem pengangkutan di ibu kota yang banyak diperkatakan sekarang. Pada hakikatnya sistem yang ada sekarang bolehlah dikatakan memenuhi keperluan semasa walaupun dalam keadaan tertentu, ia sedikit kelam-kabut. Cuma yang perlu ialah kajian semula terhadap tambang bas yang dianggap mahal sekarang. Namun apa yang saya cuba ketengahkan ialah perlunya diwujudkan satu sistem rangkaian tiket antara LRT dengan bas atau LRT dengan komuter, bas dan teksi bagi memudahkan pengguna. Kajian perlu dijalankan segera di mana sistem ini akan melicinkan lagi pergerakan penumpang dan memudahkan pengguna terutamanya yang menggunakan kenderaan awam setiap hari.

Tuan Pengerusi, sistem ini ternyata memudahkan pengguna di bandar-bandar negara maju dan ia tidak mahal untuk dilaksanakan. Jika sistem ini dapat diperkenalkan di Kuala Lumpur dan sekitarnya, saya yakin masalah ulat di stesen bas, di stesen teksi dan sebagainya akan dapat diatasi. Sistem ini juga akan menyekat wujudnya bas atau teksi haram kerana tiket yang diselenggarakan akan menyekat penumpang menggunakan perkhidmatan kenderaan haram. Sehubungan dengan itu, sistem pengangkutan awam perlulah diperkembangkan agar bukan sahaja ia efficient, dengan izin, tetapi menarik orang ramai menggunakannya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan bagi mengelakkan kesesakan dan membolehkan orang ramai menggunakan perkhidmatan awam sebaik-baiknya di Kuala Lumpur ini zon had kenderaan persendirian perlu diperkenalkan di kawasan-kawasan sibuk seperti di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Bukit Bintang dan beberapa kawasan lain yang menjadi tumpuan orang ramai. Sistem ini boleh diperkenalkan secara berperingkat-peringkat kerana penyediaan kawasan meletak kereta perlu diperkenalkan dengan syarat bayaran meletak kereta tidaklah mahal dan selamat.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi ialah berhubung dengan isu kereta api. Sebagai sebuah negara yang maju, sistem pengangkutan yang lancar dan selamat amatlah penting. Ini memberikan keyakinan kepada pelabur dan pelancong asing. KTM hendaklah mempercepatkan lagi projek landasan berkembar di samping menggantikan atau memperbaiki gerabak-gerabak kereta api yang telah usang.

Kemalangan kereta api ialah tragedi yang akan mengancam banyak nyawa. Kita bersyukur kerana kita tidak seperti di negara India, sebagai contoh. Bagaimanapun, kemungkinan kemalangan tetap ada. Saya menyeru supaya pengguna dilindungi daripada kemalangan seperti ini. Justeru pemeriksaan landasan-landasan yang lebih kerap hendaklah dilakukan.

Akhir sekali saya juga ingin menyentuh berhubung dengan Lapangan Terbang Ipoh yang pada suatu ketika telah menjadi satu daripada destinasi yang terpenting. Tetapi sejak terbinanya Lebuhraya Utara-Selatan, penumpang semakin berkurangan memandangkan mereka lebih selesa memandu sendiri ataupun menggunakan pengangkutan lain untuk ke ibu kota. Oleh itu, saya ingin tahu tentang masa hadapan lapangan terbang tersebut.

Begitu pun, saya mencadangkan daripada lapangan terbang ini menghadapi masa hadapan yang gelap, apa salahnya kalau perkhidmatan di lapangan terbang ini dibuat antara Ipoh ke Singapura; Ipoh-Bangkok; Ipoh-Jakarta; Ipoh-Surabaya atau ke destinasi-destinasi yang dirasakan boleh membantu menambahkan penumpang.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah yang saya ingin sentuh dalam perbincangan Kementerian Pengangkutan dan saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiu.

**4.58 ptg.**

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Tuan Pengerusi yang telah memberikan kesempatan kepada saya bagi membicarakan tajuk di bawah 00208; 43003, 06100, 090300 yang menyentuh pelbagai aspek di bawah Kementerian Pengangkutan.

Seperti mana disebut oleh pelbagai pihak tadi bahawa kementerian ini telah gagal memberi perkhidmatan yang baik kepada sistem pengangkutan khususnya di Lembah Klang di mana kajian yang telah dibentangkan oleh *Utusan Malaysia*, saya sebut secara khusus di Dewan yang mulia ini, ialah satu pembentangan yang cukup baik iaitu berhubung dengan sistem awam di Kuala Lumpur yang telah disiarkan dalam akhbar tersebut beberapa hari yang lalu dan telah memberi gambaran bahawa sistem perkhidmatan terutamanya pengangkutan di Lembah Klang ini cukup berserabut dan memeningkan orang awam.

Kita dapati bahawa tidak ada penyelarasan di antara pelbagai kementerian yang disebut oleh saudara Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi, yang mengakibatkan berlakunya harga yang tidak seragam dan kita juga telah dimaklumkan beberapa tahun yang lalu bahawa pihak kerajaan bercadang untuk membentangkan ataupun menyelaraskan dengan menggunakan kad pintar tetapi sehingga sekarang kita dapati kad tersebut sudah tidak dilaksanakan lagi. Wujudnya pelbagai operator swasta yang saling bersaing di antara satu sama lain yang akibatnya ia tidak menjadi pelengkap dan bersepadu.

Kita dapati bahawa akibat daripada tiadanya penyelarasan tersebut semua operator yang terlibat telah mengalami kerugian yang mana kalau mengikut satu laporan yang saya baca menyatakan bahawa hampir semua operator kenderaan awam di Kuala Lumpur ataupun Lembah Klang ini mengalami kerugian lebih daripada RM10 bilion dan ini mengakibatkan kebanyakan daripada mereka dalam peringkat kebangkrapan.

Sebagai contoh disebut bahawa umpamanya Syarikat Intrakota yang telah membuat pelaburan yang begitu besar untuk menyelesaikan masalah pengangkutan awam di Kuala Lumpur. Pada 1997 terdapat 450,000 orang penumpang yang kemudian menurun menjadi 310,000 orang dan kini selepas diperkenalkan tambang mengikut zon menurun lagi sehingga 270,000 orang.

Begitu juga dengan Sistem LRT yang hanya mencapai target 163,000 orang penumpang di waktu puncak walaupun target sebenarnya ialah 240,000 orang. Walaupun kita dapati bahawa Putra-LRT ini adalah antara pengangkutan yang termoden di dunia tetapi oleh kerana tidak ada sistem jaringan bas perantara yang tidak mencukupi yang menyebabkan sistem walaupun yang terancang dan termoden sebagaimana yang disebut oleh Menteri tadi bahawa perkhidmatan tersebut juga tidak digunakan oleh penumpang.

Saya mencadangkan supaya perlunya satu agensi yang dianggap sebagai *one stop agency*, kalau di dalam Kementerian Perindustrian umpamanya kita ada *one stop agency*, yang melibatkan pelbagai kementerian dan jabatan untuk menyelaraskan dan menentukan jenis dan kualiti perkhidmatan pengangkutan kita yang selepas diputuskan di dalam badan atau agensi penyelaras ini barulah diarahkan kepada semua operator supaya menepati *spec* ataupun kehendak daripada badan penyelaras tersebut. Tidak seperti sekarang ini masing-masing menyerahkan kepada pihak swasta untuk melaksanakan sistem masing-masing, akibatnya tidak ada satu sistem yang saling berhubung dan tidak adanya sistem yang bersepadu antara satu dengan yang lain.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menimbulkan soal jeti yang terdapat di Setiu iaitu di Kampung Merang, Setiu yang mana jeti atau pelabuhan ini adalah pelabuhan yang menghubungkan di antara daratan dengan pulau-pulau terutama Pulau Redang dan pulau-pulau pelancongan di Pantai Timur dan dijadikan juga sebagai jeti perikanan yang sekarang ini adalah merupakan raksasa besar yang terpilih yang berada di daratan dan kerajaan telah belanja untuk membina jeti ataupun pelabuhan ini bernilai puluhan juta ringgit dan belanja pengurusan untuk mengoreknya sahaja lebih daripada setengah juta setiap tahun dan setiap tahun terpaksa dikorek.

Saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji secara sungguh-sungguh berhubung dengan kedudukan pelabuhan ini supaya ianya dapat dijadikan sebagai pelabuhan *barter trade* yang akan menghubungkan dengan pelabuhan-pelabuhan umpamanya di Thailand dan di Vietnam dan dalam masa yang sama dapat digunakan oleh para pelancong dan para nelayan tempatan.

Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Labuan.

**4.04 ptg.**

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2001 peringkat Jawatankuasa Kementerian Pengangkutan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada B.47, Butiran 030000, 030600, 030400 dan P.47 Butiran 09900.

Tuan Pengerusi, pertama sekali terima kasih kepada Kementerian Pengangkutan kerana telah pun mendirikan lapangan terbang baru kepada Labuan yang mana telah pun digunakan hampir setahun lamanya. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit kesilapan di dalam kementerian dalam mana tidak melihat dengan lebih teliti pembinaan landasan lapangan terbang tersebut yang hanya dibina sepanjang 7,000 meter.

Memandangkan Kerajaan Persekutuan telah menunjukkan kesungguhan dalam membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai salah satu lagi destinasi pelancongan di negara ini, maka kemasukan pelancong-pelancong luar amatlah diharap-harapkan. Namun dengan adanya kemudahan landasan yang ada sekarang, Lapangan Terbang Labuan tidak dapat membenarkan apa pun pesawat besar, yang bersaiz besar selain daripada Boeing 737 mendarat dan ini telah membantutkan beberapa rancangan syarikat-syarikat *tour operator* untuk membawa pelancong-pelancong daripada Jepun dan China melalui *chartered flight* dengan menggunakan pesawat yang lebih besar datang ke Labuan.

Perkara ini telah pun dimaklumkan kepada kementerian beberapa kali. Namun, hingga ke hari ini tidak ada jawapan yang konkrit diberi sama ada landasan tersebut boleh dipanjangkan atau tidak. Ini penting Tuan Pengerusi, harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat Labuan menjadi sebuah pulau yang tercantik di dunia dengan nama jolokan pulau dalam taman (*garden island*) tidak akan menjadi realiti jika sekiranya kemudahan landasan tersebut tidak diperbaiki. Isu memanjangkan landasan tersebut bukanlah isu remeh-temeh. Ianya melibatkan pembangunan Labuan secara total ataupun secara keseluruhan.

Oleh yang demikian, saya meminta Kementerian Pengangkutan yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan ke atas apa juga bentuk yang melibatkan lapangan terbang supaya dalam Rancangan Malaysia Kelapan dapat melihat ataupun dapat memberikan peruntukan supaya landasan tersebut dipanjangkan kira-kira 3,000 meter untuk membolehkan pesawat Airbus mendarat.

Tuan Pengerusi, saya telah pun dihubungi oleh beberapa *tour operator* daripada Jepun, China dan juga Taiwan dan mereka meminta pada Lembaga Pembangunan Labuan yang bertanggungjawab ke atas pembangunan Labuan supaya mereka dibenarkan membawa penumpang-penumpang mereka terus ke Labuan tanpa transit daripada Kota Kinabalu ataupun Kuala Lumpur. Mereka menjelaskan bahawa pelancong-pelancong yang datang daripada Taiwan, Jepun dan China ini tidak berminat untuk datang ke satu-satu destinasi jika sekiranya ada persinggahan (transit), dan memandangkan dengan memanjangkan landasan tersebut akan merealisasikan impian Perdana Menteri untuk melihat Labuan dalam jangka waktu yang terdekat ini menjadi realiti sebagai pulau dalam taman yang terindah di dunia, maka Kementerian Pengangkutan harus memberikan perhatian yang serius.

Tuan Pengerusi, Lembaga Pembangunan Labuan di mana saya salah seorang Pengarah bekerja keras menyahut cabaran kerajaan dan juga Perdana Menteri untuk melihat Labuan terus maju, berkembang dan menjadi kebanggaan negara. Ini selaras dengan peruntukan pembangunan yang telah pun diberikan oleh kerajaan sejak Labuan diwartakan menjadi Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, saya begitu sedih sekali kerana baru-baru ini Lembaga Pembangunan Labuan untuk memastikan kemasukan pelancong, peningkatan pelancong dalam bentuk regional yang menyebabkan Sabah, Sarawak dan Brunei meningkat ataupun banyak datang ke Labuan telah meluluskan satu lagi feri operator, feri kenderaan yang boleh membawa penumpang daripada Menumbuk ke Labuan. Sekarang ini ada satu feri operator yang dikenali dengan nama Labuan Ferri Services yang menyewa feri-feri daripada Kerajaan Sabah untuk tempoh 10 tahun. Namun, masalah yang dihadapi oleh para penumpang ialah feri-feri yang disewakan oleh Kerajaan Negeri Sabah ialah feri-feri yang telah usang yang sepatutnya sudah menjadi scrap iron.

Bilamana kelulusan diberikan oleh Lembaga Pembangunan Labuan, Kementerian Pengangkutan tanpa membuat penyelidikan telah mengeluarkan satu surat kepada Lembaga Pembangunan Labuan mengatakan bahawa operator yang kedua tidak boleh beroperasi kerana feri telah pun diswastakan. Apa yang saya katakan kementerian tidak meneliti ataupun tidak membuat kerja mereka dengan betul ialah di dalam surat perjanjian di antara Kerajaan Negeri Sabah dengan feri operator tersebut jelas menyatakan bahawa *The government shall grant the company the sold operation management control and lease off the vessels.*

Hanya kepada pengurusan dan kapal-kapal milik Kerajaan Negeri Sabah, bukannya kepada hak laluan laut di antara Labuan dengan Manumbuk. Saya ingat Kementerian Pengangkutan lupa bahawa Labuan telah diwartakan sejak tahun 1984 sebagai Federal Territory ataupun Wilayah Persekutuan bila mana dibenarkan perjanjian yang diikat antara syarikat swasta dengan Kerajaan Negeri Sabah tentang pengurusan feri diiktiraf oleh Kementerian Pengangkutan bermakna Labuan adalah sebahagian daripada pentadbiran negeri Sabah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Jadi, saya meminta untuk kepentingan pengguna, *competition is good*, dengan izin. Untuk kepentingan pengguna, saya minta Kementerian Pengangkutan melihat semula surat yang dikeluarkan kepada Lembaga Pembangunan Labuan bahawa ianya tidak selaras dengan arahan Perdana Menteri yang ingin melihat Labuan maju sebagai salah sebuah destinasi pelancongan, dan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sipitang bangun.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Saya bagi.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Sikit sahaja Tuan Pengerusi. Labuan berjiran dengan Sipitang. Jadi, apa juga berlaku di Labuan memang kena Sipitang. Sekarang ini tidak ada jalan lain di antara Labuan dengan tanah besar kecuali feri. Tetapi Yang Berhormat bagi Labuan, bolehkah minta penjelasan, feri yang ada sekarang ini sudah tua dan beberapa kali telah terkandas di laut dan selepas itu ditarik, dan masa yang diambil pula 2 jam 35 minit ataupun kadang-kadang sampai tiga jam baru sampai ke tanah besar, dan ini tidak efisien. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa feri sering menjadi rungutan. Apakah Yang Berhormat setuju supaya perkhidmatan feri yang lama ini diganti dengan yang lebih baik dari segi efisiensinya cepat dan juga selamat. Saya pun tidak fahamlah bagaimana Menteri tidak memberi alternatif untuk service yang ada sekarang ini. Minta penjelasan.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Saya katakan tadi feri tersebut sebenarnya sudah patut menjadi *scrap iron*. Tetapi oleh kerana kepentingan rakyat selalu dijadikan isu politik dan inilah jadinya, bila mana keputusan yang dibuat tanpa mengambil kira kepentingan pengguna dan feri-feri yang sedang digunakan. Saya dengan ini meminta Kementerian Pengangkutan dengan jelas supaya tidak menghalang Lembaga Pembangunan Labuan untuk membenarkan syarikat kedua milik bumiputera yang membawa sebuah feri baru yang boleh beroperasi di antara Manumbuk dengan Labuan dalam tempoh satu setengah jam berbanding dengan feri sekarang dua jam setengah dan boleh mati di tengah laut.

Saya minta kepada kementerian untuk memastikan bahawa Labuan mencapai apa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan supaya menjadi destinasi pelancongan yang popular di sebelah Malaysia Timur, maka kepentingan individu dalam urusan feri antara Labuan dengan Manumbuk ini.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** ...harus diketepikan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa sudah cukup Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Boleh lima minit, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak, sudah cukup masa. Batang Lupar.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Terima kasih. Saya menyokong.

4.15 ptg.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan bercakap pendek sahaja kerana perkara yang sudah banyak disebutkan kawan-kawan. Satu sahaja, saya hendak menyentuh soal Lapangan Terbang Kuching. Tetapi malangnya saya lihat dalam senarai menunjukkan hanya ada peruntukan RM10,00. Maknanya, tidak boleh diperbincangkan. Jadi, dengan keadaan demikian saya membincangkan soal ini di bawah Butiran 050400 - Trafik Udara Sarawak.

Tuan Pengerusi, apabila Lapangan Terbang Sarawak dibina dahulu kita tidak menyangka yang lapangan terbang ini akan menjadi lapangan terbang antarabangsa. Sekarang ia telah digelar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching.

Kita berterima kasih dengan kerajaan kerana telah membina lapangan terbang yang baik tetapi pada tahun 1999 sedikit penambahan telah dibina ianya kepada penyambungan *aerobridge* dan tempat pelabuhan kapal terbang dibuat. Tetapi malangnya apabila pelabuhan kapal terbang dibuat, tempat letak kereta di hadapan tidak dibina. Jadi, dalam keadaan sedemikian kapal terbang cukup untuk berlabuh tetapi tidak cukup untuk simpan kereta di hadapan. Jadi, saya mohon kepada pihak kementerian supaya melihat, membuat penyelidikan semula kerana masalah ini telah menjadi satu masalah setempat. Kita mengadakan perbincangan dengan pihak kerajaan negeri pada bulan lepas berhubung dengan kesesakan lalu lintas di *apron*, dengan izin, di Lapangan Terbang Kuching, dan telah diminta pihak polis untuk menguatkuasakan undang-undang dan sebagainya. Ini tidak mencukupi oleh kerana musim hujan, musim landas yang ada sekarang ini, landas ialah musim tengkujuh, kalau tak tahu. Musim landas ini hujan, ribut taufan dan sebagainya. Walau bagaimana sesak sekalipun orang akan masuk dalam *apron* itu juga.

*Apron* itu cukup mungkin pada tahun 1980an, tetapi pada sekarang kereta sudah banyak, orang sudah banyak memandu kereta, orang makin ramai dan orang sudah makin kaya, keadaan hidup manusia di Malaysia sudah meningkat dan sebagainya, jadi kereta makin banyak. Suami datang, isteri datang satu-satu kereta datang. Kalau 300 orang datang satu kapal terbang, maknanya 300 kereta yang akan datang ke lapangan terbang. Jadi, ini telah menjadi satu masalah dan dibawa kepada pihak kerajaan negeri pada mesyuarat di antara Jawatankuasa Penyelaras Kerajaan Negeri pada bulan lepas. Tetapi masalah ini masih juga tidak boleh diatasi oleh kerana berkehendakkan MAB, pihak polis dan sebagainya untuk mengawal keadaan, tetapi keadaan ini masih berkekalan.

Jadi, saya berharap pihak kementerian - tolonglah Yang Berhormat, kena tengok sikit, tambahkan lagi sedikit di *apron* ataupun di hadapan Lapangan Terbang Kuching itu supaya kali Yang Berhormat datang tidak kena trafik jam.

Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada soal yang pernah saya bangkit kepada pihak kementerian. Jadi, saya hendak tanya soalan ini - minta maaf Tuan Pengerusi, satu lagi saya terlupa tadi. Pagi tadi bila orang ramai naik kapal terbang, banyak orang kompelin kerana *aerobridge* ataupun tempat *landing* yang Nombor 7, Nombor 8 hampir 500 ela daripada tempat *transit the passengers*. Jadi, kalau di Lapangan Terbang KLIA kita ada *trolley* untuk bawa barang-barang. Kadang-kadang bukan semua orang kuat macam kita, ada yang tua-tua tangan tidak berapa kuat dan sebagainya. *Trolley* itu kena simpan di situ, jangan di Kuala Lumpur sahaja, di Sabahkah, di Sarawak, di Johor Bahru, lapangan terbang yang jauh-jauh sedikit itu berilah *trolley* supaya orang-orang tua yang lebih tua daripada saya yang tak boleh angkat beg dia, tolonglah. Beg kecil mungkin bawa benda yang berat, jadi kena juga gunakan *trolley*. Minta hantar *trolley*, di tiap-tiap lapangan terbang perlukan *trolley* kalau ia melebihi jauh 100 ela.

Saya menyentuh kepada persoalan 06001 – Pengurusan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat, pada tahun lepas saya pernah menulis surat kepada Yang Berhormat daripada Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan Seksyen 69(1)(2) dan (3). Saya minta undang-undang ini dipinda ataupun diselidik semula, undang-undang ini berhubung dengan peletakan had laju di jalan raya. Mengikut undang-undang ini, kalau kita baca Seksyen 69(1), menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam warta menetapkan had laju kebangsaan bagi segala jalan di Malaysia.

Apabila jalan itu sudah diletak had laju sebagaimana yang saya dimaklumkan, seluruh jalan-jalan raya di Malaysia ini 90 kilometer sejam dan express way 110 kilometer satu jam. Jadi, tidak ada jalan lain yang boleh dibuat lagi di mana-mana walaupun di depan sekolah, di depan pembangunan, di

depan rumah kita pun semua jalan ini sudah jadi jalan Malaysia 90 kilometer sejam, itulah makanya apabila kita lihat orang di setiap tempat di pelosok bandar mana pun, di pekan mana pun kita lihat, jalan ini 90 kilometer sejam walaupun di depan sekolah ramai budak-budak, apa yang kerajaan boleh buat, buat slow sign sahaja, kalau tidak slow sign, ia pakai pasang bump, bump ini outdated, Yang Berhormat.

Jadi, saya tanya dengan polis, kenapa tidak buat enforcement, jadi pegawai polis menyatakan dibuat enforcement pun kalau kita baca undang-undang ini, ia bercelaru sedikit, mengatakan menteri sudah buat semua jalan 90 kilometer sejam, tidak boleh buat yang kecil lagi, jalan-jalan lain tidak boleh buat lagi dah, kerana melainkan dimasukkan ke dalam warta kerajaan. Kalau hendak minta setiap majlis daerah dan sebagainya, majlis-majlis di seluruh negara ini yang beribu-ribu majlis, menghantar permohonan kepada pihak menteri, setiap jalan dibuat 60 km., 30 km di depan sekolah, di depan pembangunan, ini jadi remeh-temeh. Jadi, saya kata dan minta dalam surat saya, supaya kuasa ini diserahkan semula kepada majlis-majlis daerah, kuasa-kuasa tempatan, JKR dan sebagainya, undang-undang terpaksa dipinda, hanya jalan persekutuan sahaja, jalan negeri mesti negeri buat, jangan buat undang-undang ini, kalau ada masalah, saya percaya banyak pakar dalam Attorney General office yang boleh menggubalkan undang-undang yang lebih terang, lebih jelas dan tidak bercelaru macam ini. Kalau tidak, pihak polis tidak hendak .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Aman.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju sangat dengan kawan saya dari Batang Lupar, tetapi saya minta penjelasan Yang Berhormat, sama ada beliau bersetuju jika kita juga mengubahsuaikan had laju untuk Pan Borneo Highway yang sekarang masih dalam lingkungan 90 kilometer satu jam oleh kerana ia highway, jadi amat sukar untuk kita menentukan kita hanya 90 kilometer satu jam, oleh kerana saya nampak biasanya kita lebih seronok kalau had laju itu dinaikkan kepada 100 ataupun 110 kilometer satu jam.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Masalahnya tadi Yang Berhormat, sebagai jawapan daripada saya itu tadi, memang masalah ini ialah undang-undang, di Malaysia ini undang-undang satu sahaja, jalan di Malaysia 90 kilometer satu jam dan express way yang itu special jalan itu yang daripada timur ke selatan itu, yang PLUS jalan itu yang lain, 110 kilometer satu jam, jadi jalan lain semua itu kalau kita hendak minta 60 kilometer satu jam pun tidak boleh kerana undang-undang ini tidak membenarkan kita buat 60 kilometer satu jam, kalau kita buat, JKR boleh buat, council, majlis-majlis boleh buat, tetapi tanda sahaja, tidak boleh dikuasa tidak ada, undang-undang ini telah melarang, melainkan di bawah warta tetapi proses mewatakan perkara-perkara ini adalah masalah, panjang prosesnya.

Jadi, itu yang saya mohon supaya Seksyen 69 undang-undang ini dipinda dilihat semula supaya kuasa yang ini dikhas kepada pihak, kalau Yang Berhormat lihat daripada kawasan saya Kuching, pergi ke kawasan saya, 392 kilometer jalan melintas berapa ratus kampung, setiap kampung kita kata slow down, kampung di hadapan, slow – kampung di hadapan, orang jalan 100 kilometer pun siapa yang hendak ambil tindakan, sebab tidak boleh diambil tindakan, slow ini bukan ada kuasa, slow sahaja, kalau saya tak slow berilah polis saman saya, apa fasal saya laju.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa pun cukuplah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Pengerusi, terima kasih, saya hendak cakap pendek sahaja, tetapi kawan tanya Tuan Pengerusi, jadi terima kasih kerana memberi peluang kepada saya, jadi saya menyokong, tetapi mintalah Yang Berhormat, undang-undang ini sila lihatlah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong.

4.25 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, halaman 1241 Butiran 050000 – Pengangkutan Udara, halaman 1242 Butiran 060000 – Pengangkutan Darat.

Tuan Pengerusi, walaupun Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengatakan Tan Sri Tajudin Ramli sedang mengadakan rundingan untuk menjualkan aktivitinya hampir 29% di MAS

kepada sesiapa pun kita tidak tahu, tetapi saya bimbang kerana saya nampak perkhidmatan MAS dan juga kecekapan kakitangan di dalam semua jurusan termasuk kejuruteraan adalah semakin hari semakin merosot. Ini memang sedang kita adakan rundingan, kita mestilah mengambil perhatian untuk memastikan semua perkhidmatan, semua kerja di dalam MAS itu adalah bertaraf antarabangsa kerana kita takut berlakunya kemalangan.

Itulah yang saya beri amaran kepada pihak kementerian supaya kita benar-benar berhati-hati menjaga MAS kita walaupun saya tidak begitu bersetuju pada tahun 1994 ada penstrukturan semula dengan Tan Sri Tajudin Ramli mengambil alih 29.09% ekuiti MAS dan sekarang ia terpaksa jual kerana kerugian, setiap tahun kerugian di dalam MAS sejak tahun 1998 lagi.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya hendak beralih kepada masalah pengangkutan darat. Saya terima aduan dan saya pun ada bangkitkan beberapa kali dah, setiap kali bangkitkan di sini mengenai pengangkutan barang, lori-lori pengangkutan di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, walaupun Yang Berhormat Menteri kata ia mengambil inisiatif untuk menyiasat dan sebagainya dan saya tidak nampak ada siasatan terhadap aduan-aduan daripada tuan punya lori pengangkutan kerana saya beri satu misal, saya pernah mendengar sendiri semasa ada kawan saya yang menguruskan syarikat pengangkutan, ada telefon bimbit, telefon itu daripada inspektor sama ada inspektor polis trafik, inspektor petrol lebuhraya atau JPJ dan dengan telefon ini ia memang minta wang, satu kali RM150, RM300, ha itu memang biasa, ini masih berlaku setiap hari di seluruh negara.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Kalau ada pengangkutan lebih, misalnya beratnya lebih 30% kalau dibayar secara senyap hanya satu kereta RM300, kalau tidak bagi setiap pemandu RM300 kompaun ataupun bagi pemilik RM600 kompaun, ha ini memang satu perkara yang setiap hari berlaku, bukan sahaja mereka menghadapi masalah kalau pengangkutan itu mengangkut berat tidak lebih daripada berat yang dihadkan itu pun yang mengalami masalah daripada saya sebutkan tadi, polis trafik, petrol lebuhraya, JPJ misalnya di Shah Alam, Petaling Jaya, Seremban, Selangor, Kajang, Rembau, Johor Bahru dan sebagainya di seluruh negara.

Saya ada dengar kementerian sudah menyebutkan mungkin ia akan menguatkuasakan undang-undang yang mengenakan hukuman ke atas penghantar barang-barang juga kalau ada pengangkutan beratnya sudah lebih daripada hadnya dan setakat ini apakah tindakan pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Pengerusi, saya percaya, saya ada bangkitkan hal ini setiap kali hampir 18 tahun, setiap kali tetapi masalah ini tidak selesai, memang tidak selesai dan saya pun tidak tahu sebab saya ada tanya di Thailand dan di Indonesia memang dahsyat sekali dan di negara-negara lain itu juga mereka mengalami kesusahan seumpama ini, walaupun berbanding dengan Indonesia, kita lebih baik, tetapi ini tidak bermakna keadaan itu tidak serius, memang satu perkara yang sangat serius dan saya berharap perkara ini dapat diselesaikan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, mengenai Yang Berhormat rakan-rakan kita di sini ada menyebutkan mengenai lesen terbang dan apakah dasar pihak kementerian sekarang, dengan ACA mengadakan Ops Layang, Ops Melayang II dan sebagainya, ada satu ketika disebutkan 7.2 juta pemandu yang mempunyai lesen itu akan diarah untuk mengambil lesen semula dan sebagainya, untuk mengambil ujian semula dan kemudian kita nampak daripada 70,000 pemegang lesen terbang itu, tidak ada tindakan sekarang, apakah tindakan susulan untuk menyelesaikan masalah ini, walaupun kita ada usul tadi, tetapi nampaknya tindakan lanjutan susulan belum diketahui lagi, apakah dasar pihak kementerian sekarang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Serdang.

**4.33 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Butiran 00206 – Express Rail Link ke KLIA Sepang.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini kerana projek pembinaan landasan KLIA sedang giat dijalankan dan dijangkakan akan beroperasi pada tahun 2002, ini menunjukkan satu kemudahan pengangkutan lebih sempurna lagi dari kerajaan dan Kementerian Pengangkutan supaya penumpang-penumpang lebih cepat ke kapal terbang antarabangsa ini. Tetapi saya hendak menyentuh sedikit sebanyak berkaitan dengan infrastruktur yang sedang dibina di kawasan Serdang ini.

Tuan Pengerusi, pada 17 November pukul 5.00 petang, hujan lebat, lepas itu tapak ERL telah ditenggelami air dan juga landasan kereta api dan juga lebuh raya Sungai Besi di kawasan dekat Serdang telah ditenggelami air. Dengan demikian itu, saya berasa bimbang kerana pamaritan yang tidak sempurna akan menjadikan satu banjir berlaku demikian. Selepas operasi ERL akan datang tanpa pamaritan yang sempurna itu mungkin lagi berlakunya banjir di kawasan landasan ERL. Memang kejadian dilanda banjir di kawasan dekat Serdang ini terhadap landasan kereta api memang sentiasa berlaku terutama sekali dekat Serdang Perdana itu.

Walaupun sekarang dikurangkan tetapi masih terdapat juga, oleh kerana ERL adalah begitu penting untuk kemudahan pengangkutan pada masa akan datang, maka apakah tindakan sebenarnya akan diambil oleh ERL, adakah juru-juru perunding atau pakar-pakar pamaritan telah dilantik untuk mengkaji terhadap masalah yang sedang berlaku di kawasan tersebut kerana tapak ERL lebih rendah daripada kawasan itu. Kawasan sebelah itu Serdang Perdana yang penuh dengan perumahan itu, maka mungkin dijadikan satu masalah, tetapi diserahkan kepada juru perunding atau pakar-pakar pamaritan kepada ERL untuk dikaji, kerana ini penting untuk mengelakkan, untuk mencegah banjir pada masa akan datang selepas operasi ERL. Kalau tidak ambil kira terhadap dilanda banjir di kawasan tersebut maka mungkin menjadikan satu kecacatan ataupun kelemahan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh ERL - stesen Komuter Rel Servis, (CRS). Saya difahamkan bahawa empat kawasan telah ditentukan sebagai stesen CRS, apa kriteria ditentukan di kawasan-kawasan tersebut. Mintalah penjelasan daripada pihak kementerian. Saya tidak mempertikaikan dengan kawasan seperti Salak Tinggi atau Tasik Selatan dijadikan sebagai stesen komuter rel servis, tetapi oleh kerana memandangkan kawasan Serdang begitu pesat dilaksanakan buat waktu ini, dengan adanya Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan bilangan mahasiswa mahasiswi, dengan stafnya lebih kurang 30,000 orang, dengan adanya pusat pelancongan di Mine Resort dan hotel-hotel disediakan di kawasan itu, persidangan antarabangsa dan seminar-seminar antarabangsa telah diadakan di kawasan itu, dengan juga lagi Technology Park Malaysia di sebelah dan sukan negara di Bukit Jalil dan juga beribu-ribu perumahan dengan bilangan penduduknya di kawasan Serdang yang lebih 200,000 orang, apa sebab kawasan ini tidak ditentukan sebagai stesen komuter rel servis ini.

Walau bagaimanapun, saya pernah mencadangkan kepada EPU, Jabatan Perdana Menteri untuk membincangkan perkara ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, EPU telah memberi jawapan begitu positifnya di mana cadangan untuk mewujudkan stesen komuter rel servis di Serdang ini tidak ada apa-apa halangan, oleh kerana berdasarkan dengan kerana kemudahan hotel di Mine Resort dan juga oleh kerana persidangan antarabangsa sentiasa berlaku di situ dan dari segi kewangan pada masa akan datang dan kemudahan, kalau penumpang daripada KLIA Sepang akan menghadiri mesyuarat atau persidangan di Mine Resort bolehlah berhenti di kawasan itu dan terus boleh naik ke hotel dengan keadaan kelengkapan dan kemudahannya. Apa sebabnya cadangan yang tidak dapat diiktiraf dan tidak ada apa-apa halangan daripada EPU itu tidak dapat dilaksanakan. Saya rasa kecewa terhadap sikap yang menunjukkan bahawa ERL masih mengambil kira terhadap hasil kewangan pada masa-masa akan datang ini.

Walau bagaimanapun, saya minta pihak kementerian untuk memberi sedikit sebanyak pandangan terhadap wujudnya stesen komuter rel servis di Serdang ini dan oleh kerana kawasan Serdang lokasinya terletak di antara Kuala Lumpur dengan Putrajaya yang diapit oleh kedua-dua kawasan itu. Lokasinya begitu strategik dan begitu penting pada masa yang akan datang, maka saya harapkan pihak kementerian dan pihak ERL untuk menimbang dan mengkaji semula sama ada dapat diwujudkan demi kepentingan jangka panjang masa akan datang kepada ERL dan dengan itu saya mintalah pandangan daripada pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 00900 – Meningkatkan Keupayaan KTM. Saya hendak menunjukkan satu perkara stesen kereta api komuter di Serdang. Stesen ini telah wujud beberapa tahun dahulu di mana telah menarik ramai penumpang-penumpang dari Serdang ke Kuala

Lumpur dan dari Serdang ke Seremban dan penuh setiap kali perjalanan, tetapi hanya beberapa kecacatan dan kelemahan telah berlaku di kawasan tersebut kerana pihak kementerian walaupun telah berjanji dengan pihak Park May untuk mewujudkan shuttle bus, perkhidmatan awam dengan lima kilometer di antaranya, tetapi sehingga hari ini kawasan Sri Kembangan yang beberapa kilometer daripada stesen komuter ini tidak dapat perkhidmatan sedemikian itu, maka penumpang-penumpang begitu susah hendak datang ke sini dan juga oleh kerana tempat meletak kereta di komuter tersebut memang sempit, maka mereka terpaksa meletak kereta di lain tempat. Jadi, ini defeat the purpose, dengan izin, juga oleh kerana tanpa pengangkutan awam sejauh lima kilometer sebagai shuttle bus services ini telah menjejaskan imej komuter dan juga komitmennya tidak dapat ditunaikan sehingga hari ini.

Saya minta penjelasan apa sebabnya tidak mewujudkan pengangkutan satu bas di kawasan ini supaya penumpang-penumpang lain lebih bertambah datang. Saya juga hendak meminta pihak kementerian untuk mengambil tindakan di mana meluaskan lagi tempat letak kereta di stesen itu kerana terdapat satu quarters KTM dahulu tetapi saya tidak tahu apa sebabnya telah disewakan kepada kedai kopi. Kalau tempat itu boleh diruntuhkan dan dijadikan kawasan yang lebih luas lagi bagi memberi peluang untuk meletak kereta di situ, mungkin untuk menarik lebih penumpang di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga haraplah dengan komitmen daripada kementerian dan juga daripada ERL untuk mewujudkan satu jejantas di Stesen Komuter Serdang ini. Tetapi oleh kerana pembinaan ERL akan diselesaikan tahun 2002, maka hendaklah dibina dahulu sebelum projek ini disiapkan. Komitmen perlu juga dapat dijalankan lebih awal supaya penumpang-penumpang kereta api komuter daripada Serdang ini boleh melintas ke kawasan Taman Muhibah dan kawasan-kawasan yang lain itu. Kemudahan ini penting demi kepentingan dan komitmen daripada pihak kementerian dan ERL dan saya hanyalah supaya komitmen dapat ditunaikan secepat mungkin untuk mengelakkan isu pada masa akan datang. Jadi, saya juga tidak akan membangkitkan perkara ini melalui persidangan atau Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak mengingatkan kepada pihak ERL supaya memberi komitmen yang lebih tinggi dekat sekolah di Serdang lama. Lawatan saya dengan pegawai ERL telah menyaksikan landasan ERL paling berdekatan dengan sekolah Cina di Serdang lama itu, mungkin mengganggu dan akan menjejaskan semasa pelajaran diadakan. Maka saya minta pihak ERL dan pihak kementerian untuk mengadakan *sound barrier*, saya minta izin untuk mencegah bunyi yang kuat itu daripada mengganggu kepada murid-murid yang sedang belajar di situ dan juga di kawasan Taman Muhibah yang paling dekat dengan rumah kediaman.

Inilah cadangan saya dan saya harap dapat diselesaikan dan dapat diwujudkan *sound barrier* di kawasan sekolah dan Taman Muhibah dan saya harap perkara ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Batu Pahat.

**4.45 ptg.**

**Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan B.47 Kementerian Pengangkutan.

Yang pertama saya ingin menyentuh Butiran 060200 Pendaftaran dan Pelesenan Kereta Motor. Seperti yang dimaklumkan Kementerian Pengangkutan akan menswastakan Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kereta Motor pada awal tahun hadapan kepada sebuah syarikat yang diberi konsesi mengurus termasuk Bahagian Pelesenan Memandu.

Saya berharap kementerian mengkaji semula projek penswastakan ini kerana ia akhirnya menimbulkan masalah kepada orang awam. Selain langkah-langkah keselamatan yang tidak dapat dikawal secara lebih sempurna dan berkesan terhadap syarikat-syarikat konsesi yang dipertanggungjawabkan oleh kementerian.

Saya ingin mengambil contoh kepada Bahagian Pemeriksaan Kereta yang diswastakan kepada PUSPAKOM. Pada persidangan Parlimen yang lepas, saya ada bertanya mengenai langkah-langkah penguatkuasaan yang dibuat oleh JPJ terhadap PUSPAKOM. Jawapan yang diberi oleh pihak

kementerian pada tahun 1999 ada membuat lebih 300 pemeriksaan ke PUSPAKOM. Saya beranggapan dengan jawapan yang lemah seperti itu tidak lebih daripada lawatan Bahagian Pengurusan JPJ ke PUSPAKOM. Apatah lagi saya difahamkan, pihak PUSPAKOM begitu sukar untuk memulangkan peratus perolehan hasil pemeriksaan kepada JPJ seperti yang dijanjikan.

Kementerian terus memberi konsesi kepada PUSPAKOM walaupun menyedari mesin-mesin pemeriksaan PUSPAKOM tidak sesuai dengan keadaan terkini yang mana mesin digunakan banyak secara manual. Saya berkeyakinan dengan mesin pemeriksaan PUSPAKOM yang ada pada masa ini, kakitangan pusat pemeriksaan tersebut mampu menjalankan pemeriksaan walaupun kenderaan yang sebenar tidak hadir pada hari pemeriksaan yang ditentukan.

Ini terbukti dengan operasi BPR pada tahun 2000 ini di mana banyak kes penyelewengan berlaku di pusat-pusat pemeriksaan PUSPAKOM sedangkan kementerian sendiri tidak pernah membuat pemeriksaan terhadap PUSPAKOM. Pengalaman yang dilalui oleh kementerian terhadap PUSPAKOM sebenarnya seharusnya dijadikan iktibar kepada usaha-usaha selanjutnya untuk menswastakan mana-mana bahagian di JPJ. Dengan penswastakan ini, kementerian akan hanya terlepas tanggungjawab kepada soal-soal kebajikan kakitangan yang terlibat. Tetapi dari segi keselamatan dan morality kementerian, terus pupus dan tidak seperti yang tercatat dalam objektif dan tanggungjawab kementerian dalam buku Belanjawan 2001 yang kita terima pada pembentangan Belanjawan yang lepas.

Saya berharap usaha-usaha untuk menswastakan Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kereta Motor kepada syarikat konsesi yang telah diura-urakan harus dikaji semula. Kenapa kementerian tidak mengkorporatkan bahagian-bahagian tertentu untuk diperbadankan? Apakah usaha-usaha untuk menswastakan ini akan memberi ruang kepada pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan seberapa boleh. Kalau benar kementerian berhasrat untuk menswastakan, kenapa tidak diberi kepada PNB yang selama ini dipertanggungjawabkan mengenai sistem pengkomputeran seluruh talian komputer JPJ. Selain daripada itu segala keuntungan yang diperolehi oleh PNB akan berbalik semula kepada sebahagian besar rakyat di negara ini tidak kepada pemilik syarikat konsesi sahaja.

Yang keduanya saya ingin menyentuh Butiran 060500 Penguatkuasaan Undang-undang. Saya berharap JPJ akan lebih berusaha secara efektif dalam usaha-usaha penguatkuasaan yang dijalankan. Penguatkuasaan yang lemah amat merugikan negara. Pada bulan Ogos dan September yang lepas kita terbaca di akhbar-akhbar tempatan mengenai pemilik kenderaan meminda cukai-cukai jalan. Perkara ini harus ditangani secara berterusan.

Saya juga ingin mengambil ingatan kepada JPJ mengenai situasi yang telah lama berlaku mengenai penipuan yang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha pengangkutan. Pertama, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh JPJ mengenai lori-lori sayur di Cameron Highlands yang tidak mempunyai cukai jalan dan kadangkala tidak mempunyai nombor pendaftaran yang terus menggunakan jalan raya secara bebas. Perkara ini telah pun saya kemukakan di Dewan yang mulia ini pada persidangan yang lalu.

Kedua saya berharap JPJ jangan terus membiarkan pemilik dan pemandu melakukan kesalahan-kesalahan yang sudah diketahui seperti yang pertama, lori-lori treler yang beroperasi di jalan raya berlainan di antara kepala dan ekor, tidak seperti yang tercatat dalam permit.

Ketiga ada pengusaha-pengusaha lori menggunakan nombor pendaftaran yang sama tetapi di lokasi yang berlainan. Umpamanya nombor pendaftaran yang sama ada di Klang dan ada di Johor Bahru. Ini kebiasaannya berlaku kepada lori-lori tipe yang mengangkut batu dan pasir.

Saya berharap langkah-langkah yang berkesan harus dilakukan oleh JPJ bagi memudahkan anggota penguat kuasa menjalankan tugas. Kementerian disarankan mengarah pemilik kenderaan mempamerkan nombor *chassis* kenderaan pada bahagian yang mudah dilihat oleh anggota penguat kuasa. Nombor *chassis* ini hendaklah setara dengan nombor *chassis* pada *body* yang begitu sukar dilihat. Kerja melihat nombor *chassis* memerlukan masa hampir setengah jam bagi sebuah lori. Saya syorkan nombor *chassis* yang dipamerkan di luar hendaklah dikeluarkan JPJ sendiri yang mempunyai tanda-tanda keselamatan bagi mengelakkan penipuan.

Keempatnya, saya ingin menyentuh Butiran 090400 Peningkatan Kemudahan dan Peralatan Pejabat. Secara ringkas ingin saya jelaskan pejabat kecil JPJ Batu Pahat di Jalan Bakar Condong dibina dengan ihsan Kerajaan Negeri Johor. Bangunan asal ialah untuk tempat meletak kereta, tapak pesta pembangunan negeri Johor pada tahun 1975. Pada tahun 1981, JPJ menjadikan kawasan tersebut sebagai pejabat kecil dengan membuat pengubahsuaian kecil untuk kegunaan kakitangan dan orang awam. Bangunan yang ada begitu usang. Pihak JKR tidak dapat membuat sebarang komen kerana ia bukan dalam kategori bangunan kekal.

JPJ Batu Pahat kerap mendapat gangguan kerana struktur kerangka pejabat yang telah usang. Rangka besi di atas banyak yang telah berkarat dan patah. Pendawaian yang kurang sempurna juga menjadikan punca masalah. Pejabat kecil JPJ Batu Pahat adalah antara pejabat kecil yang paling efektif di negara kita kerana bagi tahun 1999 sahaja pejabat kecil JPJ Batu Pahat memperoleh kutipan hasil sebanyak RM30 juta. Bagi tahun 2000 daripada bulan Januari hingga bulan Oktober, pejabat kecil JPJ Batu Pahat memperoleh kutipan hasil sebanyak RM28.28 juta.

Sebenarnya JPJ telah memiliki tanah di Batu Empat, Jalan Kluang, Batu Pahat sejak tahun 1983 seluas 10 ekar. Kos dibeli kalau tidak saya dengan harga RM1.8 juta. Apa yang menyedihkan, dalam Rancangan Malaysia Kelima, Keenam dan Ketujuh tiada sebarang peruntukan diberi untuk pembinaan sebuah pejabat baru di Batu Pahat. Mungkin perkara ini terlepas pandang kerana tiada orang Batu Pahat di kementerian yang ramainya saya dapat tahu ialah daripada orang Pantai Timur.

Memandangkan dalam pelan pembangunan Batu Pahat tahun 2000, tapak pejabat kecil Batu Pahat yang ada diwartakan sebagai milik JPJ dengan keluasan yang dibesarkan lagi. Saya telah minta pihak Kementerian Kewangan menjadikan tanah milik JPJ di Jalan Kluang seluas 10 ekar itu dijadikan tapak sekolah kerana orang-orang JPJ sudah tidak hendak tanah tersebut.

Saya berharap dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini, pihak kementerian akan dapat membangunkan sebuah pejabat yang sempurna di Batu Pahat demi kesejahteraan kakitangan, orang awam dan harta-harta jabatan yang ada di dalamnya. Tapak pejabat kecil Batu Pahat yang ada begitu strategik selain terletak di laluan utama di bandar Batu Pahat ia dikelilingi bangunan indah seperti Bangunan Pejabat Daerah, Pejabat Tabung Haji, Bangunan Gunasama Persekutuan dan Masjid Jamek kedua Batu Pahat yang baru digunakan.

Kompleks-kompleks kerajaan yang akan dibina mulai tahun hadapan ialah bangunan KEMAS Daerah, bomba, ibu pejabat polis daerah dan beberapa jabatan lain. Akhirnya saya berharap kementerian akan mengusahakan supaya sebuah bangunan baru pejabat kecil JPJ Batu Pahat dapat dilaksanakan seberapa segera.

Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Tumpat lepas itu Menteri menjawab.

**4.53 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya turut ingin membahaskan Maksud B.47 dan P.47. Merujuk kepada butiran-butiran 060200, Butiran 070000 Jabatan Kereta Api, Butiran 00206 dan boleh dikatakan ke semua butiran di muka surat 1249 dan Butiran 03601 dan akhir sekali ialah Butiran 43001.

Saya pertamanya berkaitan dengan 060200 bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Batu Pahat berkaitan dengan cadangan pihak kementerian untuk meneruskan proses penswastan jabatan-jabatan dan tugas-tugas JPJ. Mengikut apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri pada awal tahun ini kerajaan akan menandatangani perjanjian penswastan selama 15 tahun dengan sebuah syarikat yang bernama Urus Daftar Automatif Berkomputer Sendirian Berhad iaitu satu anak syarikat DRB Hicom Berhad tidak lama lagi mengikut laporan pada awal tahun ini. Tetapi sehingga sekarang kita rasa penandatanganan ini belum berlaku tetapi memandangkan bahawa syarikat ini adalah juga anak syarikat DRB Hicom yang seperti juga seperti PUSPAKOM sekarang ini merupakan anak syarikat berhad ini yang sama, maka seperti Yang Berhormat bagi Batu Pahat, saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya menanggungkan usaha ini kerana kita telah melihat ada masalah-masalah yang amat

besar yang sedang dihadapi oleh JPJ dan oleh itu rasanya perlu diambil perkiraan tentang perbincangan kita pada petang ini dalam keputusan terakhir berkaitan dengan memberikan penswastaaan kepada syarikat ini.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Tumpat. Seolah-olah kita melihat bahawa di bawah Kementerian Pengangkutan kalau dahulunya pengangkutan bas kota diberikan kepada penswastaannya diambil daripada pengusaha-pengusaha bas mini dipindah milik kepada DRB-Hicom untuk Intrakota dan juga kepada partner Renong.

Kemudian kita lihat kereta api pula umpamanya akan diswastakan juga dan masyarakat mendapat maklumat bahawa yang akan mendapat konsesi kereta api ini setelah kerajaan akan berbelanja beratus-ratus juta ringgit pada tahun ini untuk RM1,000 juta, ianya juga akan diswastakan kepada DRB-Hicom yang akan memegang peratusan 50+1 – satu itu saya tak tahu macam mana, kemudian Renong 30% dan Bolton 20% kerana kita difahamkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat tadi bahawa untuk pelesenan pengujian juga diberikan kepada DRB-Hicom. Jadi seolah-olah kita lihat semua benda Hicom, Renong, Hicom, Renong di bawah Kementerian Pengangkutan.

Yang Berhormat bersetujukah, seolah-olah di Malaysia ini Renong dengan Hicom sahaja yang mampu diswasta, yang lain-lainnya tak mampukah atau macam mana atau ada apa-apa rahsiakah di sebalik itu?

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Saya fikir pandangan Yang Berhormat itu boleh kita persetujui kerana pada satu ketika dahulu dikatakan bahawa jika penswastaaan pengangkutan itu di udara, ianya diberi kepada orang tertentu, Tan Sri Tajuddin Ramli. Jika penswastaaan pengangkutan itu di lautan, ianya diberi kepada orang tertentu iaitu MISC, kepada Mokhzani, dan jika pengangkutan itu di daratan, maka diberi pula kepada pihak tertentu iaitu DRB-Hicom dan Renong.

Saya fikir seperti mana kita lihat beberapa tahun yang akhir ini terdapat begitu banyak masalah penyelewengan rasuah dan sebagainya yang diakui sendiri oleh pihak kerajaan dan cuba diambil tindakan terhadap yang berlaku ini tetapi masih belum berjaya, maka saya ingin menyeru dan menyaran supaya proses ini ditangguhkan dahulu terutama sekali penswastaaan terakhir JPJ ini yang mana mengikut laporan akhbar ini sendiri mengatakan bahawa setakat yang dibuat sebelum diswastakan, punggutannya ialah RM2.3 bilion manakala belanjanya RM1.6 bilion sahaja, mengikut yang saya faham daripada maklumat dalam akhbar ini.

Jadi, oleh kerana JPJ tidak menanggung beban perbelanjaan daripada jabatan-jabatan yang sedia ada yang dirancang untuk diswastakan, saya fikir proses penswastaaan itu boleh ditangguhkan sehingga kita buat kajian yang betul-betul supaya tidak berlaku dan berulang apa yang sedang berlaku dalam kes lesen terbang ini.

Kemudian, saya hendak pindah kepada Jabatan Keretapi dan kita lihat di sini bahawa perbelanjaan untuk kereta api adalah agak besar yang berkaitan dengan kereta api ke KLIA iaitu ERL, kereta api dua laluan daripada Kuala Lumpur sampai ke Ipoh, kemudiannya ke Seremban, kemudiannya pengelektifikasian kereta api di jalan-jalan tersebut.

Tuan Pengerusi, kereta api adalah satu pengangkutan yang amat penting dalam negara ini tetapi yang saya perhatikan dasar kementerian dan kerajaan dalam kes kereta api ini amat tertumpu kepada laluan-laluan yang terhad sahaja, Kuala Lumpur ke Seremban, Kuala Lumpur ke Ipoh di utara. Saya ingin menyarankan supaya pihak jabatan dan kementerian mengambil pandangan yang lebih progresif dalam hal kereta api ini.

Satu daripada laluan kereta api yang diabaikan daripada awal hingga membawa ke hari ini ialah laluan daripada Kuala Lumpur naik ke utara sepatutnya ke dua negeri di negara kita ini iaitu negeri Pahang dan negeri Kelantan. Kalau kita lihat laluan kereta api ini ianya adalah amat tidak logik sekali iaitu daripada Kuala Lumpur, ia akan turun ke selatan, tiga empat jam perjalanan sampai ke Gemas, baru naik balik ke Pahang dan sampailah akhirnya ke kawasan saya di Tumpat. Ini adalah merugikan masa perjalanan untuk orang-orang yang menggunakan pengangkutan yang penting dan

juga untuk kargo untuk negeri-negeri seperti negeri Pahang terutamanya Pahang Barat dan Pahang Tengah dan juga sampai ke utara di negeri Kelantan.

Laluan ini adalah laluan yang dibina oleh pihak British. Saya tidak nampak mengapa kerajaan kita yang amat tidak mahu kita ini meniru perbuatan penjajah dan sebagainya, tidak dapat memikirkan sekali lagi untuk menyelaraskan laluan kereta api ini supaya dari Kuala Lumpur terus naik ke utara, ke Bentong dan terus sampai ke hujung jalannya iaitu di negeri Kelantan itu.

Saya ingin menyarankan daripada jumlah yang begitu besar diperuntukkan untuk Keretapi ini difikirkan laluan itu supaya ianya akan memantapkan lagi kemajuan dua negeri iaitu negeri Kelantan dan juga negeri Pahang di Semenanjung Tanah Melayu kita ini.

Seterusnya saya hendak beralih kepada Butiran 03601 Kerja-kerja Pengorekan Pelabuhan Kemaman. Saya perhatikan dalam laporan akhbar hari ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan memberikan kenyataan bahawa akan dimajukan Pelabuhan Kemaman ini sealiran dengan Pelabuhan Kuantan. Saya fikir tindakan ini tindakan yang baik dan saya ingin menyarankan bahawa kalau negeri di Pantai Barat ini ada pelabuhan daripada atasnya Kuala Perlis turunlah kepada Tanjung Pelepas, daripada hujung sampai ke hujung pantai di selatan, maka sekali lagi saya ingin sarankan supaya Pantai Timur ini selain daripada tindakan untuk memajukan Pelabuhan Kuantan dan juga memajukan sekarang ini Pelabuhan Kemaman, ada cadangan-cadangan yang tertangguh iaitu untuk misalnya membina Pelabuhan di Tumpat dan juga di pelabuhan di tempat-tempat yang lain di Pantai Timur.

Jadi, saya ingin menyeru kepada pihak kementerian supaya juga memberi keutamaan kepada pembinaan dan memajukan pelabuhan-pelabuhan di Pantai Timur seperti yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [*Bangun*]

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Sila Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Saya ingin tanya Yang Berhormat Tumpat, adakah Yang Berhormat Tumpat sedar bahawa ada rancangan oleh pihak kerajaan untuk menswastakan Pelabuhan Kuantan. Sebelum Pelabuhan Kuantan diswastakan, sebelum itu Pelabuhan Kuantan telah dibenarkan untuk mengambil alih sektor komersial Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Kemaman hanya dihadkan untuk sektor-sektor yang berasaskan kepada petroleum.

Dan kemudian Pelabuhan Kemaman dkecilkan lagi fungsinya di mana untuk PERWAJA dikhhususkan tidak ada melalui Pelabuhan Kemaman, dikhhususkan kepada pelabuhan tersendiri untuk PERWAJA. Kemudian untuk komersial juga tidak di bawah Pelabuhan Kemaman tetapi diletakkan di bawah Pelabuhan Kuantan dan selepas itu Pelabuhan Kuantan akan diswastakan kepada satu pihak yang ada kena mengena dengan Road Builders.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sektor komersial Pelabuhan Kemaman itu diberikan kepada pengurusan Kuantan walhal ianya berjarak lebih kurang dalam 25 kilometer daripada Kuantan-Kemaman ini. Terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Seperti mana saya sebutkan tadi saya lebih cenderung supaya kita amat berhati-hati dalam usaha menswastakan harta-harta dan operasi-operasi kerajaan supaya tidak timbul masalah-masalah apabila beberapa tahun diswastakan, timbul masalah dan kerajaan terpaksa *bailout* syarikat-syarikat yang terkandas dalam operasi pelabuhan ataupun apa-apa lagi usaha-usaha yang mereka lakukan itu.

Saya juga mencadangkan supaya pelabuhan-pelabuhan di Pantai Timur ini memandangkan begitu banyak barangan yang perlu diekspor dan diimport melaluinya dijadikan *all purpose* atau *multi purpose* pelabuhan dan tidak khusus untuk barangan-barangan tertentu sahaja.

Saya beralih akhirnya kepada Butiran 43001 Lapangan Terbang Kota Bharu. Lapangan Terbang Kota Bharu ini sudah diputuskan untuk dinaikkan tarafnya dengan dipanjangkan landasannya dan dibuat bangunan terminal baru dan juga menara kawalan penerbangan yang baru. Yang hanya terlaksana setakat ini ialah menara kawalan tetapi bangunan terminal belum dibuat dan pemanjangan landasan belum dilakukan.

Saya meminta pihak kementerian untuk menjelaskan dan memberitahu dan memaklumkan Dewan ini tentang dasar kerajaan seterusnya kerana sepertilah pelabuhan, begitu juta lapangan terbang di Pantai Timur adalah *gateway*, dengan izin, kita untuk berurusan sama ada dari segi penumpang ataupun kargo terutamanya dengan masyarakat di sebelah Asia Timur ini.

Perniagaan kita dengan Jepun, Korea dan Taiwan dan mungkin seterusnya dengan Hong Kong dan Vietnam sebagai contoh adalah senantiasa meningkat. Oleh itu adalah amat logik bukan sahaja Allahyarham Tun Abdul Razak melihat logiknya membina Kuantan sebagai sebuah pelabuhan saya fikir kita semua juga dapat melihat betapa logiknya kita meneruskan lagi usaha yang mulia itu untuk meningkatkan lagi fasiliti-fasiliti penggunaan pelabuhan dan lapangan terbang di Pantai Timur ini khususnya untuk Lapangan Terbang Kota Bharu, juga ada cadangan supaya orang-orang yang menunaikan fardu haji dan umrah boleh bermula daripada Lapangan Terbang Kota Bharu itu tanpa melalui lapangan terbang yang lainnya dalam negara kita ini.

Inilah cadangan saya. Saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, kementerian menjawab ya.

#### 5.06 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]:**

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di peringkat jawatankuasa untuk belanjawan 2001 di bidang Kementerian Pengangkutan. Seramai lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Mereka adalah Yang Berhormat bagi kawasan Larut, Yang Berhormat bagi kawasan Setiu, Labuan, Batang Lupar, Kepong, Serdang, Batu Pahat dan Tumpat.

Untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat bagi Larut mengenai kesesakan jalan raya terutama sekali di bandar Kuala Lumpur. Untuk mengatasi masalah ini kerajaan telah menubuhkan kumpulan perancang antara agensi sektor pengangkutan untuk menangani masalah ini. Kumpulan kerja yang dikenal pasti bagi menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya adalah kumpulan kerja teknikal pengangkutan bandar. Bahagian Kemajuan Wilayah Jabatan Perdana Menteri adalah pengerusi kumpulan kerja ini. Ahli-ahlinya adalah wakil dari Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pembangunan Usahawan, Polis Diraja Malaysia, majlis-majlis tempatan dan operator pengangkutan seperti KTMB, Putra Sdn. Bhd dan Star Sdn. Bhd. Bagi memudahkan pengguna menggunakan sistem pengangkutan awam, kerajaan telah merancang sistem tiket bersepadu atau *common ticketing system* dengan izin, dan akan dilaksanakan yang meliputi penggunaannya di semua perkhidmatan LRT, Komuter, KTM dan bas.

Bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya di Lembah Klang penyebaran maklumat mengenai *integrated traffic information system* telah dilaksanakan oleh DBKL yang merangkumi pemasangan beberapa peralatan untuk mengutip segala maklumat yang berkaitan dengan pergerakan trafik, banjir kilat, kesesakan jalan raya dan kemalangan jalan raya. Maklumat-maklumat tersebut akan diproses dan disebarkan kepada orang ramai dan pemandu melalui berbagai mekanisme. Antaranya adalah *valuable metric sign* di beberapa lokasi yang strategik. Di samping itu sebaran juga dibuat melalui mass media seperti *Internet*, TV dan radio secara terkini atau *real-time*. Cadangan Yang Berhormat tentang zon had di Kuala Lumpur akan ditimbang.

Untuk makluman, Yang Berhormat bagi Setiu mengatakan bilangan penumpang untuk LRT adalah 163,000 sehari. Angka ini salah. Angka yang betulnya adalah 220,000 sehari dan komuter KTM adalah 50,000. Ini berjumlah 270,000 untuk penumpang LRT yang berada di Kuala Lumpur.

Yang Berhormat bagi Larut juga membangkitkan perkara..

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Ada yang bangun ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Boleh beri sekejap. Berkenaan dengan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur ini, apa terjadi kepada kongsi kereta yang diheboh-hebohkan pada satu masa yang dahulu.

Sama ada ia berkesan atau telah dibatalkan, digalakkan pemandu-pemandu perseorangan boleh memandu kereta masuk ke bandar.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Seperti yang saya katakan tadi satu jawatankuasa telah ditubuh dan sekarang kerajaan telah mengambil tindakan supaya rakyat boleh menggunakan *public transport* dengan izin, iaitu LRT, Komuter dan juga langkah-langkah yang lain kita pun telah jalankan. Memang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut, 'zon had' memang kita akan timbang.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [Bangun]

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Sekejap lagi, sekejap lagi. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Larut mengenai Lapangan Terbang Ipoh, kerajaan pada masa ini tidak ada rancangan untuk mempertingkatkan lapangan terbang tersebut kerana kapasiti adalah mencukupi untuk menampung jumlah trafik yang dikehendaki kini dan juga pada beberapa tahun yang akan datang. Mengenai perkhidmatan penerbangan ke Lapangan Terbang Ipoh adalah dimaklumkan bahawa pada masa sekarang di samping penerbangan di antara Kuala Lumpur dan Ipoh terdapat juga penerbangan di antara Ipoh dan Medan. Dalam hal ini sekiranya didapati perlu dan jika ada permintaan syarikat-syarikat penerbangan tempatan akan mengkaji kemungkinan perkhidmatan di antara Ipoh dan destinasi-destinasi lain.

Mengenai cadangan Yang Berhormat tentang double trekking yang dijalankan dari Rawang ke Ipoh. Objektif pelaksanaan projek ini adalah untuk menyambung perkhidmatan komuter sehingga ke Tanjung Malim dan memperkenalkan perkhidmatan penumpang yang cepat daripada KL Central ke Ipoh. Projek ini melibatkan pembinaan landasan baru sejauh 179 kilometer dan kelajuan maksimum kereta api adalah 160 kilometer sejam. Pakej infrastruktur telah diberikan kepada DRB Hicom dengan kos projek RM2580 juta dan tarikh kuat kuasa kontrak pada 17 Julai 2000. Pakej sistem telah dibolehkan kepada Mitsui Company Limited, Mitsui Transportation System Consortium dengan kos RM1668 juta. Projek ini akan disiapkan pada Oktober 2004. Mengenai perkara...

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Minta jalan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Oleh kerana kerajaan telah berbelanja lebih kurang seperti mana yang dimaklumkan RM2,500 juta untuk landasan berkembar dari KL Central ke Ipoh dan jalan tersebut dijangka siap pada 2004. Apakah selepas jalan tersebut siap maka konsesi untuk KTMB dari KL Central ke Ipoh akan diberi kepada DRB Hicom juga. *Construction* telah diberi kepada DRB Hicom maka selepas siap konsesi juga akan diberi kepada DRB Hicom. Kalau diberi, apa rasionalnya sekarang ini. Sepatutnya DRB Hicom mencari wangnya sendiri, barulah layak dia menerima konsesi tersebut. Sekian terima kasih.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Mengenai apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, buat masa ini belum ada keputusan lagi. Kalau Yang Berhormat ingin tahu lebih, saya akan kaji dan beritahu Yang Berhormat.

Mengenai isu lesen terbang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut dan Kepong, ingin saya memberi maklumat-maklumat yang lebih kepada Ahli Yang Berhormat. Mengikut maklumat-maklumat yang diterima daripada BPR, jumlah pemegang lesen terbang yang telah menyerahkan lesen terbang mereka sehingga 16 Oktober 2000 ialah sebanyak 3,664 orang. Jumlah pemegang lesen yang telah menyerahkan lesen terbang semasa tempoh pengampunan mulai 17 Oktober 2000 hingga 17 November 2000 ialah seramai 456 orang sahaja. Ini menjadikan jumlah pemegang lesen terbang yang telah menyerahkan lesen terbang sehingga 17 November 2000 ialah seramai 4,120 pemegang lesen.

Dalam hubungan ini, JPJ memaklumkan sehingga ini BPR masih belum mengemukakan laporan lengkap hasil siasatan mengenai isu lesen terbang ini. Tindakan yang akan diambil ...

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Penjelasan, penjelasan. Sedikit sahaja.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Cukup, cukuplah I think.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Lesen terbang, sedikit sahaja.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Boleh kot?

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tidak ada masa. Tadi sudah habis bincang panjanglah, okay.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Hak terbang-terbang ini, terbang pula selepas ini.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tindakan yang akan diambil ke atas pemegang lesen terbang, pada ketika ini JPJ masih belum menerima laporan lengkap senarai nama pemegang lesen terbang daripada BPR. Tindakan yang akan diambil oleh JPJ sebaik sahaja menerima laporan lengkap senarai pemegang lesen terbang daripada BPR, adalah seperti berikut:

- (i) Mengesan pemegang lesen melalui sistem berkomputer JPJ dan semasa urusan niaga pembaharuan lesen dibuat oleh pemegang lesen yang terlibat dan juga menjalankan temu duga dan siasatan ke atas setiap pemegang lesen terbang yang disenaraikan oleh BPR bagi mengenal pasti kesahihan lesen memandu mereka.
- (ii) Jika siasatan mendapati lesen yang diperolehi adalah secara tidak sah, maka lesen berkenaan akan digantung dan tidak akan diperbaharui lagi.
- (iii) Kalau sesiapa terbukti menggunakan lesen terbang dan gagal memberikan kerjasama kepada pihak BPR atau JPJ, lesen mereka akan dibatalkan dan mereka akan disenaraihitamkan sehingga tempoh 12 bulan.
- (iv) Mereka yang disyaki akan dikenakan tindakan mahkamah mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961 (Pindaan 1997).

Setakat ini 56 orang termasuk 18 pegawai JPJ ditahan ekoran terbongkarnya kegiatan menjual lesen terbang dan daripada 18 pegawai itu, 4 pegawai JPJ telah didakwa di mahkamah. Manakala seorang lagi dijatuhi hukuman penjara dan denda. Seramai 38 orang lagi yang ditahan iaitu pengusaha sekolah latihan memandu dan 10 daripada mereka telah didakwa di mahkamah.

**Puan Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Cukuplah, tidak ada masa.

**Puan Fong Po Kuan:** Satu soalan sahaja. Ini adalah diminta oleh penduduk di kawasan saya. Saya minta penjelasan mengenai lesen terbang dan lesen gerenti lulus ini, sama ada kelonggaran akan diberi kepada pemegang lesen jenis ini yang mereka telah perolehi sejak 20 tahun yang lalu. Sebab bagi kawasan saya itu, kawasan penduduk luar bandar, mereka mengadu dan mengaku bahawa lesen mereka itu adalah lesen "kopi O", tetapi mereka telah menunggang motosikal selama 20 tahun dengan lesen tersebut dan tidak terlibat dengan apa-apa kemalangan jalan raya.

Jadi, dia kata sekarang saya sudah berumur 60 tahun dan sekarang lesen tidak boleh dikeluarkan dan diperbaharui lagi kerana mendapati ia adalah lesen kategori lesen "kopi O". Jadi, apakah kelonggaran akan diberi kepada mereka ini yang buta huruf tetapi boleh perolehi lesen kerana bayar secara bayaran rasuah. Saya harap kelonggaran boleh diberi kepada mereka kerana kategori ini telah perolehi lesen 20 tahun yang lalu.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Untuk makluman Yang Berhormat bagi Batu Gajah, memang kelonggaran sudah diberi kepada sesiapa yang ada lesen terbang sebab sesiapa yang ada lesen terbang, memang dia sendiri akan tahu, sebab kalau dia tidak pergi ambil ujian tetapi dia dapat lesen, memang lesen terbang. Tetapi kalau mereka menyerah lesennya sebelum 17 November, kita akan beri kelonggaran yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Untuk menjawab Yang Berhormat bagi Setiu, jeti yang di Kampung Merang, Setiu dan cadangan supaya ditukarkan menjadi jeti *barter trade*, jeti tersebut adalah jeti kerajaan negeri dan oleh itu tidak jatuh di bawah tanggungjawab kementerian. Terdapat cadangan untuk menyerahkan pengurusan jeti itu kepada Jabatan Laut dan ianya akan dikaji jika berlaku.

Mengenai cadangan menukar kepada jeti *barter trade*, kementerian akan mengkaji *suitability*, dengan izin, apabila jeti diserahkan kepada Jabatan Laut dengan mengambil kira jeti *barter trade* yang sedia ada di Pengkalan Kubor.

Yang Berhormat bagi Labuan membangkitkan perkara tentang Lapangan Terbang Labuan untuk menampung operasi pesawat yang lebih besar seperti Airbus. Lapangan Terbang Labuan pada masa sekarang boleh menampung operasi pesawat B737. Dalam hal ini, berdasarkan kepada permintaan trafik ke Labuan, kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk memanjangkan landasan lapangan terbang tersebut. Walau bagaimanapun, kerajaan di bawah dasar liberalnya sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan asing untuk mengadakan penerbangan terus ke destinasi di Malaysia termasuk Labuan, khususnya untuk membawa masuk pelancong-pelancong.

Mengenai isu surat eksklusif dari kementerian kepada Lembaga Pembangunan Labuan, kerajaan akan mengkaji balik dan melihat semula surat perjanjian dan keadaan supaya feri yang kedua boleh diadakan. Oleh itu, saya akan memberi jawapan yang lanjut kepada Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Hendak bagi jalan atau tidak?

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Cukuplah, I think cukuplah. Saya tidak ada masa.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada lima minit lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Ha, ada lima minit sahaja. Sorrylah Yang Berhormat, minta maaf.

Mengenai Yang Berhormat bagi Batang Lupar, membangkitkan mengenai Lapangan Terbang Kuching dan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu kekurangan litar kereta, kekurangan troli dan masalah banjir dekat *curve side*. Memandangkan perkara-perkara ini adalah terus di bawah tanggungjawab Malaysia Airport Berhad, kementerian akan merujuk perkara-perkara ini kepada pihak tersebut untuk perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Mengenai masalah *speed limit* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar, memang peraturan sekarang membenarkan *national speed limit* ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan di bawah Seksyen 69 (1), Akta Pengangkutan Jalan 1987. *Local speed limit*, dengan izin, juga boleh ditetapkan oleh JKR untuk *federal road* dan pihak berkuasa tempatan untuk jalan negeri dan daerah di bawah Seksyen 69(2), Akta Pengangkutan Jalan 1987. Peraturan yang wujud sekarang adalah untuk had laju dan sekiranya Yang Berhormat ada kawasan yang tertentu, bolehlah merujuk kepada Kementerian Pengangkutan, kita akan bincang dengan kerajaan tempatan dan juga pihak JPJ.

Mengenai masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tentang MAS, telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya tidak ingin menjawab lagi.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat dan Tumpat telah membangkitkan tentang perkara penswastaan aktiviti Jabatan Pengangkutan Jalan. Skop asal penswastaan JPJ meliputi pertama, perkhidmatan pendaftaran dan pelesenan kenderaan, kedua; pengelolaan dan pembaharuan lesen kenderaan motor, cukai jalan; ketiga perkhidmatan pengurusan dokumen kenderaan di pusat pengurusan rekod JPJ; empat; perkhidmatan pendaftaran nombor plat peribadi dan lima; penyediaan sistem maklumat JPJ. Selaras dengan skop asas yang disebutkan di atas pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi membolehkan dilaksanakan telah diluluskan dalam sidang Parlimen dalam tahun 1996. Seterusnya dalam rundingan mengenai perjanjian di antara syarikat konsesi dan kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri. UPE telah membuat keputusan supaya skop penswastaan aktiviti JPJ yang asas diperluas kepada pengelolaan dan pembaharuan lesen memandu.

Keputusan UPE ini telah menyebabkan pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 perlu dibuat dan akan dibentangkan pada sesi Parlimen yang sedang berjalan pada ketika ini. Pindaan akta ini juga akan meliputi perlaksanaan kad pintar pelbagai guna kerajaan yang juga meliputi aktiviti pembaharuan lesen memandu.

Rundingan mengenai perjanjian dengan syarikat konsesi sedang diteruskan oleh UPE dan dijangka selesai tidak lama lagi. Melalui cadangan penswastaaan ini, syarikat konsortium akan mengambil alih segala kos operasi dan pengurusan termasuk mengeratkan kakitangan JPJ yang terlibat dalam aktiviti yang diswastakan, menghasilkan pendapatan kepada kerajaan dari segi kutipan hasil perkhidmatan aktiviti yang diberikan kepada orang ramai di samping meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan kepada orang ramai. Syarikat konsortium juga akan mendedarkan perkhidmatan yang efisien dengan penggunaan teknologi maklumat yang terkini, penyediaan pusat-pusat perkhidmatan di lokasi-lokasi tumpuan ramai di seluruh negara, sistem maklumat mesra pengguna serta khidmat pilihan nombor plat kenderaan yang lebih pelbagai, menarik dan melambangkan aktiviti individu dan korporat.

Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan perkara stesen ERL di Serdang. Untuk makluman Yang Berhormat, Express Railway Link adalah salah satu projek nasional kerajaan yang dilaksanakan melalui penswastaaan dan ianya akan memberi perkhidmatan pengangkutan tren laju kepada penumpang khususnya dari Kuala Lumpur Central ke Kuala Lumpur International Airport (KLIA). Syarikat Express Railway Link Sdn. Bhd yang terdiri dari Tabung Haji Teknologi Sdn. Bhd - 60% dan YTL Corporation Berhad - 40% telah dilantik oleh pihak kerajaan untuk menjalankan projek tersebut melalui perjanjian konsesi dengan pihak kerajaan yang telah ditandatangani pada 25 Ogos 1997 dan konsep konsesi tersebut adalah berdasarkan kepada *built operate and transfer (BOT)*. Tempoh konsesi adalah selama 30 tahun, (*additional 30 years options*) dan tarikh siap projek dan tren mula beroperasi dijangka pada April 2002.

Skop perkhidmatan ialah memberi perkhidmatan penumpang tren laju dari Kuala Lumpur Central ke KLIA, dua; memberikan perkhidmatan penumpang tren komuter dari Kuala Lumpur, Sentul dan berhenti di Stesen Bandar Tasik Selatan, Putrajaya, Salak Tinggi dan terus ke KLIA. Tiga; memberi perkhidmatan City Air Terminal menerusi kemudahan sistem *check in and check out*. Sehingga 20 November 2000, kemajuan keseluruhan pelaksanaan projek ini berdasarkan unjuran kewangan adalah 47%.

Mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Serdang tentang kesesakan dan juga banjir, ini perkara spesifik, kementerian saya akan berbincang dengan Yang Berhormat berkenaan dengan Jabatan Kerja Raya. Jadi dengan itu Tuan Pengerusi, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang ambil bahagian dalam perbincangan. Sekiranya ada apa yang saya tidak dapat jawab setakat ini, kementerian saya sentiasa memberikan penelitian dan tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM373,257,500 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM373,257,500 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,028,870,800 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,028,870,800 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2001.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi besok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.**

DR.4.12.2000

81